

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 24

Isnin

19 Disember 2005

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

(Halaman 29)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 110)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 19 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tentu ada kelainan di antara pertanyaan dan persoalan. Jika tidak, mengapa kita gunakan dua perkataan, persoalan dan pertanyaan. Saya bercadang untuk membereskan sebanyak mungkin pertanyaan-pertanyaan kerana kita hanya ada empat hari persidangan sahaja lagi. Jadi saya harapkan di kedua-dua belah pihak sama ada pertanyaan dan jawapan, biarlah padat dan tepat. Terima kasih.

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Perdana Menteri menyatakan dengan hanya 5% saham akan diagihkan kepada awam berikutan penyenaian TH Plantation di Bursa Malaysia, bagaimanakah penyenaian tersebut membantu menambah kecairan (liquidity) dalam pasaran modal sebagai prasyarat mewujudkan pasaran modal Malaysia yang kompetitif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:
Tuan Yang di-Pertua, penyenaian TH Plantation dibuat mengikut prosedur dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di mana kadar 5% adalah kadar minimum untuk penyertaan pihak awam dan lain-lain pihak selain daripada pihak yang telah diberi peruntukan saham.

Bagi penyenaian TH Plantation di Bursa Malaysia setelah TH Plantation disenaraikan, pihak pendeposit, institusi Islam dan anggota TH boleh mengurusniagakan saham-saham yang mereka miliki di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, TH akan mengekalkan pegangannya pada tahap 60% bagi terus menguasai TH Plantation. Oleh itu saham yang boleh diurusniagakan adalah 40% iaitu kira-kira RM78.4 juta saham di mana TH juga boleh meningkatkan ekuitinya sehingga

75%. Ini akan membantu sedikit sebanyak kecairan Bursa Malaysia sekiranya terdapat urus niaga yang aktif di pasaran.

Selain itu, penyenaiaan TH Plantation akan menambah satu lagi kaunter untuk diurusniagakan di Bursa Malaysia atas prestasi syarikat yang memberangsangkan. Adalah dijangka bahawa pelabur akan berminat untuk mengurus niaga dengan saham TH Plantation sebagaimana saham-saham lain yang sentiasa mendapat perhatian pelabur dan penganalisa saham.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya jemput pertanyaan tambahan, Dewan ingin memberi penghargaan kepada dua orang Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir. [*Tepuk*] Terima kasih.

Puan Mariah binti Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dengan penyenaiaan TH Plantation ini bagi menambah dividen atau bonus kepada pendeposit Tabung Haji?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Bercakap tentang bonus yang diterima oleh pendeposit Tabung Haji, suka saya menyatakan bahawa sejak 2003 telah ianya meningkat. Kita tahu sebab Tabung Haji umurnya telah lama, dewasa, 43 tahun lebih. Jadi dalam masa yang begitu lama, kalau orang sudah tentulah ada kalanya demam, ada kalanya batuk, selesema dan kadang-kadang dibawa ke hospital. Jadi semasa menghadapi krisis ekonomi dahulu, Tabung Haji terpaksa berdasarkan pembahagian dividen ini kepada keuntungan yang dibuat oleh Tabung Haji. Tetapi alhamdulillah, sejak 2003 dan 2004, ini telah meningkat.

Saya masuk sebagai menteri, saya telah mengisytiharkan untuk kali yang pertama bagi 2004 iaitu dengan 4%. Kemudian telah meningkat kepada 4.3% pada tahun lepas. Pada tahun ini saya difahamkan oleh pengurusan Tabung Haji, ia dapat untung banyak. Jadi nantilah dahulu, apabila sampai masanya di awal tahun depan, mungkin pada bulan Februari kita akan isytiharkan atau saya suka menyebut di sini lebih daripada 4.3%. Tetapi tidak boleh janji lebihnya berapa. Jadi ini adalah sesuatu yang menggalakkan kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa prestasi meningkat daripada masa-masa yang lepas. Jadi oleh kerana prestasi ini meningkat, adakah sekiranya disenaraikan daripada tidak disenaraikan, maka prestasinya akan lebih berlipat ganda lagi.

Yang kedua, adakah kajian mengenai risiko - penyenaian ini dibuat oleh pihak pengurusan Tabung Haji dan jika ada, apakah risiko-risiko besar yang akan ditanggung oleh syarikat ini apabila disenaraikan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat yang prihatin dengan perkembangan Tabung Haji. Mengenai soalan pertama, kita menjangkakan setelah disenaraikan Tabung Haji akan mendapat keuntungan daripada penyenaian ini. Dari segi risiko, saya rasa kita tidak sanggup untuk menanggung risiko yang begitu besar, sebab itu kita hanya menyenaikan ladang kita hanya di sekitar 16,227 hektar sahaja daripada jumlah ladang kelapa sawit Tabung Haji seluas 138,267 hektar iaitu di Semenanjung sahaja - bukan keseluruhan Semenanjung pun. Ada 11 ladang sahaja di semenanjung ini yang disenaraikan di sekitar 50 juta lebih sedikit. Maknanya nilai pelaburannya sekitar 13 bilion pelaburan Tabung Haji. Jadi, risikonya tidaklah begitu besar. Sebab itu saya berani untuk meluluskan permohonan daripada *Board Of Directors* supaya Tabung Haji menyenaikan 11 ladangnya iaitu di sekitar 16,227 hektar sahaja.

Kita ada panel pelaburan sebenarnya di Tabung Haji yang terdiri daripada profesional. Dari segi risikonya memanglah diambil kira dan sebagainya, tetapi ia terlalu kecil. Saya suka menyatakan di sini, bukan seluruh ladang Tabung Haji kita disenaraikan, tidak. Di Sabah dan Sarawak cukup baik, di Multi Gambut kita telah mengeluarkan hasil yang baik, di kepulauan Riau yang besarnya lebih daripada Singapura 80,000 hektar dan 40,000 telah membuah hasil, dan sebanyak 70,000 hektar pada tahun 2007 akan mengeluarkan hasil.

Kita tahu dari segi kedudukan buah kelapa sawit sehingga 2008 akan terjamin harga yang baik, tambahan pula kerajaan telah memperkenalkan biodiesalnya yang saya rasa memberi pulangan baik dan masa depannya cukup cerah. Saya suka menyatakan bahawa ini adalah satu cadangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rhina Bhar.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, Dato' Rhina Bhar sebenarnya di luar negara, tetapi memandangkan menteri sendiri datang untuk menjawab soalan itu dan soalnya begitu penting, bolehkah saya bertanya bagi pihak Dato' Rhina Bhar, terima kasih?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini satu keadaan yang luar biasa. Amalannya, sepatutnya saya menghabiskan segala pertanyaan kemudian

baru boleh kembali kepada pertanyaan ini, namun pada akhirnya peruntukan peraturan mesyuarat memberi kuasa kepada saya. Walau apa pun saya betul, maka silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerana ketiga-tiga tokoh penting dalam kementerian ini hadir bersama kita - menteri, timbalan dan juga setiausaha parlimen.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, kemukakan pertanyaan.

2. **Dato' Dr. Chin Fook Weng [Dato' Rhina Bhar] di bawah P.M. 23(2)** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengeratkan silaturahmi kejiwaan untuk membantu keamanan di Selatan Thailand dan apakah jenis bantuan yang sepatutnya diberikan.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah menggunakan budi bicaranya mengikut peraturan. Saya ingin memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab serentak kesemua ketujuh soalan yang telah dikemukakan, memandang soalan-soalan tersebut mempunyai hubung kait yang rapat di antara satu sama lain.

Ini adalah soalan-soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato' Hj. Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Hajah Azizah binti Abd. Samad, Yang Berhormat Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar dan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya jelaskan bahawa silaturahmi adalah sesuatu tindakan dua hala yang memerlukan kedua-dua belah pihak untuk mempunyai hasrat dan cita-cita yang sama. Adalah menjadi dasar luar Malaysia untuk mengambil pendekatan berbaik dengan semua negara tanpa mengira dan menggadaikan kedaulatan dan kepentingan negara kita. Ada masanya perkara yang berlaku di sesebuah negara walaupun masalah dalamnya, namun ia boleh mempunyai kesan limpahan kepada negara lain. Justeru kita perlu prihatin kepada perkembangan yang berlaku di luar sempadan kita.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Thailand secara keseluruhannya adalah amat baik dan akrab. Walau bagaimanapun, sebagaimana perhubungan-perhubungan lain ia akan menghadapi pasang surutnya

berikutan dengan keadaan dan suasana yang berlaku dari masa ke semasa. Dari segi kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang ia masih kukuh dan berjalan seperti sedia kala. Namun demikian, kita akui bahawa apabila berlaku kemasukan 131 rakyat Muslim daripada Selatan Thailand sedikit sebanyak ia telah mengganggu hubungan dua hala dan membawa kepada keadaan yang kadangkala dianggap panas ataupun tegang oleh sesetengah belah pihak.

Sebagai negara jiran kepada Thailand dan juga selaku Pengerusi OIC, Malaysia sentiasa prihatin mengenai perkembangan yang berlaku di Selatan negara tersebut. Ini memang dijangka dan diharap oleh masyarakat Islam di peringkat rantau dan juga di peringkat antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa keadaan keselamatan dan perkembangan yang berlaku di selatan Thailand telah membawa kepada keadaan yang mengkhawatirkan kita. Ia boleh menjejaskan bukan sahaja keselamatan di negara Thailand tetapi mempunyai kesan terhadap keselamatan di negara kita kalau ada ramai kemasukan rakyat daripada luar negara datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Oleh kerana kejadian tersebut, Malaysia telah mempertingkatkan kerjasama keselamatan dengan Thailand. Ini termasuk mengadakan rondaan bersama, menubuhkan perintah medan bersama, ataupun dengan izin *joint field command*, menggiatkan lagi kerjasama pertukaran maklumat serta berkongsi pengalaman dengan Thailand.

Isu kepulangan 131 rakyat Muslim selatan Thailand, pihak berkuasa Malaysia terpaksa mengambil tindakan yang berteraskan kepada amalan dan undang-undang antarabangsa apabila ada kemasukan orang asing ke dalam sesebuah negara. Kita tidak boleh secara melulu mengambil tindakan hanya semata-mata memulangkan seseorang itu melainkan mereka mahu pulang dengan rela hati dan bersetuju.

Baru-baru ini kita telah pun menghantar seorang yang berasaskan kepada fakta menunjukkan rakyat negara tersebut terlibat dengan perkara-perkara yang dianggap jenayah, itu boleh kita lakukan dan kita telah lakukan sebagai menunjukkan bahawa hasrat Malaysia bukan untuk mencampuri dalam hal dalaman sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap bila kita bercakap berkenaan dengan soal silaturahmi, banyak tindakan Malaysia - respons oleh Malaysia adalah *reaction*, dengan izin kepada suara-suara yang dikeluarkan oleh negara lain, kita kena mempertahankan kedudukan dan kepentingan kita. Walau bagaimanapun kita telah mengadakan banyak usaha untuk membawa kepada keadaan yang lebih baik, kita telah menubuhkan *joint development strategic economic community* bagi mengatasi kadar

kemiskinan, kurangnya pembangunan ekonomi di kawasan utara kita dan juga di kawasan selatan Thailand. Kita berharap dengan adanya pembangunan ekonomi ia akan membawa manfaat dan ini akan mengurangkan keadaan ketegangan ataupun kegusaran rakyat di negara tersebut.

Oleh itu saya berharap kita akan sentiasa di dalam memberikan pandangan kita, mempunyai sikap yang tidak gopoh dan kita akan terus memerhati suasana dan keadaan bagi membolehkan hubungan kita tetap akrab dan rapat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pada pengetahuan saya isu ini belum pernah diperjelaskan dengan begitu jelas hingga ke saat-saat ini. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan selepas itu Datuk Yaakob.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dengan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Thailand mengapa kita berlaku sedemikian, adakah penjelasan-penjelasan sedemikian telah memulihkan prasangka yang wujud dan sebagainya, supaya pertalian yang lebih baik diwujudkan. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar: Selalunya suasana yang boleh membangkitkan ketegangan ialah bila isunya dimainkan di peringkat media cetak dan media elektronik. Yang paling pentingnya ialah apabila kita menguruskan dasar luar, kita tidak menguruskan dasar luar kita berasaskan kepada apa yang terkandung dalam media kerana dasar luar adalah berasaskan kepentingan jangka panjang dan ini bermakna Malaysia dan Thailand mempunyai kepentingan untuk bekerjasama dan ia akan mendatangkan manfaat.

Kita lihat, walaupun keadaan menjadi susah pada satu masa, pada Sidang Kemuncak ASEAN Kesebelas baru-baru ini, setelah kita melepaskan seorang daripada rakyat mereka pulang untuk diambil tindakan mengikut proses dan jaminan mereka, mengikut proses undang-undang dan orang itu akan dibawa ke muka pengadilan, maka nampak hubungan di antara Thailand dan Malaysia kembali pulih dan kemesraan mulai timbul; kemesraan di antara Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Thailand terjalin semula. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa kita tidak mempunyai niat untuk campur tangan tetapi kita kena bertindak dengan waras mengikut proses dan kedudukan undang-undang antarabangsa.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Lepas ini Dr. Haji Mohd. Fuad bin Zarkashi.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Luar Negeri kerana telah berjaya, sungguh berjaya di dalam ASEAN Summit, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu berkaitan dengan selatan Thailand juga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan atau pertanyaan tambahan

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Pertanyaan tambahan, terima kasih. Iaitu berkaitan kawalan sepanjang sempadan yang mana sering kali menjadi perbalahan apabila berlaku penceroboh dari Thailand masuk ke Malaysia. Apakah sistem yang kawalan sempadan yang ada pada hari ini sudah mencukupi dari segi kawalan sempadan dan sama ada kementerian bercadang untuk menambah alat-alat yang lebih canggih bagi memastikan pelarian tidak masuk ke sempadan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun perkara itu menyentuh kementerian lain, tetapi saya izinkanlah supaya kalau Yang Berhormat Menteri mahu menjawab.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan apabila satu suasana memerlukan untuk kita menentukan bahawa tidak dapat dibolosi ataupun ada ancaman keselamatan tidak dapat dibolosi persempadanan Malaysia, namun demikian oleh kerana persempadanan kita adalah lebar dan luas dan kadang kala ada terjadi dan setelah kejadian itu Kementerian Pertahanan telah meningkatkan kawalan keselamatan dan ini membolehkan tidak ramai lagi orang dapat masuk ke dalam kawasan kita dalam suasana dan keadaan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan tersebut diberi dalam konteks yang diamalkan dalam prinsip *collective responsibility* yang didokong oleh Kabinet. Silakan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah kita sering berhadapan dengan negara-negara jiran mengenai dengan pelarian ini. Kenapakah Malaysia tidak menandatangani konvensyen antarabangsa mengenai *refugee*, dengan izin, dan sekurang-kurangnya menyebabkan kita boleh memberikan kuasa politik kepada pelarian daripada selatan Thailand ini daripada kita simpan mereka tanpa alasan yang boleh menimbulkan lebih banyak masalah hubungan kita dengan Thailand. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih di atas soalan berkenaan suaka ini. Kita adalah sebuah negara yang mempunyai kedudukan yang strategik. Kita tidak mahu jika kita menandatangani satu konvensyen dan kita menjadi ahli konvensyen, maka ia menjadi pembukaan pintu untuk menggalakkan rakyat negara lain apabila ada masalah di dalam negara mereka untuk masuk ke Malaysia di atas alasan mereka memerlukan perlindungan politik. Jadi, oleh itu kita lebih membuat pendekatan yang berasaskan kepada *pragmatism* dan *practicality* suasana dan keadaan.

Dengan itu kita memberikan pendekatan kita walau ia berbentuk menerima pelarian tetapi ia lebih berbentuk pendekatan kemanusiaan. Kita lihat pada satu masa pelarian Vietnam masuk ke negara kita apabila berlakunya di Kemboja, kita juga membenarkan kehadiran rakyat asing. Ini berlaku, tetapi tindakan kita kemudian apabila mereka berada di dalam negara kita adalah berasaskan kepada undang-undang antarabangsa dan tidak lari daripada apa yang berlaku. Oleh itu ia diiktiraf oleh UNHCR sebagai satu tindakan yang penuh dengan kebijaksanaan dan berasaskan kepada undang-undang kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Minta maaf kepada Tuan Haji Hassan Shukri, kerana saya tidak boleh membenarkan lebih daripada tiga soalan.

3. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Kesihatan menyatakan alat-alat yang canggih dan mahal ada terdapat di hospital-hospital besar termasuk Hospital Kuala Terengganu, tetapi sering juga mengalami kerosakan hingga tidak dapat digunakan. Akibatnya kes-kes perlu dihantar ke Hospital Kota Bharu atau Kuantan. Mengapakah masalah ini berlaku dan apakah tindakan untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Latiff bin Ahmad]: Kebanyakan peralatan-peralatan yang canggih dan mahal serta berteknologi tinggi sememangnya terdapat di hospital-hospital negeri termasuk di Hospital Kuala Terengganu. Alat-alat tersebut seperti dengan izin, *CT scanner*, MRI dan sebagainya. Di antara sebab-sebab utama alat-alat ini sering rosak dan tidak dapat digunakan adalah kerana beban kerja bagi alat-alat ini selalunya tinggi sehingga melebihi tahap optimum penggunaannya dan tidak mengikut syor dari pembuat atau pembekal alat tersebut. Untuk mengatasi masalah, Kementerian Kesihatan akan memantau penggunaan dan prestasi alat-alat tersebut, di samping itu pihak kementerian akan memastikan pihak syarikat konsesi yang melakukan *maintenance*, dengan izin, mempertingkatkan tahap kualiti penyelenggaraannya.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan. Kita melihat bahawa penyelenggaraan ini tidaklah begitu rapi, oleh kerana itu maka kita mendapati bahawa ramai di antara pesakit-pesakit ini menghadapi masalah dan ada kalanya menemui ajal, oleh sebab tidak bertepatan dengan diagnosis ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat ..

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Pertanyaannya, cara mana kita boleh meningkatkan lagi penyelenggaraan ini supaya ia memberi kerapian. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biasanya dalam mana-mana pembekalan dalam kerajaan, kalau dahulu ia ada pembekalan sahaja, pengisian, sekarang ia ada *commission of the equipment*, dengan izin, ada *warranty*, kemudian ada penyelenggaraan. Seperti yang saya nyatakan, oleh kerana beban kerja terlalu tinggi dan pakar-pakar kita untuk mendapatkan diagnosis yang tepat, mereka perlu menggunakan peralatan-peralatan tambahan dan ekoran daripada itu beban kerja terlalu tinggi dan sentiasa digunakan.

Ekoran daripada itu, mesin yang mahal dan canggih serta hebat macam mana pun kalau dia dengan izin, *over used*, sukar untuk dipertahankan kredibiliti dan juga prestasi mesin tersebut. Dalam perjanjian yang ditandatangani oleh kerajaan dengan syarikat konsesi penyelenggara, jika mereka tidak dapat memenuhi standard-standard tertentu, pesakit boleh dirujuk kepada hospital swasta yang mempunyai kemudahan tersebut dan caj-caj yang dikenakan boleh....

Tuan Yang di-Pertua: Di sebalik pertanyaan tambahan itu, Yang Berhormat mencari-cari jaminan dapatkah langkah-langkah untuk memperbaiki mutu penyelenggaraan ini.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Salah satunya kita beli perkhidmatan daripada sektor swasta dan syarikat konsesi terpaksa bayar apa juga perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat swasta. Bermakna dari sudut kemudahan ini pesakit masih dapat servis yang dikehendaki, pakar pun dapat memastikan diagnosis yang tepat walaupun kadang-kadang pesakit terpaksa pergi ke destinasi yang lain. Terima kasih

5. Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkara-perkara spesifik yang diharapkan daripada Mesyuarat ASEAN Kesebelas khususnya dengan keadaan pembangunan yang agak lembap dan ketidakseimbangan dalam ASEAN.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sidang Kemuncak ASEAN Ke 11 dan sidang-sidang kemuncak berkaitan dengannya, telah berjaya dianjurkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, KLCC pada 11 hingga 14 Disember, 2005 baru-baru ini.

Sidang kemuncak tersebut, dianggap sebagai satu kejayaan besar kepada Malaysia dari segi kemudahan yang kita sediakan sehinggalah cara pengendalian atau pengurusan perbincangan yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita diberikan sanjungan tinggi oleh pemimpin ASEAN yang lain dan rakan kongsi dalam Sidang Kemuncak Asia Timur yang pertama termasuk pemerhati-pemerhati luar negara.

Seperti mana yang kita ketahui, program tindakan Vientiane telah ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke 10 pada tahun 2004 di Vientiane, Laos. Objektif program tindakan ini ialah untuk mengintegrasikan ASEAN dan merapatkan lagi jurang perbezaan di antara ASEAN Enam iaitu negara ASEAN yang terdahulu dengan negara-negara baru ASEAN, CLMB atau pun Cambodia, Laos, Myamar dan Vietnam. Dalam hal ini, salah satu langkah yang telah kita ambil, setelah menjalankan pelaksanaan bagi merapatkan jurang ialah baru-baru ini menubuhkan *ASEAN Development Fund* bagi membantu pelaksanaan program dan aktiviti yang telah digariskan di dalam *Vientiane Action Program*.

Malaysia sendiri telah memberikan sumbangan, walau pun diperlukan hanya USD100,000 kita telah memberi sumbangan tambahan sebanyak USD500,000 kepada tabung *ASEAN Development Fund* (ADF) pada bulan Julai, 2005. Buat masa ini negara-negara ASEAN telah menyumbang keseluruhannya sebanyak USD 1 juta. Pada masa yang sama ASEAN juga telah meminta kerjasama daripada rakan-rakan dialog untuk menyokong program-program yang boleh mendatangkan integrasi ASEAN melalui sumbangan kepada ADF.

Misalnya baru-baru ini India, telah mengumumkan untuk menyumbangkan USD 1juta kepada ADF, Jepun pula mengumumkan sumbangan sebanyak USD 70 *million* bagi projek inisiatif integrasi ASEAN melalui ADF dan *ASEAN-Japan Cooperation Fund*.

Kedua sumbangan ini telah diumumkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN-India dan Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun baru-baru ini. Inisiatif integrasi ASEAN telah dilancarkan pada tahun 2000 untuk manfaat negara-negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sumbangan Malaysia sebagai usaha untuk mempercepatkan proses integrasi, Malaysia telah menyumbangkan kepada *Initiative for ASEAN Integration* sebanyak USD 1.53 atau pun RM8.89 juta dari tahun 2003 hingga 2005. Di samping itu, melalui program *Malaysian Technical Cooperation Programme* dengan izin dan kerjasama dua hala untuk negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam, Malaysia telah pun menghulurkan RM1.9 juta atau pun bersamaan USD 500,000.

Sehingga kini, jumlah sumbangan Malaysia kepada *Initiative for ASEAN Integration* dan juga bantuan teknikal kepada negara-negara CLMB adalah sebanyak USD 10 juta. Dengan kesemua-semua sumbangan ini, ia menunjukkan bahawa Malaysia memang memainkan peranan yang aktif dan menyokong usaha-usaha ke arah bina upaya negara-negara di dalam ASEAN. Terima kasih.

Tuan Yang di-Petua: Saudara Tajul dan selepas itu Dato' Chin Fook Weng.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Petua dan Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan saya ialah sehingga kini ASEAN masih tidak dapat menyelesaikan masalah demokrasi Burma. Apakah keadaan ini tidak dapat diselesaikan. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan terhadap Myanmar. Saya fikir kejayaan dan kegagalan ASEAN tidak hanya tertumpu kepada sistem pemerintahan yang ada di dalam negara tersebut tetapi bagaimana kita laksanakan untuk membawa pembangunan, proses ke arah pendemokrasian di dalam sesebuah negara itu. Dalam suasana tidak boleh campur tangan, kita hanya boleh menggalakkan dan mengajak Myanmar untuk bertukar dan Myanmar sendiri bersetuju untuk bertukar ke arah demokrasi, namun mereka mahu menggunakan acuan dan pendekatan mereka sendiri.

Berasaskan kepada maklumat dan apa yang dijelaskan oleh Myanmar, mereka mengatakan bahawa peninggalan daripada penjajah ke negara mereka menyebabkan lebih susah dan lebih rumit untuk mereka melahirkan satu sistem demokrasi. Walau bagaimana pun, ASEAN terus meminta dan memberikan pandangan yang keras,

Myanmar akhirnya kena berubah ke arah demokrasi sebagaimana negara-negara ASEAN yang lain.

Begitu juga kalau kita ambil Tiga Tunggak Bali Concorde Dua, yang diluluskan di Bali baru-baru ini. salah satu masyarakat yang hendak kita lahirkan ialah masyarakat keselamatan dan politik. Elemen yang terkandung yang penting di dalam masyarakat, keselamatan dan politik ialah negara ASEAN mestilah berteraskan demokrasi, mengikut pemerintahan, mengikut undang-undang, mesti mengamalkan hak asasi dan Myanmar menerima ini. Soalnya bila dan bagaimana mereka hendak melaksanakan. Oleh itu kita akan terus berusaha ke arah pencapaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya ada kemajuan Yang Berhormat, kerana bila ditegur dengan keras, Myanmar tidak melenting dan marah, tapi terima.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oleh kerana ia di bawa oleh dua peringkat, di peringkat pertama ia di bawa oleh peringkat Menteri Luar, lepas itu di bawa oleh peringkat Ketua-ketua Negara dan Ketua Kerajaan, walau pun pedih mereka menerima, tetapi untuk memaksa, merasa susah

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya di sini terdapat kemajuan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kemajuannya, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dari segi persetujuannya tapi di masa yang sama, apa yang menjadi masalah ialah cara dia bertindak dianggap terlalu perlahan, sehingga dia menjadi tekanan kepada negara-negara ASEAN sendiri. Kita lihat ia sebagai kemajuan; dan kemajuan ini bukan sesuatu yang besar atau membanggakan sangat tapi kita akan terus berusaha. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara isu yang dinanti-nantikan oleh rakyat ASEAN ini ialah tentang Parlimen ASEAN. Ini satu perkara, adakah ini mendapat perhatian Mesyuarat ASEAN baru-baru ini dan bolehkah kita diberi tahu tentang perkembangan dalam isu ini kerana nampaknya Perdana Menteri kita berminat dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ASEAN mempunyai pendekatan yang berasaskan falsafah iaitu tindak demi tindak, atau pun langkah demi langkah sehingga kita mencapai keselesaan di dalam hubungan di antara negara-negara ASEAN. Di masa yang sama, kita juga bercakap berkenaan pengintegrasian. Pengintegrasian dalam bidang politik lebih rumit daripada pengintegrasian di dalam bidang ekonomi atau pun dalam bidang sosiobudaya. Ini

semua menjadi tunggak dan harapan kita dan saya fikir, dengan adanya kita mencetuskan, satu, kita bersetuju memberi mandat di Kuala Lumpur, iaitu Kuala Lumpur *Declaration* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *On ASEAN Chatter*. Bila kita mempunyai piagam, cita-cita kita ke arah mencapai kejayaan tersebut mungkin menjadi lebih berupaya untuk direalisasikan, tapi jangan kita ingat dia adalah satu perkara yang cepat dan mudah, dia akan mengambil masa sebagaimana juga Kesatuan Eropah mengambil masa yang agak lama walau pun dalam *homogeneity* mereka, di ASEAN tidak kita tidak mempunyai *homogeneity* sebagaimana dalam Kesatuan Eropah.

6. **Dr. Raja Ram a/l Nadayson** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi membanteras kegiatan-kegiatan 'along' yang sangat berleluasa pada masa kini sehingga mereka begitu berani menampalkan poster-poster di merata tempat serta mengedarkan '*visiting card*' mereka di kebanyakan kawasan penubuhan dan pusat-pusat perniagaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana individu atau syarikat persendirian yang mahu menawarkan khidmat pinjaman wang perlu terlebih dahulu mendapatkan lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan. Adalah menjadi kesalahan sekiranya perkhidmatan pinjaman wang dijalankan tanpa lesen dan jika disabitkan kesalahan menjalankan khidmat ini, boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 tetapi tidak melebihi RM100,000 atau di penjara untuk tempoh selama tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Sekiranya mana-mana individu atau syarikat yang mempunyai lesen, pemberian pinjaman wang yang sah hendaklah mengiklankan perniagaannya. Mereka perlu dapatkan permit iklan yang dikeluarkan oleh Kementerian. Jika menyiarkan iklan tanpa permit, ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dihukum denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya.

Berhubung dengan iklan-iklan pemberian pinjaman wang yang berleluasa dalam akhbar dan yang ditampal di tempat-tempat awam, tindakan pemantauan dijalankan oleh kementerian secara berterusan. Setiap iklan pemberi pinjaman wang yang di kumpul dan diambil, tindakan mengesan pemilik dan alamat yang diiklankan diambil tindakan. Tindakan penguatkuasaan diambil ke atas syarikat-syarikat yang tidak mempunyai lesen pemberi pinjaman yang membuat iklan di akhbar-akhbar.

Kebanyakan iklan yang terdapat di 'calling card' menggunakan nombor *free paid* yang tidak didaftarkan dan alamat yang palsu pemiliknya. Ini adalah masalah untuk membanteras mereka dan sejak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mentadbir Akta Pemberi Pinjaman Wang sejak daripada tahun 2003 hingga sekarang, kita telah menerima 114 aduan daripada rakyat dan daripadanya 45 ditutup kerana tidak mempunyai bukti yang cukup, 54 di dalam siasatan dan 4 telah didakwa di mahkamah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana isu 'Along' ini dah terlalu banyak mendapat perhatian dalam Dewan yang mulia ini, saya menjemput hanya satu pertanyaan tambahan. Adakah Dr. Raja Ram ada pertanyaan tambahan?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah adakah kementerian juga memantau dari sudut kadar ...

Tuan Yang di-Pertua: Negara menghadapi banyak lagi isu yang perlu diketengahkan selain daripada isu 'Along' ini.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Saya cuma ingin tahu adakah kementerian juga memantau kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat-syarikat pemberi pinjaman ini dan adakah kementerian juga memantau modus operandi, cara mereka mengutip pinjaman, sebab kita dengar bagaimana mereka 'Along-along' ini menggunakan gengster dan sebagainya untuk mengutip balik pinjaman. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul, kementerian memantau kedua-dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, tetapi kita mesti memerlukan aduan daripada yang meminjam wang dan mereka mestilah sudi memberi aduan sampai pemberi pinjaman itu di bawa ke mahkamah untuk di dakwa. Kadang-kadang masalah yang kita hadapi, tidak ada orang yang mahu datang ke hadapan untuk memberi aduan dan bukti yang cukup dan kalau datang pun mereka tidak meneruskan bantuan itu sampai kementerian membawa peminjam itu ke mahkamah. Terima kasih.

7. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina Lebuhraya Utara Selatan kedua memandangkan lebuhraya yang sedia ada semakin sesak khususnya menjelang musim perayaan dan cuti umum. Kenapakah kerajaan tidak menambah jumlah lorong jalan raya sekurang-kurangnya 3 km sebelum tiba di plaza tol terutamanya di Plaza Tol Sungai Besi, Skudai dan Jelapang untuk mengatasi kesesakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk membina Lebu Raya Utara Selatan kedua bagi tujuan mengatasi masalah kesesakan khususnya menjelang musim pilihan raya dan cuti umum. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil tindakan ...

Tuan Yang di-Pertua: Musim pilihan raya Yang Berhormat atau musim perayaan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Musim perayaan dan juga pilihan rayalah. [Ketawa]. Menjelang musim perayaan dan cuti umum, walau bagaimana pun kerajaan telah mengambil tindakan, melebarkan lorong lebu raya dari 2 lorong kepada 3 lorong di beberapa bahagian Lebu Raya Utara Selatan yang telah dikenal pasti sering berlaku kesesakan. Antaranya, laluan lebu raya dari Seremban-Senawang, Senawang-Air Keroh, Rawang-Tanjung Malim, Tanjung Malim-Slim River dan juga laluan tanpa henti di antara Jelapang ke plaza tol Ipoh Selatan.

Kerajaan juga tidak bercadang menambah lorong jalan raya sekurang-kurangnya 3 km sebelum tiba di plaza tol untuk mengatasi masalah kesesakan. Ini kerana tindakan tersebut tidak dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan di plaza tol. Pada masa ini, kesesakan di plaza tol berlaku kerana kenderaan terpaksa berhenti di pondok tol untuk membayar tol. Masalah kesesakan di plaza tol dijangka akan dapat diatasi selepas cadangan sistem bayaran tol laluan terus tanpa henti dilaksanakan.

Bagi Plaza Tol Jelapang, masalah kesesakan akan dapat diatasi setelah siapnya projek laluan terus tanpa henti antara Jelapang dan Plaza Tol Ipoh-Selatan yang sedang dalam pembinaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Puad.

Tuan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Pertanyaan tambahan saya ialah, apakah kerajaan tidak bercadang pula untuk menambahkan lorong jalan di jalan yang sedia ada kepada 4 lorong iaitu contohnya daripada Johor Baharu ke Pontian, Pontian ke Batu Pahat, Batu Pahat ke Muar, Muar ke Melaka dan seterusnya - jalan yang sedia ada, jalan lama kepada 4 lorong. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat pertanyaan Yang Berhormat Senator adalah berhubung kait tentang dengan izin *federal road one* yang sedia ada, sama ada proses.....

Tuan Yang di-Pertua: Tol...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: hendak naik taraf dan untuk maklumat Yang Berhormat, semua jalan *federal road one* ini dalam proses menaik taraf dan kalau kita selidik, banyak juga jalan yang telah pun daripada dua lorong dijadikan empat lorong walaupun sesetengah jalan itu dia punya *road divider* tidak disediakan oleh kerana masalah. Tetapi untuk maklumat tambahan, dalam kawasan-kawasan yang dengan izin, dia punya *high density* ini.

Sebagai contoh ini, daripada pesisiran pantai antara Selangor dengan Perak. Cadangan untuk mengadakan Lebu Raya Pantai Barat iaitu Banting ke Taiping sebagai alternatif kepada Lebu Raya Utara Selatan akan dilaksanakan secara berperingkat. Setelah Perjanjian Konsesi ditandatangani, hanya akan bermula dengan pembinaan negeri-negeri di Selangor dahulu, dengan tempoh pembinaan selama tiga tahun. Sudah selesai yang di Selangor ini, disambung ke Taiping setelah dua tahun. Projek ini dalam peringkat mutakhir diperbincangkan di peringkat EPU sebelum dimateraiakan perjanjian untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian atau Bank Negara Malaysia terhadap perkembangan dan amalan yang kurang sihat di dalam institusi kewangan Islam yang menyimpang dengan amalan-amalan Islam Hadhari yang menyebabkan kerugian kepada Tabung Haji dan juga Bank Islam. Justeru itu apakah mekanisme atau pemantauan yang dilakukan sebelum keadaan menjadi lebih parah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pengurusan risiko dan penilaian kredit yang lemah terutamanya daripada operasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di Labuan adalah antara faktor utama menyebabkan kerugian BIMB. Di samping itu, peruntukan bagi pembiayaan bermasalah yang berlanjutan sejak tahun 1958 turut menyumbang kepada kerugian bank tersebut.

Walau bagaimanapun, kerugian ini tidak menjejaskan bank berkenaan dan industri perbankan Islam secara keseluruhannya. Bagi menangani isu kerugian Bank Islam, beberapa langkah diambil oleh bank berkenaan seperti berikut.

- (i) memperkukuhkan urus tadbir korporat bank berkenaan;
- (ii) memperkukuhkan kerangka pengurusan risiko dan penilaian kredit bank;
- (iii) suntikan modal daripada pemegang saham sedia ada dan pelabur asing yang berminat untuk memegang ekuiti dalam BIMB;

- (iv) menubuhkan satu *Special Purpose Vehicle* (SPV) bagi mengendalikan aset-aset pembiayaan yang bermasalah supaya bank tersebut boleh memberi fokus kepada perniagaan terasnya; dan
- (v) pemantauan berterusan bagi memastikan kedudukan BIMB terus kukuh.

Kerugian BIMB adalah satu kes yang terpencil dan tidak menjejaskan prestasi dan perkembangan industri perbankan Islam secara keseluruhannya mahupun imej Malaysia sebagai pusa kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah yang diambil oleh BIMB, Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk memperkukuhkan lagi daya saing dan daya tahan industri perbankan Islam di negara ini. Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan ialah pelaksanaan program tanda aras bagi menilai prestasi dan tahap perkhidmatan dari segi *quantitative* dan *qualitative* agar setanding dengan amalan terbaik antarabangsa.

Penubuhan beberapa jawatankuasa dalam lembaga pengarah bank seperti Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Ganjaran telah diperkenalkan bagi meningkatkan fungsi dan *accountability* pemegang saham dalam memantau keberkesanan dan prestasi lembaga pengarah dan pasukan pengurusan. Langkah-langkah ini akan memastikan industri perbankan Islam diurus oleh pasukan pengurusan yang mahir dan dapat memacu prestasi perbankan Islam dalam suasana persaingan yang semakin mencabar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kerugian Tabung Haji, kerugian Bank Islam dan kerugian MAS merupakan satu kehilangan wang yang berjuta daripada negara kita. Kenapakah kerajaan menggagap setiap kerugian ini satu kes yang terpencil? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan tentang Bank Islam. Tadi saya sebut sebagai kerugian yang terpencil dan tidak berlaku di bank-bank yang lain. Oleh kerana ini masalah pengurusan dalaman Bank Islam sendiri, bukan kerana sistem perbankan Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Bank perbankan ambil sikap tidak serius, ya?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak, tidak. Ini oleh kerana masalah pengurusan dalaman. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam telah melantik satu

CEO yang baru dan lembaga pengarah semuanya telah ditukar. Tinggal satu sahaja tidak tukar, yang lain semua sudah tukar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak dengar tadi, barangkali Ahli Yang Berhormat kata apa.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, untuk menunjukkan keseriusan.....

Tuan Yang di-Pertua: Pertukaran itu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: CEO sudah tukar, ambil baru Bank-bank Islam dan lembaga pengarah pun semua sudah tukar, kecuali seorang sahaja. Ini menunjukkan bagaimana seriusnya perkara ini diambil oleh pihak bank.

9. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah kementerian sedar walaupun hampir setiap tahun FELCRA memberikan ganjaran kepada pemilik tanah FELCRA tetapi ternyata bahawa jumlah itu amat mengecewakan kerana jika pemilik usahakan sendiri mereka akan perolehi pendapatan yang berkali ganda. Purata berapakah sepatutnya pendapatan bulanan yang akan diperolehi oleh pekebun sawit yang mempunyai tanah 3 ekar. Sudahkah kementerian membuat kajian terperinci berhubung dengan pembahagian / pengagihan pendapatan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, kita sebenarnya tidak dapat membandingkan secara langsung pendapatan yang diperolehi oleh peserta FELCRA dengan usahawan sendiri yang mengerjakan kebun-kebun kecil seperti sawit dan getah kerana pertamanya, apa yang dilakukan oleh FELCRA ialah tanah-tanah yang sudah pun terbiar, hanya tidak dikerjakan. Kebanyakan tanah-tanah ini adalah tanah-tanah yang berbentuk *marginal*, yang tidaklah begitu sesuai tetapi oleh kerana tanah-tanah ini terbiar, maka ia dikerjakan yang boleh mendatangkan hasil.

Keduanya, oleh kerana ia dikerjakan oleh FELCRA, maka pemilik atau peserta tersebut tidak perlu menanggung kos pembangunan yang dianggarkan lebih kurang RM7,000 satu hektar untuk mengerjakan ladang-ladang ini. Ini bermakna, pekebun atau pemilik tidak menanggung kos, tidak juga perlu mempunyai kemahiran dan pengurusan juga dikendalikan oleh FELCRA.

Kalau kita kata bahawa pendapatan pekebun-pekebun kecil mungkin lebih tinggi daripada hasil yang diperolehi oleh kebun-kebun yang dikerjakan oleh FELCRA, kita

perlu mengambil kira bahawa ini tidak timbul. Maknanya kalau pekebun kecil hendak buat sendiri teruskanlah, tidak ada masalah. Yang dikerjakan oleh FELCRA ialah kebun-kebun yang sudah pun terbiar, yang tidak mendatangkan hasil tanpa penglibatan FELCRA.

Dari segi pendapatan pekebun sawit yang mempunyai tiga ekar dalam program FELCRA ini, dianggarkan dividennya adalah sebanyak RM350 sebulan secara purata dan upah sekiranya mereka bekerja dalam ladang tersebut, upahnya adalah RM900 sebulan. Jadi bermakna pendapatan dia adalah sebanyak RM1,250 sebulan. Tetapi kalau peserta tidak mengambil upah pekerja yang lain-lain, maka mereka hanya mendapat RM350 lah dan yang dia dapat RM350 ini, perlu dilihat sebagai pendapatan tambahan kerana semestinya mereka ini bekerja pekerjaan yang lain. Kalau dia tidak ada kerja yang lain, baik dia mengambil upah. Maka pendapatan dia boleh melebihi RM1,000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Supaya menepati konteks, kalau tidak silap saya, FELCRA itu dalam *acronym* nya ialah *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority*. Jadi tanah pun tanah *second-class* lah hendak disatukan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah ramai berminat dalam skim ini dan perlukah FELCRA membuat pemilihan daripada mereka yang memohon itu atau sukar bagi FELCRA mencari mereka yang berminat. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang berminat menjadi peserta ini perlu difahami. Pertamanya peserta untuk tanah mereka digunakan oleh FELCRA sama ada mereka mempunyai tanah-tanah yang terbiar yang mana ingin mengambil bahagian dalam skim FELCRA ini, itu yang pertama.

Yang keduanya ialah FELCRA juga sebenarnya ada mengerjakan tanah-tanah yang dianugerahkan oleh kerajaan negeri. Ini biasanya juga perlu diisi dengan peserta-peserta supaya peserta dapat menikmati hasil daripada tanah-tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri. Jadi kalau dari segi hendak jadi peserta tanah negeri itu memang mungkin ramai. Selalunya FELCRA kena *check*, kena *interview* dan biasanya ada satu jawatankuasa bersama antara FELCRA dengan kerajaan negeri kerana tanah-tanah itu digunakan oleh kerajaan negeri. Biasanya mereka akan memilih peserta-peserta yang paling sesuai, yang paling berminat, yang kelihatan mempunyai prasyarat untuk menjadi peserta yang berjaya dalam skim tersebut.

10. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri, Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan bilakah pelaksanaan mewajibkan semua pelanggan, pengguna dan pemilih kad "sim" prabayar telefon didaftarkan butiran peribadi mereka dan apakah punca perkara ini tidak dapat disegerakan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membuat keputusan untuk mewajibkan semua pengguna telefon bimbit prabayar didaftarkan. Pendaftaran telah mula dilaksanakan pada 1 Oktober 2005 di dua buah negeri iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Mulai 1 Januari 2006 semua pengguna telefon bimbit prabayar di seluruh negara akan diwajibkan mendaftar. Pendaftaran awal dimulakan dahulu di negeri Pulau Pinang dan Melaka bagi membolehkan pihak kementerian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan TELCOs menilai kaedah pelaksanaan dan keberkesanan sistem yang digunakan dan memberi peluang kepada proses penambahbaikan.

Bagi memastikan sistem atau kaedah pendaftaran prabayar ini adalah cekap dan berkesan, kementerian dan juga SKMM akan meminta supaya semua TELCOs menetapkan standard atau tanda aras yang sesuai meliputi proses pendaftaran, penyimpanan dan keselamatan data peribadi dan kaedah pengurusan pusat data. Ini bertujuan memastikan pihak TELCOs mewujudkan *best practice* dengan izin, dalam pengurusan pendaftaran pengguna prabayar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebarang usaha untuk mendaftarkan pelanggan telefon bimbit prabayar seramai 14.6 juta iaitu hampir 84% daripada jumlah keseluruhan pelanggan perkhidmatan telefon bimbit perlu dilaksanakan dengan perancangan yang teratur supaya tidak memberi kesan negatif kepada pertumbuhan industri ini dan juga memelihara kepentingan pengguna-pengguna sendiri. Ini adalah di antara punca proses pendaftaran ini tidak dapat disegerakan. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah kementerian berhajat untuk memansuhkan pendaftaran *prepaid card* sebelum 1 Oktober kerana menggunakan pendaftaran *prepaid card* yang lama, mereka masih lagi boleh menghantarkan pesanan ringkas dan boleh memburukkan, mencaci, memfitnah serta ugutan bunuh terhadap seseorang itu. Ini tidak akan dapat dikesan dan kalau dibuat laporan polis, pihak polis pun tidak dapat buat apa-apa. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kerajaan bercadang hendak mansuhkan yang belum didaftarkan itu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, semua pengguna kad prabayar perlu mendaftarkan kad prabayar mereka sama ada pengguna lama ataupun pengguna baru. Cuma bezanya sekiranya mereka adalah pengguna-pengguna kad prabayar yang lama, apabila mereka pergi ke pusat-pusat ataupun wakil-wakil penjual kad prabayar ini, mereka hendak menambah nilai, di situlah ketikanya mereka perlu mendaftarkan kad prabayar ini nanti. Ini untuk mengelakkan perkara-perkara yang sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, ada pihak-pihak yang menggunakan teknologi maklumat ini untuk tujuan-tujuan yang tidak baik umpamanya menyebarkan fitnah dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim.

[Soalan No. 11- Tuan Ismail Kasim tidak hadir]

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon maaf kerana Tuan Ismail bin Kasim masih berada di Perlis oleh kerana keadaan banjir. Oleh kerana soalan ini kepentingan awam, bolehkah saya bertanya bagi pihak beliau? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kali ini saya tidak boleh benarlah. Dia bukan keadaan luar biasa sangat. Tetapi kalau Perdana Menteri hadir tadi, saya mungkin benarkan. Minta maaf Yang Berhormat.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: *[Senyum]*

12. Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menukar teras pembangunan kawasan luar bandar bagi melibatkan penguasaan teknologi tinggi dan pembangunan pesat memandangkan pembangunan yang masih dilihat lesu di luar bandar berbanding bandar kerana pergantungan berterusan terhadap industri kampung berasaskan pertanian.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, teras pembangunan wilayah luar bandar pada masa ini tertumpu kepada usaha-usaha pembangunan sumber manusia, pembangunan ekonomi dan pembangunan infrastruktur luar bandar. Pembangunan sumber manusia, bertujuan melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan.

Pelbagai program dilaksanakan meliputi pendidikan prasekolah, latihan kemahiran, kursus-kursus program keusahawanan, dan seumpamanya.

Di bawah pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang bertujuan meningkatkan taraf dan kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar, program-program yang dilaksanakan meliputi program peningkatan pendapatan, pembangunan tanah dan komoditi, program pembangunan ekonomi dan keusahawanan serta program-program pembangunan kemudahan prasarana dan eminiti sosial.

Kementerian ini sedar akan keperluan meningkatkan penglibatan dan penguasaan teknologi tinggi serta pembangunan yang lebih pesat di kawasan luar bandar khususnya menjelang tahun 2020. Sebagai langkah-langkah tambahan, melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti SIRIM, MARDI, Pusat Latihan Usahawan Malaysia (MIDAC), UiTM, Politeknik dan sebagainya kementerian ini telah merangka program-program seperti seminar, kursus dan bengkel sebagai langkah ke arah menerapkan penggunaan teknologi dan membangun usahawan yang lebih berjaya di luar bandar.

Pembangunan ICT dan kemudahan pusat komputer, medan infodesa juga akan terus dibangunkan di setiap daerah dan mungkin bertujuan untuk membudaya dan menerapkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan penduduk di luar bandar. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat sekarang ini pembangunan infrastruktur luar bandar masih tidak seimbang terutama di antara negeri-negeri yang maju dengan negeri-negeri yang belum maju. Jadi, apakah usaha kerajaan supaya negara kita mempunyai pertumbuhan yang seimbang di segi perkembangan ekonomi di seluruh negeri di seluruh Malaysia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bahawa selepas ini, kerajaan akan menggulung terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan yang serupa dalam ucapan perbahasan mengenai bajet. Dalam ingatan saya, Yang Berhormat telah pun timbul perkara yang sama dalam ucapan beliau. Jadi, kalau nak jawab kemudian dengan lebih jelas dan panjang lebar, tak perlulah jawab panjang-panjang kali ini dalam masa pertanyaan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat dulu pun bila saya menjawab satu soalan, telah menimbulkan soalan yang sama, khususnya mengenai Kelantan kerana Yang Berhormat dari negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Sama-sama Kelantan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sama-sama Kelantan. Tuan Yang di-pertua pun ada sebut, ini soal-soal Kelantan ini, yang bertanya Kelantan, yang menjawab Kelantan, soalan mengenai Kelantan. Jadi, itulah sebenarnya yang dibayangkan oleh Yang Berhormat mengapa Kelantan masih mundur barang kali. Dan jawapan saya, kalau Kelantan nak maju, dia kena tukar Kerajaan Negeri Kelantan. *[Tepuk]*. Contohnya, contohnya, ini pun sekarang Kerajaan Pusat sudah lebih daripada bermurah hati. Peruntukan untuk pembangunan infrastruktur di Kelantan, adalah yang tertinggi di Semenanjung Malaysia.

Walaupun masih di perintah oleh kerajaan negeri parti lawan, tetapi yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Padahal kalau nak ikut, kalau tak menyokong itu, kita bagi yang kurang-kurang pun tak apa. Tetapi tidak. Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang paling tinggi. Yang baru-baru ini, Pengkalan Pasir apabila Kerajaan Pusat melalui wakilnya calon yang memenangi pilihan raya, kerajaan umum terus RM5 juta kepada satu kawasan yang kecil, yang tidak begitu besar. Dan projek-projek jangka masa pertengahan dan panjang yang memerlukan perbelanjaan yang besar sedikit seperti jambatan atas jalan kereta api, ini sedang dikaji. Pasar raya, market, pasar dan juga sistem perparitan. Ini sedang dalam kajian bagaimana dapat dilaksanakan.

Tapi, oleh kerana kerajaan yang diwakili oleh Yang Berhormat inipun berjanji nak buat, saya pun tak tahulah boleh buat ke tidak buat? Sebabnya kalau biasanya janji tu, dah banyak sangat yang tidak buat. Jadi kita dengarlah kalau dia tidak buat, saya rasa Kerajaan Pusat akan melihat bagaimana untuk menyelesaikan masalah rakyat di Pasir Mas dan Kelantan secara amnya, dan di seluruh Malaysia secara umumnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah saya beralih kepada pertanyaan yang berikutnya. Kalau tidak, dia jadi polemik mengenai Kelantan.

13. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah membuat pertukaran jantina; dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapa peratuskan orang Melayu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes pembedahan penukaran jantina kebanyakannya dilakukan di luar negara. Dan ianya dibuat atas pilihan individu itu sendiri. Pembedahan penukaran jantina tidak dilakukan, saya ulangi, tidak dilakukan di mana-mana hospital di negara ini. Pihak Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat bilangan rakyat yang telah menjalani pembedahan penukaran jantina ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, guna bagi pemahaman yang lebih jitu. Dalam soal sexuality ini, sama ada jasmani atau rohani, sama ada fizikal atau sebaliknya, dan seseorang insan itu adalah komponen *holistic* yang merangkumi kedua-dua. Dalam soal sexuality ini, sebab timbul isu-isu begini rupa, apakah yang Yang Berhormat tak mahu menerangkan bahawa sexuality itu tidak ada soal hitam atau putih, melainkan *shades of grey*. [Ketawa]. *There is no complete male. There is no complete female.* Yang Berhormat sendiri sebagai doktor. Saya tahulah *chromosome structure* dia. [Ketawa].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan 'tohman' daripada Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]. Memang betul dia lelaki ini kalau kromosom dia xy. Kalau perempuan yy. Saya minta maaf, xx. Dah *confused* pulak. [Ketawa].

Seorang ahli: Dah lama tak praktis tu. [Ketawa].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Minta maaf, ekoran daripada itu, memanglah dia dalam lelaki ada wanita, maksud yang saya terangkan itu adalah dalam.. .

Tuan Yang di-Pertua: Beginilah. Dalam laki-laki ada wanita. Dalam wanita tak ada laki-laki.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ada, ada. Sebab wanita pun ada hormon *testosterone*. Lelaki pun ada hormon *estrogen*. Sebab itu ada orang nampak lembut, tetapi keras. Ada orang nampak keras, tetapi lembut. [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. [Ketawa]. Datuk Haji Rizuan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bolehkah saya tambah sedikit soalan dasar? Tambahan kepada soalan asal?

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh Yang Berhormat. Kalau nak pinda kerana kesilapan kita boleh. Sebab pihak kerajaan dah diberi notis mengenai soalan, jadi kalau kita tambah, mereka tak bersedia nak menjawab.

14. **Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai cadangan Kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan kakitangan perkhidmatan awam ke 58 tahun. Bila ianya akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendirian bahawa buat masa ini umur persaraan wajib pegawai perkhidmatan awam sekarang iaitu 56 tahun adalah dikekalkan dan setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan umur persaraan bagi penjawat awam dari 56 ke 58 tahun. Terima kasih.

15. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Pelajaran menyatakan kita sering mendengar bahawa pihak Kementerian masih belum membuat bayaran terakhir kepada kontraktor-kontraktor yang membina sekolah-sekolah. Berapakah jumlah kontrak yang masih belum selesai dan jumlah kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh siapa-siapa tolong jawab sedikit bagi pihak kerajaan? Kalau tak bersedia pun tak apalah. Setakat mana dapat menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Datuk Haji Roslan ya. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, terdapat 272 buah projek belum mendapat taraf *certificate of making good effect*, CMGD atau Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan yang membolehkan perakuan muktamad dibuat. Manakala terdapat 75 buah projek telah selesai dan dibuat akaun muktamad.

Selain itu terdapat 340 buah projek mendapat status CMGD perlu dibuat akaun muktamad, yang dianggarkan bernilai RM383 juta. Akan tetapi, pembayaran tidak dapat diproses kerana dokumen yang dikemukakan oleh pihak kontraktor tidak lengkap. Terdapat juga kontraktor yang tidak bersetuju dengan bila akhir kontrak. Perbincangan dengan pihak kontraktor diadakan secara berterusan bagi mencapai persetujuan dan pembayaran dijangka selesai selewat-lewatnya Mac 2006.

Selain itu terdapat sebanyak 442 projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan melibatkan kos dianggarkan sebanyak RM571 juta yang tidak sempat dituntut oleh pihak kontraktor dan akan dibayar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai projek sambungan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

16. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang jualan kereta nasional yang tidak memuaskan dengan kereta import di negara kita. Apakah usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kembali jualan kereta nasional kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, Jumlah penjualan kereta penumpang di dalam negara dari bulan Januari hingga Oktober 2005, adalah sebanyak 337,763 unit. Kereta nasional menguasai sebanyak 74.47% dari pasaran jualan. Iaitu sebanyak 251,538 unit. Manakala kereta import dan kereta yang dipasang oleh syarikat tempatan hanya menguasai 25.53% ataupun 86,225 unit dari pasaran jualan. Berbanding perbandingan statistik untuk bulan Januari hingga Oktober 2004, penjualan kereta penumpang adalah sebanyak 313,210 unit.

Dan kereta nasional menguasai sebanyak 75.94% iaitu sebanyak 237,856 unit dari pasaran jualan kereta penumpang. Manakala kereta import dan kereta yang dipasang oleh syarikat tempatan hanya menguasai 24.6% atau 75,354 unit dari pasaran jualan. Dari segi jumlah unit jualan, tidak ada kemerosotan bagi jualan kereta nasional malahan meningkat sebanyak 2.79% atau 13,682 unit.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna tak betullah bahawa jualan kereta nasional ini tidak memuaskan?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Dari segi kadar meningkat kurang memuaskan. Tetapi dari *absolute figure* memang ada kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat nak jemput soalan pertanyaan tambahan sekarang?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Belum habis jawapannya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Saya tanya tu nak minta habiskanlah.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil usaha-usaha yang produktif dalam melindungi dan merangsang kembali pasaran untuk penjualan kereta nasional seperti mana yang terkandung dalam rangka Dasar Automotif Nasional.

Antaranya, pindaan terhadap lesen import, improved permit dengan membekukan pengeluaran *license import franchise* untuk pengimportan kereta berjenama baru dan menghentikan pengeluaran *license import* untuk kemasukan kenderaan *tune-up* bermula 1 Januari 2006. Serta mengehendkan kemasukan

kenderaan terpakai melalui lesen import terbuka kepada kenderaan yang berusia 1 hingga 5 tahun sahaja.

Dan di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memperkenalkan beberapa insentif untuk memastikan industri automotif tempatan dapat meningkatkan daya saing dan ini termasuk memperkenalkan dana pelarasan industri atau *industry adjustment fund* dan mewujudkan pusat-pusat ujian di Malaysia untuk pembuat komponen dan memperkenalkan program bekalan global atau *global supply programme*, mewujudkan geran latihan dan mewujudkan geran penyelidikan dan pembangunan atau geran R&D.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat teruskan nanti, Yang Berhormat ingat Yang Berhormat takut kepada pertanyaan tambahan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Okey. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Di bawah Dasar Automatif Negara, bagaimanakah pihak kerajaan bercadang untuk menjadikan kereta keluaran Proton sebagai kereta pilihan utama rakyat Malaysia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada langkah-langkah pun telah disenaraikan. Silakan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan seperti yang saya sebutkan untuk mempromosikan ataupun meningkatkan prestasi Proton. Selain daripada itu, pengeluar kereta nasional Proton juga sendiri mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kualitinya dengan mengadakan kajian terhadap *consumer satisfaction*, ini kajian *consumer satisfaction* dan mereka sedang merancang untuk mengadakan satu GIV projek dengan jenama yang terkenal di dunia seperti Volkswagen. Saya rasa dengan menggunakan strategi yang baru oleh *management* baru ini, jualan Proton akan menjadi pilihan atau kereta Proton akan menjadi pilihan utama bagi khususnya rakyat kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan *extempore*.. itu lagi baik daripada ucapan yang dibaca tadi. Soalan terakhir Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih kerana sampai ke soalan saya.

17. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi menyatakan perkembangan terkini di Malaysia mengenai usaha kerajaan dan juga sektor awam dalam penghasilan "*biofuel*" Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat pada masa ini Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan mekanisme bagi menghasilkan dan menggunakan *biofuel* daripada minyak sawit seperti berikut:

- (i) Kementerian saya telah menyiapkan dasar *biofuel* negara dan mengemukakannya kepada pihak kerajaan untuk dikaji sebelum ianya diterima pakai.
- (ii) Di samping itu Kementerian saya juga sedang menggubal Akta *Biofuel* Negara yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2006 nanti.
- (iii) Dalam masa yang sama, Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB akan membina tiga buah kilang yang boleh menghasilkan 180 ribu tan bio diesel atau meter ester setahun secara usaha sama dengan pihak swasta bagi tujuan eksport. Pembinaan kilang-kilang berkenaan dijangka siap pada tahun 2006.
- (iv) MPOB juga telah melesenkan teknologi untuk membina kilang bagi mengeluarkan bio diesel kepada dua buah syarikat tempatan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi makna negara Malaysia akan ada dasar, akan ada undang-undang, akan ada tiga loji dan akan ada kemudahan melesenkan pihak lain untuk mewujudkan *biofuel*. Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, selain daripada itu, apakah insentif yang dicadangkan untuk menggalakkan lebih daripada sektor awam itu mengambil bahagian dalam perkara ini? Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif yang dikeluarkan adalah dari MAIDA, melalui Kementerian MITI. Di sini saya boleh beritahu, MAIDA telah beri sembilan lesen kepada syarikat-syarikat swasta. Satu dalam tahun 2003, dua lagi dalam tahun 2004 dan tahun ini telah meluluskan enam lesen. Ini

bermakna memang ada insentif yang memuaskan, kalau tidak, tidak ada orang akan buat permohonan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup, terima kasih Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[15 Disember 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas ini Dato' Omar bin Faudzar akan dijemput untuk menyambung ucapan sebentar sahaja. Kemudian pada sebelah petang saya akan menjemput pihak Kementerian-Kementerian untuk mula menjawab dan menggulung bila Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang. Sementara itu dari sekarang hingga jam 1.00 petang, terdapat enam orang sahaja yang akan berucap dan saya akan cuba agih-agihkan masa di antara Dato' Omar Faudzar, Tuan Haji Hassan Shukri, Datin Naomi Chong, Dato' Mohammad Abdul Ghani, Dato' Ikhwan Salim dan Datuk Hajah Hazizah. Dijemput Dato' Omar Faudzar.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Nama saya tak ada? Idris Buang.

Tuan Yang di-Pertua: Tercicir, dan Dato' Idris Buang.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Tak apalah, *last* lah. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan untuk turut serta berbahas pada pagi ni.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba dan saya akan mengehendkan masa. Sila, Dato' Omar.

11.21 pagi.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya akan sambung cuma satu sahaja iaitu penubuhan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang akan ditubuhkan dengan modal sebanyak RM2 bilion sebagai dana untuk membeli hartanah komersial khususnya

di kawasan bandar utama. Tujuan penubuhan Yayasan ini adalah untuk meningkatkan pemilikan hartanah komersial oleh bumiputera. Saya merasakan bahawa jumlah RM2 bilion yang diperuntukkan sebagai modal untuk Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera adalah satu jumlah yang agak kecil jika kita nak menumpukan kepada pembelian-pembelian unit komersial di dalam kawasan-kawasan yang strategik, sebab kalau kita tengok di kawasan-kawasan yang strategik kebanyakannya unit-unit adalah di dalam harga lingkungan lebih kurang RM1 juta ke atas jadi dengan jumlah RM2 bilion mungkin tidak banyak unit-unit yang boleh kita perolehi.

Jadi saya ingin mencadangkan di sini, supaya Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera mencari satu jalan bagaimana kita nak menambahkan modal Yayasan ini. Sebagai contoh, dalam kita menjual unit-unit bumiputera, kebiasaannya kita memberi diskaun sebanyak 5% ataupun 10%. Jadi sekiranya unit-unit ini tidak dapat dijual kepada bumiputera maka unit-unit ini akan dijual kepada bukan bumiputera dengan harga tidak ada diskaun. Jadi saya ingin mencadangkan supaya diskaun yang diberi itu sekiranya dijual kepada bukan bumiputera, diskaun yang 5% atau 10% itu, kita salurkan balik kepada Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera sebagai modal tambahan.

Dengan ini, modal Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera ini akan selalu bertambah dan dapat membantu untuk kita mendapatkan lebih banyak lagi unit-unit hartanah komersial bumiputera di kawasan-kawasan yang strategik. Di samping Yayasan, Majlis Agama Islam negeri-negeri juga harus memainkan peranan supaya unit-unit bumiputera di kawasan, di negeri-negeri masing-masing dapat dibeli oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan juga MARA.

Dan yang satu lagi ialah dari segi dari pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, bumiputera ini sebenarnya bukanlah tak boleh beli unit-unit sama ada unit komersial ataupun *residential*. Dari pengalaman yang saya lihat, ada kalanya kita tengok, dia nak bayar 10% *down payment* untuk mendapatkan satu unit komersial ataupun *residential* ya, dia tak mampu. Ada kalanya dia mampu bayar 10% tapi dia tak mampu bayar yuran atau pun wang peguam. Jadi inilah faktor-faktor yang menyebabkan bumiputera tak dapat beli. Saya dah lalui ni sebab di satu skim yang saya jalankan, saya pastikan macam mana saya nak bantu bumiputera untuk mendapatkan unit-unit ini.

Jadi kita buat perjanjian bersama-sama dengan institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman 100% bersama-sama dengan yuran guaman sekali. Daripada situ kita dapat menambahkan unit-unit bumiputera di kawasan-kawasan tertentu, ini melalui pengalaman. Jadi saya berharaplah agar kerajaan dapat membantu atau

memaklumkan kepada institusi kewangan supaya cari satu formula bagaimana kita nak membantu bumiputera-bumiputera ini untuk mendapatkan unit-unit bumiputera yang kita katakan tadi ya.

Dan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, di sesetengah negeri, kita kategorikan satu-satu unit.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat simpulkan sekarang?

Dato' Omar bin Faudzar: Okey. Di sesetengah negeri, satu saja Tuan Yang di-Pertua ya. Di sesetengah negeri kita kategorikan *plot* itu sebagai *plot* bumiputera, tak boleh dijual kepada bukan bumiputera kecuali dengan kebenaran. Ini juga akan timbul masalah, kadang-kadang kita tengok orang tak nak beli unit-unit ini sebab kadang-kadang kita tengok ada perbezaan, dua lot yang berdekatan tapi disebabkan satu lot itu adalah lot bumiputera maka penilaian dia lebih rendah daripada penilaian yang bukan bumiputera. Ini juga menjadi fakta kepada masalah yang kita hadapi untuk menjual unit-unit ini. Jadi dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Haji Hassan Shukri.

11.27 pagi.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh. Saya akan berucap dengan seringkas-ringkasnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat ni berpengalaman, orang lama dan pakar berucap, jadi Yang Berhormat nak berucap mengenai berapa perkara? Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, saya akan berucap dua Kementerian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya ada dua perkara saja?

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Kerana saya lihat kedua-dua Kementerian ini tidak disentuh oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Pertama saya ingin memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Akta Bekalan tahun 2006 ini. Di mana seperti mana yang

telah dimaklumkan kepada kita Kementerian Kewangan, anggaran perbelanjaan bagi tahun 2006 ini ialah sebanyak

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf saya ganggu. Yang Berhormat akan tamat tempoh berkhidmat pada 22hb ini ya?

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini mungkin ucapan terakhir?

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Insya-Allah saya akan turut serta dalam membahaskan beberapa Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 2006 ini ialah sebanyak RM136.75 bilion. Di mana sejumlah RM101.25 bilion atau 74% adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM35.5 bilion atau 26% adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Sementara RM2 bilion lagi ialah bagi simpanan luar jangka. Saya melihat bahawa anggaran ini adalah satu anggaran yang patut dan munasabah kerana setiap kali Dewan kita ini kalau pun tidak cukup anggaran yang dipohon, ini biasanya akan ada Akta ataupun permohonan perbekalan tambahan. Jadi kalau tak cukup saya rasa semua Kementerian-Kementerian yang terlibat bolehlah secara umumnya membuat atau pun memohon perbekalan dalam perbekalan tambahan sama ada pada sesi yang akan datang atau pun sesi-sesi yang seterusnya.

Di antara perkara yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah masalah perkampungan setinggan. Tetapi oleh kerana setinggan ini yang sangat serius saya lihat ialah di Wilayah Persekutuan. Saya dimaklumkan bahawa di Wilayah Persekutuan ini ada 138 perkampungan setinggan di mana ianya disertai oleh 15,762 keluarga. Apa yang ingin saya sebutkan di sini, saya merayu kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan apabila hendak meroboh rumah-rumah setinggan ini hendaklah diberikan waktu yang cukup dan hendaknya rumah-rumah untuk setinggan-setinggan ini telah siap disediakan. Bukan percuma maknanya disediakan untuk dijual kepada setinggan-setinggan ini dengan harga yang berpatutan kerana kalau sekiranya kita lihat bahawa setinggan-setinggan ini adalah kebanyakannya terdiri daripada orang-orang miskin.

Maka dengan sebab itulah apabila saya melihat peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Wilayah Persekutuan ini, saya rasa tidak berapa cukup. Itu boleh mohon tambahanlah pada masa yang akan datang iaitu RM192,398,200 sahaja. Ini Kementerian Wilayah Persekutuan mohon. Jadi kalau hendak roboh 138 perkampungan ini, saya rasa dengan peruntukan ini tentulah tidak mencukupi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya mencadangkan walaupun tidak mohon lagi, saya mencadangkan jika sekiranya kita hendak melihat setinggan-setinggan ini mempunyai rumah-rumah yang munasabah, yang sesuai dengan kedudukan mereka, maka apabila rumah-rumah mereka dirobohkan, kita harapkan supaya bukan seperti yang ada sekarang ini, disiapkan rumah panjang. Ini hendak roboh sekali lagi, bila selesai rumah untuk ini roboh lagi rumah panjang. Jadi dua kali roboh. Ini saya kira memakan belanja yang besar dan tentulah perbelanjaan yang besar ini akan melibatkan juga sedikit-sebanyak rakyat seluruh negara ini turut sama memberikan sumbangan kepada perbelanjaan pembangunan tersebut. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya melihat bahawa majlis-majlis daerah ataupun majlis kerajaan tempatan di negara kita ini telah memasukkan kawasannya sebahagian daripada perkampungan sama ada perkampungan itu didiami oleh orang Melayu ataupun orang Cina ataupun orang India tetapi sebahagian dari perkampungan itu dimasukkan ke dalam kawasan perbandaran. Apa yang saya hendak cadangkan supaya pihak majlis perbandaran ini bagi memudahkan rakyat, terutama sekali yang ada tanah mereka sendiri di dalam kawasan majlis perbandaran itu supaya majlis perbandaran ini menyiapkan sediakan pelan untuk dijual kepada pemilik-pemilik tanah ini supaya mereka boleh membangunkan rumah mereka dengan cara yang tersusun dan teratur, tandasnya pun baik mengikut apa yang dikehendaki oleh majlis perbandaran misalnya dan jarak jauhnya daripada jalan pun walaupun ada peraturan-peraturan tertentu tetapi apabila disiapkan pelan ini, maka tentulah saya kira orang-orang kampung yang dalam kawasan perbandaran ini akan mengikut langkah-langkah yang telah disediakan oleh majlis perbandaran.

Cadangan saya ialah supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini menyarankan kepada majlis-majlis daerah di seluruh negara menyiapkan suatu pelan. Pelan itu sudah siap, misalnya rumah harga RM40,000 ada rumah harga RM50,000, ada rumah harga RM60,000, ada RM100,000 hingga seterusnya dan pelan ini dijual. Siapa yang hendak bangunkan rumah RM40,000, dia pergi majlis daerah, dia beli pelan rumah yang harga RM40,000. Ini saya kira boleh memberikan kemudahan kepada orang-orang kampung yang kawasan tanahnya dimasukkan di dalam majlis

perbandaran. Ada setengah kawasan sampai tiga ataupun empat kilometer dari bandar ke luar bandar itu, kawasan mereka telah dimasukkan ke dalam majlis perbandaran.

Jadi dengan menyiapkan pelan ini, orang yang hendak membina rumah RM40,000, dia boleh rumah atau pelan yang harga RM40,000. Kalau dia hendak buat rumah RM50,000 dia beli pelan yang sudah diluluskan oleh majlis perbandaran dengan harga RM50,000 dan demikianlah seterusnya. Jadi ini saya rasa memudahkan supaya orang-orang kampung yang kawasan tanah mereka masuk ke dalam majlis perbandaran lebih mudah dan lebih cepat untuk mereka membina rumah-rumah kerana pada masa ini saya difahamkan ada pengadu-pengadu datang jumpa saya, kadang-kadang sampai lima bulan, enam bulan masih tidak lulus lagi permohonan mereka untuk membuat rumah-rumah di kawasan perbandaran walaupun agak jauh daripada majlis perbandaran. Ini cadangan yang saya kemukakan di sini, mudah-mudahan ianya akan mendapat pertimbangan.

Ini juga bukan menghilangkan hasil majlis perbandaran tetapi oleh kerana pelan-pelan itu dijual bukan dapat percuma sahaja, tetapi untuk menyegerakan pembinaan rumah-rumah di kampung ini, mereka jual pelan-pelan yang sudah siap itu kepada orang-orang yang bersetuju untuk membangunkan rumah-rumah mereka sesuai dengan pelan-pelan yang telah dipamerkan oleh majlis daerah ataupun majlis perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan supaya ini dapat dilakukan oleh pihak yang berkuasa kerajaan tempatan iaitu tentulah di bawah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya mengharapkan mudah-mudahan dengan yang demikian itu kita dapat mengatur, menyusun atur rumah-rumah di kawasan luar bandar ini sekurang-kurangnya sama ataupun jarak jauhnya daripada jalan dapat disamakan.

Saya pernah melihat di satu kampung waktu saya melawat ke Kalimantan Selatan, saya lihat walaupun rumah itu tidaklah besar tetapi rumahnya sama dan jarak jauhnya daripada jalan pun sama. Jadi nampak cantik, nampak indah kawasan itu. Ini tujuan saya ialah untuk mengindahkan kampung-kampung yang akan kita bina dan kedudukannya di dalam kawasan majlis perbandaran ataupun di dalam kuasa pihak kerajaan tempatan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh satu kementerian sahaja lagi iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini ialah saya kira, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebutkan bahawa pada tahun ini kerajaan akan membina rumah-rumah untuk keluarga miskin iaitu sebanyak lebih kurang 4,000 buah rumah dan ini pun saya juga hendak libatkan bahawa

sesungguhnya rumah-rumah ini hendaklah disusun atur, disiapkan pelan yang sama supaya ianya kelihatan perkampungan ataupun kawasan-kawasan yang hendak dibina rumah untuk keluarga miskin ini kelihatan cantik dan kelihatan selesa oleh mereka sendiri.

Janganlah kita maknanya ada rumah, kemudian kita tambah dapurnya, saya rasa ini tidak tepat dengan kehendak untuk kita melihat supaya struktur pembangunan di luar bandar terutama sekali bagi orang-orang ataupun keluarga miskin ini dapat melihat bahawa sesungguhnya mereka benar-benar dibela oleh pihak yang berkuasa. Maka dengan sebab itulah saya mengharapkan, makna di situ ada tiga perkara disebutkan oleh Perdana Menteri di antaranya ialah untuk merancang industri kecil di kampung-kampung, saya melihat peruntukan yang disebut oleh Perdana Menteri dalam ucapan beliau ialah sebanyak RM700 juta. Saya kira tentulah untuk rumah orang miskin ini kita harapkan tidak kurang daripada RM300 juta supaya ianya dapat dibangunkan dengan baik dan suasana keadaannya juga selesa.

Selain daripada itu, saya hendak menyebut kerana ini soal rumah iaitu wakil orang Asli telah berkali-kali mencadangkan supaya orang-orang Asli mendapat pembelaan. Saya juga ingin menyarankan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini dapat berbincang dengan pihak kerajaan-kerajaan negeri memperuntukkan sedikit-sebanyak kerana ini pernah juga saya suarakan sedikit-sebanyak tanah kepada orang-orang Asli supaya rumah mereka itu dapat disusun dengan baik. Bermakna saya telah menyebutkan walaupun ada rizab untuk orang Asli saya difahamkan mereka tidak memiliki tanah. Tanah itu rizab begitu luas. Jadi mereka tidak mempunyai hak milik sekurang-kurangnya untuk tapak rumah.

Maka dengan sebab itu saya harap pihak kementerian ini akan dapat merundingkan dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya kawasan-kawasan rizab Orang Asli di negeri-negeri itu sebahagian besarnya dibahagi-bahagikan kepada mereka untuk tapak rumah. Kalau tidak luas pun saya kira, 50 kaki kali 90 kaki itu sudah mencukupi untuk tapak rumah mereka supaya kita dapat mengubah sedikit-sebanyak cara hidup mereka dan mereka dapat menyesuaikan diri kerana kita lihat orang-orang Asli bukanlah yang mana mereka bercampur-gaul, kita lihat mereka juga mempunyai ilmu pengetahuan dan mendapat ilmu pengetahuan yang baik.

Misalnya dahulu Ahli Dewan Negara kita, wakil orang Asli kadang-kadang dijemput untuk mengganti Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Dan kali ini ialah saudara kita, Yang Berhormat....., saya pun tidak berapa nampak wakil orang Asli ini.

Maknanya telah berkali-kali beliau ini menyatakan di dalam Dewan ini supaya orang-orang Asli mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak cakap banyak, panjang lagi kerana saya tadi diberitahu sekurang-kurangnya selepas saya ini ada enam lagi yang akan berucap, sedangkan pihak kerajaan akan memberikan jawapan ataupun ulasan-ulasan mereka, Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen akan memberikan jawapan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara beberapa hari yang lalu pada petang ini.

Jadi untuk memberikan ruang dan peluang kepada sahabat-sahabat yang lain supaya dapat turut serta memberikan pandangan-pandangan mereka di dalam Dewan yang mulia ini ke atas peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan untuk beberapa kementerian dapat menyampaikan ucapan mereka. Maka dengan ini saya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi Tuan Yang di-Pertua tanya saya akan habis pada 22 hari bulan ini.

Jadi insya-Allah saya akan turut berbahas kalau sekiranya diberi peluang terutama sekali tentang pindaan ke atas Akta Keluarga Islam dan juga Akta Warisan Kebangsaan. Saya akan turut berbahas dan pada hari itulah, insya-Allah saya akan menyampaikan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua Dewan dan juga kepada sahabat-sahabat yang lain. Maka dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh lagi mengambil bahagian dalam enam lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan di Dewan Negara pada hari Rabu dan hari Khamis. Terima kasih.

Sekarang kita mempunyai lebih kurang 78 minit dan kalau dibahagikan kepada enam, setiap ahli mempunyai lebih kurang 13 minit. Jadi saya berharap kalau kita boleh bercakap dalam masa 13 minit ini, mudah-mudahan semua Ahli Yang Berhormat yang bercadang hendak berbahas akan mendapat peluang. Dipersilakan Yang Berhormat Datin Naomi Chong Set Mui.

11.43 pagi.

Datin Chong Set Mui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian di dalam Akta Perbekalan 2006 ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun bajet pada tahun ini tidak memberi banyak ganjaran kepada rakyat untuk diriakan namun bajet tahun ini telah menyumbang hasrat

kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita kepada 3.5%. Sungguhpun berbelanja secara cermat adalah sangat penting untuk mencapai sasaran yang diharapkan, kerajaan cukup sedar akan perlunya melaksanakan pembangunan segera di merata negeri dengan meluluskan pembangunan tambahan kepada negeri-negeri menurut status pembangunan negeri-negeri tersebut.

Sememangnya langkah kerajaan amatlah dialu-alukan dan rakyat di kawasan luar bandar dan kurang membangun akan dapat merasa faedahnya. Rakyat Sabah turut merasa faedah melalui tambahan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM34 juta selain daripada lebih RM2 bilion yang diperuntukkan di bawah Bajet 2006 kepada negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan tambahan peruntukan ini akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya dengan melaksanakan projek-projek yang berguna dan bererti demi kebaikan rakyat dan bukanlah dibezakan. Pada masa kerajaan menekankan berbelanja secara cermat, kerajaan juga merancang pembangunan sihat kepada Kedah sebanyak 5.5% dengan izin, untuk tahun 2006. Kita berdoa agar harga minyak dunia tidak lagi melambung tinggi kerana peningkatan tersebut akan menjejaskan pertumbuhan negara dengan teruk, walaupun negara kita adalah pengeksport minyak. Apa yang diperlukan adalah bantuan daripada sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan negara dan menghadapi cabaran yang melanda negara kita ini. Dengan penubuhan Bank SME oleh kerajaan akan dapat membantu dalam pembangunan industri kecil dan sederhana (SME) di negara ini.

Walau bagaimanapun, saya harus memberi ingatan bahawa sebelum sesuatu pinjaman diluluskan, suatu penilaian yang teratur haruslah dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan kelayakan dan kemampuan sesuatu industri berkenaan. Sekiranya tidak dinilai, Bank SME akan berakhir dengan Pinjaman tidak Berbayar (PTB) dan objektif Bank SME akan gagal dicapai yang mengakibatkan pembayar cukai menanggung kerugian. Kepada mereka yang diamanahkan untuk menjalankan tugas tersebut, haruslah menjalankannya dengan profesional. Kerugian Bank Islam baru-baru ini adalah satu pengajaran besar kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peningkatan cukai 'Dosa' ke atas minuman keras dan rokok, ini adalah sejajar dengan polisi kerajaan untuk menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan cukai tersebut, penyeludupan barang-barang seludup akan semakin berleluasa. Oleh itu, kerajaan haruslah menyediakan tenaga kerja yang terlatih di dalam Jabatan Kastam

Diraja dan peralatan yang sofistikated bagi menghalang dan membanteras penyeludupan tersebut. Jabatan Kastam Diraja haruslah sentiasa mendahului sindiket penyeludupan tersebut. Keberkesanan Jabatan Kastam akan membawa hasil tambahan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam cukai keuntungan hartanah, saya berharap Lembaga Hasil Dalam Negeri akan bekerja lebih keras dan efisien memandangkan Pejabat Duti Setem dan Cukai Keuntungan Hartanah mengambil masa selama sebulan dan kadang-kadang sehingga setahun untuk mengambil tindakan terhadap sebarang surat-menyurat daripada pelbagai pihak yang terlibat. Kelewatan tersebut mengakibatkan kerugian kepada Bendahari. Saya juga berharap Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memulangkan tuntutan bayaran cukai secepat mungkin sebagaimana cepatnya tafsiran dibuat dan bukannya dipulangkan selepas beberapa kali peeringatan dibuat. Tindakan segera akan membawa hasil kepada Bendahari yang mana akan memberi manfaat kepada rakyat. Kemarahan orang awam akan dapat dikurangkan.

Ada kesan rangkaian yang timbul daripada perkhidmatan yang tidak efisien ini, dengan itu kita mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik dari kakitangan kerajaan yang mana ini kerajaan telah mengiktiraf perkhidmatan mereka. Sebarang peningkatan di dalam sistem penyampaian akan memberi kesan positif dan imej baik kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Bajet 2006 kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

1152 pagi

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Bismillahirrahmannirahim, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan kesyukuran keadat Allah s.a.w kerana dengan limpah kurniannya, kita masih dapat bersama-sama menghadiri di Dewan yang mulia ini, terima kasih juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2006 yang memberi tumpuan kepada beberapa langkah khusus untuk menjana pertumbuhan yang lebih kukuh bagi pertumbuhan ekonomi negara. Bajet ini memberi penekanan kepada langkah pengukuhan daya tahan dan keberkesanan negara untuk menghadapi perkembangan ekonomi dunia yang tidak

menentu. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan kerana kita lihat perbahasan tahun ini tidak ada sesiapa pun yang menyentuh hal Kementerian Pertahanan, sama ada la terpinggir ataupun tidak.

Melaksanakan langkah positif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi dalam menentukan kepesatan ekonomi negara, faktor Keselamatan, keamanan dan kemakmuran adalah amat penting. Negara yang sentiasa dalam pergolakan dan huru-hara pasti tidak dapat membangun dan berkembang dengan jayanya serta mengalami pertumbuhan ekonomi yang tidak stabil. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan Kementerian Pertahanan yang berjumlah RM7.62 bilion. Pada masa kini, banyak peralatan yang digunakan oleh angkatan tentera sama ada tentera laut atau tentera darat, keperluan ATM melebihi 25 Tahun. Jadi, banyak peralatan yang umurnya sudah lama seperti kapal terbang iaitu pesawat C130 dan sebahagiannya perlu diganti atau ditingkatkan keupayaannya untuk melaksanakan tugas operasi, terdapat juga banyak kem tentera yang telah usang yang amat perlu dinaikkan tarafnya, terutamanya bagi aspek keselamatan dan kawasan kem itu sendiri.

Kemudahan-kemudahan asas untuk anggota, jika kerajaan ada kemampuan wajar membina kem-kem yang baru, untuk menampakkan imej kekuatan angkatan tentera, begitu juga peruntukan untuk angkatan tentera masih belum mencukupi. Di sini saya juga mencadangkan elaun sewa rumah mengikut kawasan mereka bertugas dan yang mana kalau mereka ini bertugas di kawasan bandar, elaun sewa rumah sama juga dengan kawasan luar bandar, maka peruntukan ataupun sewa rumah yang diberi tidak mencukupi. Jadi, wajarlah kena ada satu elaun khas ataupun mencukupi sewa rumah apabila mereka duduk di bandar. Justeru itu saya harap agar kerajaan meneliti keperluan wang yang perlu diperuntukkan kepada angkatan tentera bagi membangunkan aset negara bagi keamanan negara. Kekuatan angkatan tentera kita adalah kekuatan kita. Jadi kalau kewangan tidak cukup dan sebagainya, kemungkinan angkatan tentera kita nampak tidak menonjolkan imej mereka sendiri. Oleh itu, saya haraplah kepada pihak kerajaan, memperuntukkan lebih bajet kepada Kementerian Pertahanan kerana banyak kerja-kerja dia buat termasuklah PLKN dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan bekas-bekas tentera dalam pembangunan pertanian juga menekankan bahawa bahagian penternakan, perikanan dan perhutanan yang mana diperuntukkan RM2.8 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan murni ini, program ini juga saya fikir amat sesuai untuk pesara-pesara angkatan tentera yang

mana setiap tahun, tamat perkhidmatan hampir 5000 orang. Jadi pada mereka yang berminat menceburi bidang berkaitan, saya ingin mencadangkan agar sejumlah peruntukan tersebut dipanjangkan kepada pesara-pesara tentera sama ada melalui Jabatan Hal Veteran supaya bekas-bekas tentera dapat menceburkan diri dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Dengan itu saya mohon mencadangkan agar Jabatan Hal Veteran memainkan peranan yang penting dan sebagai mentor kepada bekas-bekas tentera untuk membangun dalam sektor pertanian dan asas tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap agar kerajaan juga memberi peruntukan untuk menambahbaikkan perjalanan dan pengurusan angkatan tentera seperti menaikkan elaun khidmat kepada tentera yang mana pada masa kini RM65 atau RM80 kepada satu kadar yang sejajar dengan keadaan semasa. Memandangkan kadar tersebut telah terlalu lama diguna pakai dan tidak selaras dengan tanggungjawab dan khidmat kepada negara yang bertugas tanpa had masa. Jadi, tentera ini bekerja selama 24 jam tidak berhenti. Saya juga mencadangkan agar kerajaan menimbang untuk membayar elaun tanggungan kerja kepada anggota lain-lain pangkat yang mana sering kali anggota yang berpangkat lebih rendah terpaksa memikul tanggungjawab yang berpangkat lebih tinggi. Jadi dengan itu kita mencadangkan supaya adakan elaun perkhidmatan mereka ataupun tambahkan elaun kerana mereka memegang tanggungjawab yang lebih, kadang-kadang setahun ataupun lebih dari setahun.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini ramai lagi bekas-bekas tentera yang menerima pencen di bawah taraf kemiskinan, dengan itu saya mencadangkan agar pesara-pesara tentera terutama yang menerima pencen di bawah paras kemiskinan untuk kerajaan menimbang semula kadar pemberian itu supaya dinaikkan melebihi taraf kemiskinan dan perlu dikaji semula. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, yang mana lebih kurang dalam 8,000 lagi bekas-bekas tentera yang pencennya bawah taraf kepada kemiskinan dan perlu dikaji semula juga pencen seimbang di antara bekas tentera yang pencen baru dengan pencen yang lama, jawatannya yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, taraf kemiskinan yang dimaksudkan tadi, berapa jumlahnya?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Ada 250, 300, 400, kurang daripada 500, Tuan Yang di-Pertua. Tanya orang-orang lamalah, semasa perang dahulu, konfrontasi dan juga masa yang dahulu-dahulu. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan angkatan tentera perlu dibuat selaras dengan kemampuan negara dan juga selari dengan pembangunan dalam bidang-bidang lain supaya ianya menjadi satu

tarikan kepada generasi muda untuk menceburi kerjaya dalam ketenteraan. Sehubungan dengan itu saya juga ingin memberi pandangan bahawa kita tidak dapat lari daripada mengatakan bahawa tarikan yang utama ialah kewangan dan disusuli dengan peralatan yang moden dan tempat tinggal yang sesuai. Kita tengok sahaja pada masa kini di mana kemasukan pemuda-pemuda untuk perkhidmatan dalam angkatan tentera bertambah dari masa ke semasa.

Mengapakah perkara ini berlaku? Ia adalah kerana antara lain kerana baru-baru ini kerajaan telah naikkan gaji mereka. Saya percaya jika ini tidak setanding kalau gaji tidak setanding dengan beberapa pekerja lain sudah tentu anak-anak muda yang berpendidikan tinggi memasuki angkatan tentera akan terus menjadi pekerjaan pilihan terakhir. Kita hendak supaya anak-anak muda hendaklah memikirkan terutama yang berpelajaran tertinggi memikirkan bahawa kerjaya tentera adalah kerjaya utama kerana keamanan dan kemakmuran negara adalah penting untuk kita semua.

Dalam hal ketenteraan saya juga ingin mengesyorkan agar Malaysia selain dari terus membangun dan memperkemaskan barisan angkatan tentera dengan kelengkapan yang bersesuaian perlu juga menjaga angkatan tentera khususnya dan angkatan pasukan keselamatan dan kakitangan kerajaan amnya rakyat jelata juga mesti diambil kira. Dalam bajet 2006 kerajaan telah mengumumkan pemberian elaun sara hidup kepada kakitangan awam bagi meringankan beban bagi mereka yang tinggal di bandar-bandar besar. Bagaimanapun kakitangan awam yang menduduki di rumah keluarga tidak akan menikmati elaun ini. Saya mohon agar kerajaan mempertimbangkan semula pemberian elaun ini kepada mereka yang menduduki rumah keluarga kerana kakitangan awam termasuk anggota tentera yang menduduki rumah keluarga masih menghadapi tekanan sara hidup yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua dalam bajet 2006 ini juga kerajaan telah mengumumkan kenaikan elaun khidmat awam pegawai-pegawai kerajaan Gred 41 dan 44 menjadikan RM300.00 sebulan. Saya mohon agar kerajaan mempertimbangkan kenaikan elaun ini kepada pegawai-pegawai tentera serta badan-badan beruniform lain. Dengan keseimbangan ini maka tarikan lebih kepada yang akan menyertai pasukan keselamatan. Sekiranya semua pihak memainkan peranan mereka masing-masing saya percaya apa yang dirancang melalui bajet 2006 akan membuahkan hasil yang lumayan dan akan lebih memantapkan lagi ekonomi dan kesejahteraan rakyat negara yang kita cintai. Kesimpulannya kita hendak supaya kerajaan membuat sesuatu agar kehidupan bekas tentera lebih baik daripada semasa dalam perkhidmatan tidaklah kira

apa pangkat agar mendapat tarikan generasi muda menjadi kerjaya tentera pilihan utama mereka dan memperkukuhkan pertahanan negara untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Di sini juga kita lihat di Kementerian Pertahanan sendiri pada masa kini hanya Menteri Pertahanan dan juga Timbalan Menteri Pertahanan. Kerja-kerja Menteri Pertahanan kita lihat banyak pada masa kini yang mana Menteri Pertahanan sendiri merangkap sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga ada Jabatan *Hibertred*, ada PERHEBAT menjaga PLKN dan sini saya cadangkan supaya kerajaan memikirkan agar Kementerian Pertahanan ditambahkan Timbalan Menteri Pertahanan kedua ataupun Setiausaha Parlimen. Dengan ada itu maka adalah lebih baik lagi supaya mereka ini Menteri atau Timbalan Menteri menjalankan tugas lebih sempurna kerana kita lihat di Kementerian Penerangan ada Timbalan Menteri dua, dia ada lagi Setiausaha Parlimen. Menteri Pertahanan saya fikir wajar perkara ini perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim.

12.05 tgh.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk bahas rang undang-undang ini. Saya ingin mulakan dengan mengucapkan tahniah kepada kerajaan dengan pembentangan yang pada saya begitu menyeluruh. Hanya beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan mungkin saya harap perkara-perkara ini belum lagi dibangkitkan oleh kawan-kawan, kalau sudah saya minta maaf.

Nombor satu menekankan bahawa negara kita ini sedang bersaing, bersaing dengan negara-negara gergasi dalam suasana yang begitu dinamik untuk pelaburan dari luar negara dan juga antara lain pelancong yang membawa rezeki juga untuk negara kita ini. Dalam kita menghadapi suasana yang begitu dinamik ini saya merasakan beberapa perkara yang harus kita tumpukan, Saya mengambil satu contoh sebagai suatu permulaan peranan media cetak juga media elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya merasakan kadang-kadang kalau akhbar-akhbar tertentu saya boleh baca kalau saya ketepikan berita tentang rogol, *accident* dan sebagainya saya rasa lapan minit sudah habis, kerana kadang-kadang berita-berita ini dipaparkan di muka-muka hadapan mungkin atas alasan mereka

terpaksa juga akhbar-akhbar ini. Tetapi tidakkah mereka tahu bahawa perkara-perkara ini boleh juga merosakkan pandangan lebih-lebih lagi pandangan orang luar terhadap negara kita.

Saya tidak nafikan perkara-perkara ini juga adalah berita tetapi mungkin berita-berita ini boleh diletakkan di belakang-belakang sedikit, tidak perlulah muka-muka 1,2,3 atau 4 pun kerana saya rasa ini amat penting sekali untuk kita adakan berita-berita positif yang boleh membantu juga rakyat negara kita untuk memikirkan secara positif terhadap perkara-perkara yang kita hadapi.

Imej negara menjadi perkara yang amat penting dan sudah tentulah kalau kita tengok apabila kita kata imej kalau sesuatu pelabur itu walaupun pelancong apabila sampai di negara kita sudah tentulah menghadapi pada mulanya imigresen kita. Saya mengharapkan sangat kalau boleh kadang kala kita sampai di air port kita nampak ruang imigresen itu ada 20 atau sebagainya tetapi hanya ada tiga empat orang sahaja yang sudah tentulah akan mengakibatkan yang beratur itu begitu panjang. Saya rasa ini amat penting untuk kita tunjuk kepada orang luar negara bahawa dengan air port yang begitu baik, dengan negara yang alhamdulillah setakat ini berjalan dengan baik, kita boleh bagikan perkhidmatan yang lebih baik juga.

Saya rasa tidak susah juga bagi imigresen tahu bila kapal terbang-kapal terbang yang datang dengan ramainya pelancong ataupun pelabur-pelabur. Kedua kalau kita tengokkan dari segi imej sudah tentu teksi. Saya rasa sudah sampai masanya kita fikir-fikir betul perkhidmatan teksi kerana sudah tentu pelabur-pelabur dan juga pelancong-pelancong menggunakan perkhidmatan ini dan mereka mahukan kereta ataupun teksi yang saya rasa agak standard dalam dunia ini sama rata dengan negara-negara lain agak ruangnya okay dan kebersihan teksi itu dijaga. Sudah sampai masanya juga kita memikirkan bagaimana kita mahu tentukan perkara ini berlaku. Tandas tidak perlu saya katakan tetapi antara lain juga pernah dibangkitkan tentang *signages* minta maaf dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai seorang pelabur atau orang luar dia pun mahu tahu ke mana dia hendak pergi dan sebagainya. Ini juga kita harus ambil kira supaya dapat kita tentukan yang mereka sama juga dapat bergerak di dalam negara kita. Dalam masalah *red tape* dengan izin saya merasakan amat penting sekali dari segi ketetapan masa yang harus kita bagi dan harus kita lakukan apabila permohonan-permohonan tertentu dibuat. Saya rasa adil bagi bukan sahaja bagi orang luar negara tetapi bagi orang negara kita juga tahu apabila permohonan dibuat untuk pelan pembangunan dan sebagainya, untuk

perkara-perkara lain diberi masa dalam sebulan mesti terima jawapan, dalam dua minggu mesti terima jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada sayalah seorang peniaga, masa itu orang kata emas. Tetapi pada masa yang sama kalau saya merayu ataupun meminta sesuatu pelan pembangunan untuk diluluskan dan saya tidak tahu mungkin mengambil sebulan, mungkin dua bulan, mungkin tiga bulan sampai enam bulan pun ada. Adakah saya merasakan ini satu tempat yang boleh saya lapor? Pegawai-pegawai harus tahu betapa pentingnya perkhidmatan mereka ini dalam menjana pembangunan negara.

Saya rasa kadang-kadang pegawai-pegawai itu, minta maaf mungkin tidak tahu bahawa perkhidmatan mereka itu amat penting untuk masa hadapan negara kita. Kita dalam keadaan yang baik alhamdulillah, kita dalam keadaan di mana kita masih boleh bersaing tetapi pada masa suatu ketika nanti mungkin ini perkara-perkara yang kita kena tentukan dapat kita teruskan dengan perkhidmatan yang lebih baik, efisien dan sebagainya. Saya merasakan perkara *red tape* ini harus dipertekankan oleh kerajaan kerana kadang-kadang dasar-dasar kita telah kita lakukan hanya pada saya mungkin implementasinya agak berkurangan sedikit.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita bacalah tentang konsep halal *hub*, *education hub* dan sebagainya. Sudah tentu kementerian-kementerian terbabit sedang menjalankan ataupun sedang berusaha untuk membangunkan perkara-perkara ini. Tetapi mungkin pada saya, kita harus ada satu mungkin perbadanan ataupun lembaga yang khusus untuk membangunkan kalau kita pandang konsep-konsep ini adalah konsep-konsep yang sudah tentu boleh dilakukan di negara kita ini. Kerana setengah konsep-konsep ini adalah berkaitan dengan perniagaan dan sudah tentu bersaing dengan negara-negara lain, bersaing dengan perkara-perkara lain. Ini memerlukan pegawai-pegawai yang *full time* dengan izin yang menumpukan masa yang penuh pada membangunkan konsep-konsep yang sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan adalah tentang emolumen yang saya baca yang berjumlah hampir RM22 bilion. Saya kurang pasti sama ada kita ada pelan pencen negara tetapi kalau kita tengok di negara-negara luar contohnya negara-negara yang sudah membangun di mana alhamdulillah penduduk makin dapat hidup dengan selesa dengan umur yang lebih tua dengan adanya perkhidmatan *medical* yang baik dan sebagainya.

Tetapi yang bekerja sekarang adalah mereka yang selalunya anak-anak sudah kurang kalau dibandingkan dahulu di mana dahulu-dahulu orang ada lapan anak, tujuh

anak tetapi sekarang ini kita tengok *average* nya dua, tiga dan mereka inilah yang akan bekerja pada masa-masa depan untuk orang kata memberi *support* dengan izin kepada pencen dan sebagainya. Saya merasakan satu pelan pencen negara harus dirumuskan kalau belum saya minta maaf untuk supaya tentukan masalah ini tidak akan kita hadapi pada masa-masa yang akan datang. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya hanya ingin menyentuh ialah saya memikirkan hanya buat masa ini juga tentang perkara-perkara masa hadapan. Dengan Kementerian Pelajaran, dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana kita ada KEMAS dan tentulah sekolah-sekolah. Saya ingin tekankan betapa pentingnya kita tentukan anak-anak kita ini makan makanan yang berzat kerana kita tahu yang kalau dikatakan umur 4,5, 6 ini ialah umur-umur yang di mana perkembangan otak itu paling pesat dan sudah tentulah kalau ditentukan makanan-makanan berzat ini sudah tentulah akan membantu anak-anak kita pada masa hadapan.

Saya rasa perkara ini tidak boleh kita ambil remeh-temeh Tuan Yang di-Pertua kerana di sekolah-sekolah pun banyak juga makanan-makanan sekarang dijual yang kurang berzat. Walaupun ada dikatakan dipantau tetapi pada saya kita tentukan apakah juga makanan-makanan yang harus dijual dengan harga berpatutan supaya anak-anak kita ini dapat makan makanan-makanan yang berzat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya juga balik tadi ke pelaburan sekejap saya terlupa tadi. Antara lain yang saya diberitahu tentang wujudnya *green lane* bagi sesetengah pelabur di negara-negara jiran. Kita juga harus memikirkan *green lane* ini, membantu mereka yang sudah pun melabur di negara kita untuk tentukan masalah imigresen mereka mungkin, masalah pelajaran anak-anak mereka mungkin dapat mereka selesaikan dengan senang. Ini amat penting Tuan Yang di-Pertua kerana pada saya pelabur-pelabur ini membantu kita lebih-lebih lagi untuk masa-masa depan kita. Jadi sekali lagi dalam negara kita yang sedang bersaing dalam suasana yang begitu dinamis kita kena ambil inisiatif yang sentiasa dinamis supaya kita tetap di tingkat atas apabila seseorang pelabur itu mengambil kira untuk melabur di negara kita atau tidak.

Puan Wan Ubaidah binti Ahmad: Pohon laluan.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak : Ya, sila.

Puan Wan Ubaidah binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apa itu yang dimaksudkan *green lane* oleh Yang Berhormat sebab saya tak faham istilah itu, terima kasih.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. *Green lane* yang saya maksudkan ini dengan izin adalah satu laluan yang mudah di mana pelabur-pelabur ini kalau kita tengok tidaklah begitu ramai dari jumlah syarikatnya, mungkin beratus ataupun beribu sahaja. Tetapi kalulah mereka ini yang sekurang-kurangnya membawa pelaburan sekurang-kurangnya beberapa juta atau sebagainya diberi satu kad yang istimewa di mana dengan ada kadnya itu apabila dia pergi ke Pejabat Imigresen dan sebagainya, ada laluan *green lane*. Bukan ini nak mengetepikan orang-orang kita sendiri tetapi kita harus terima hakikat bahawa mereka ini pelabur-pelabur ini datang dengan duit mereka, membantu mengajikan orang-orang kita beratus ataupun beribu dan ini amat penting sekali supaya mereka ini dijaga sekurang-kurangnya dari segi masa sahaja dan ketetapan dari segi perkara-perkara yang mereka hadapi masalah dengan masalah orang gajinya agaknya, masalah macam sekolah anaknya dan sebagainya. Jadi itu yang saya maksudkan dengan izin *green lane* Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang saya hendak ketengahkan. Sekali lagi saya ucapkan syabas kepada kerajaan atas pembentangan yang menyeluruh tetapi seperti biasa yang paling penting bagi saya adalah macam mana kita nak mengimplementasikan apa yang telah kita tetapkan. Inilah perkara yang paling penting dan pada saya dalam negara yang berjaya setakat ini insya-Allah akan terus berjaya, saya mengharapkan kita sama-sama dengan kerajaan juga menentukan bahawa apa yang kita lakukan ini akan menentukan masa depan negara kita. Jadi dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua saya juga mahu menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah.

12.19 tgh.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Ok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan ucapan Bajet 2006. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas Bajet 2006 yang dibentangkan oleh Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang walaupun tidak banyak menyediakan insentif secara langsung, saya yakin langkah dan strategi yang diumumkan dapat memberi manfaat besar kepada seluruh rakyat terutama bagi tempoh jangka waktu yang panjang.

Penekanan dan tumpuan khusus kepada pembangunan infrastruktur dan pendidikan memperlihatkan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional yang berusaha meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Langkah ini secara langsung dapat menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan.

Masyarakat luar bandar turut merasi tempias daripada Bajet 2006 yang dibentangkan apabila kerajaan dalam bajetnya akan memesatkan lagi pembangunan luar bandar. Mengoptimumkan penggunaan infrastruktur sedia ada dan memperbaiki lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam, rakyat amat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan yang begitu menekankan pembangunan asas utama di kawasan yang tidak ada bekalan air dan api. Pembinaan jambatan kecil dan juga jalan-jalan kampung. Saya yakin semua pihak akan memanfaatkan peruntukan yang diperolehi sebanyak RM5.7 bilion ini termasuk para petani di mana kerajaan memperuntukkan RM2.7 bilion bagi projek pertanian khususnya kegiatan menambah nilai dan dapat menjana pendapatan petani lebih tinggi.

Bagi kakitangan kerajaan pula rata-rata menyatakan rasa kesyukuran mereka di atas kenaikan elaun kakitangan awam yang mana ia secara langsung dapat meringankan beban pegawai kakitangan kerajaan terutama bagi mereka yang berkhidmat di bandar dengan kos hidup yang tinggi. Kakitangan awam dalam gred 1 hingga 54 yang bekerja di 12 bandar besar kekal menerima elaun kos sara hidup sebanyak RM150 manakala RM100 untuk 26 bandar lagi dan RM50 untuk berpendapatan kawasan lain.

Usaha kerajaan bagi meningkatkan taraf golongan rakyat berpendapatan rendah juga memperlihatkan keprihatinan kerajaan di samping komited untuk membasmi kemiskinan di negara kita. Program kemudahan rumah kos rendah, kesihatan, pendidikan, infrastruktur serta program khusus untuk mereka yang kurang upaya dan kurang bernasib baik juga akan dilaksanakan dalam Bajet 2006.

Terima kasih kerana keprihatinan kerajaan kepada rakyat. Moga Tuhan memberkati setiap usaha yang dicurahkan terhadap rakyat dan moga negara mendapat rahmat dan berkat dan juga dijauhi daripada malapetaka.

Tahniah sekali lagi kepada kerajaan kerana bajet ini benar-benar mesra rakyat dan dapat terus memaju pembangunan ekonomi untuk diagihkan kepada semua sektor selain memperkukuhkan daya saing semasa.

Rakyat memberi sepenuh kepercayaan kepada kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara meskipun ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2005, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada paras lima peratus dan ini didorong oleh kekukuhan permintaan domestik dan harga komoditi yang kekal tinggi serta didokong oleh sistem perbankan yang mantap.

Sejak krisis kewangan Asia tahun 1997 hingga 1998 ekonomi Malaysia telah memperlihatkan daya tahan dan mencatatkan pertumbuhan yang berterusan serta stabil. Ini semua adalah hasil usaha kerajaan yang mempelbagaikan strategi dan langkah-langkah bagi mengawal ekonomi sehingga ekonomi negara dapat terus stabil dan kukuh. Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan 2005 dan 2006 ekonomi negara akan terus berdaya tahan meskipun pertumbuhan ekonomi global menyederhanakan dalam keadaan harga minyak yang tinggi dan dasar *monetary* di negara maju yang kurang. *Accommodative* asas ekonomi negara menjadi semakin teguh sementara permintaan dalam negara terus mantap berikutan perbelanjaan penggunaan yang kukuh serta peningkatan arah alir agihan pelaburan swasta yang berterusan.

Rakyat yakin kerajaan dapat mengekalkan ekonomi negara ke arah pertumbuhan momentumkannya pada tahun 2006 sejajar dengan kemantapan aktiviti sektor swasta. Persekitaran luar yang menggalakkan dan usaha berterusan kerajaan dalam mempelbagaikan lagi asas ekonomi negara menerusi sumber pertumbuhan baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini agar kerajaan dapat membina sebuah universiti perubatan khusus di negara ini bagi menambah tempat untuk pengajian kedoktoran. Dengan cara ini lebih ramai anak Malaysia yang berkelayakan dapat melanjutkan pengajian dengan kos yang lebih rendah. Secara langsung dapat menyekat aliran wang keluar dengan menghantar anak-anak kita belajar di luar negara.

Saya percaya melalui penubuhan universiti perubatan khusus ini nanti, Malaysia dapat menarik lebih ramai doktor pakar anak tempatan yang berkelayakan telah menetap dan bekerja di luar negara untuk pulang ke Malaysia dan berkhidmat di negara sendiri. Oleh yang demikian saya menyarankan kepada kerajaan agar dapat menambah lagi universiti sains perubatan sama ada IPTA atau IPTS negara kita ini.

Saya yakin kerajaan amat menitikberatkan kualiti pendidikan negara agar ia kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan dengan cara ini ia mampu berdepan dengan cabaran serta suasana persaingan antarabangsa yang kian mencabar

dan meningkat. Saya berharap kementerian terbabit dapat menguruskan peruntukan dari Bajet 2006 dengan lebih baik lagi.

Kita perlu mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang begitu prihatin dengan pembangunan modal insan yang terus menjadi agenda utama. Usaha-usaha kerajaan dalam memupuk ke arah pembangunan sumber manusia melalui pembentukan individu yang berketerampilan sama ada di tempat kerja mahupun dalam masyarakat amatlah dialu-alukan. Saya yakin ini mencerminkan hasrat Yang Amat Berhormat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang gemilang, cemerlang dan terbilang serta berfikiran kelas pertama dalam semua aspek kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya nak sentuh bersabit dengan isu wanita bogel ketuk ketampi yang heboh dalam surat khabar dan rata-rata di kedai kopi dan sebagainya. Saya amat rasa kesal dengan kejadian yang berlaku yang mana telah mencetuskan kontroversi kepada rakyat di negara ataupun di luar negara. Banyak tuduhan yang dilemparkan oleh Ahli DAP iaitu Teresa Kok, pembangkang yang lantang menuding jari kepada polis dalam Dewan Parlimen baru-baru ini seolah-olah menunjukkan beliau itu heroin dalam memperjuangkan hak asasi manusia walaupun perkara itu belum kesahihannya lagi. Saya mengatakan beliau seorang yang sengaja meniupkan api perkauman di dalam negara kita ini, beliau telah merosakkan imej negara, beliau telah merosakkan imej anggota polis dan menjadikannya satu perkara yang amat besar hinggalah terjejas sedikit sebanyak khidmat anggota polis kepada negara kita.

Sebenarnya beliau ini adalah semata-mata untuk mencari publisiti murah sahaja. Kerana apa yang saya katakan begitu Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara-perkara seperti ini sebagai Ahli Yang Berhormat tidak perlu dibawa dalam Dewan Negara kerana belum ada kesahihannya, belum ada kebenarannya yang mana beliaulah menuding jari sebenarnya-benarnya seolah-olah benda itu benar-benar berlaku, seolah-olah benda itu satu perkara yang mengaibkan negara kita.

Jadi saya berharap pada Teresa Kok ini supaya memohon maaf kepada anggota polis dan Kerajaan Malaysia kerana sikap dan tanggungjawab yang tidak bertanggungjawab kepada negara Malaysia ini kerana beliau juga merupakan rakyat Malaysia.

Saya ucapkan terima kasih dan saya ucapkan tahniah kepada tindakan kerajaan yang telah pantas menubuhkan suruhanjaya bebas baru-baru ini. Ini menunjukkan

bahawa kepimpinan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi adalah sangat telus sehingga tidak ada hendak melindungi sesuatu perkara yang berlaku dalam Malaysia ini dan tindakan kerajaan menghantar...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan, sebentar sahaja. Yang Berhormat saya ingin mencadangkan supaya imej polis dapat dipelihara dengan lebih baik. Prosedur untuk memeriksa wanita-wanita yang disyaki menyembunyikan dadah di anggota badan mereka mestilah diperbetulkan.

Pertama, mereka mestilah diperiksa di dalam bilik yang bertutup, yang tidak ada lubang sedikit pun lubang angin dan sebagainya seperti mana yang berlaku sebelum ini.

Kedua, tidak dibenarkan membawa *hand phone* masuk, perketatkan.

Ketiga kalau pun hendak disuruh dia tanggal pakaian untuk melakukan ketuk ketampi mestilah dia juga dibenarkan untuk memakai seperti apron yang tidak ada kocek dan sebagainya untuk tutup di bahagian depan dengan apron. Apa pandangan Yang Berhormat supaya dengan pengajaran ini kita perbetulkan cara kita memeriksa orang yang disyaki khususnya golongan wanita ini, minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Baik terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat memberikan satu pandangan yang saya rasa amat baiklah, saya serahkan pandangan ini kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang dicadangkan?

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Saya bersetuju apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi supaya apabila kita membuat pemeriksaan kepada anggota wanita ini supaya tidak ada orang lain yang nampak, yang keduanya kalau boleh kita adalah perasaan malu wanita itu tentu ada jadi kita harap supaya tidak ada buat kerja lubang sedikit pun orang lain boleh intai macam yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan yang pantas yang telah menubuhkan suruhanjaya bebas ini saya amat mengalu-alukan dan ini menandakan bahawa kerajaan Malaysia prihatin tentang masalah-masalah yang berlaku dan kerajaan Malaysia bersedia menanggung risiko sekiranya kesalahannya itu datangnya daripada rakyat Malaysia sendiri.

Saya juga merasa walaupun banyak orang yang mengatakan bahawa kerajaan menghantar menteri ke Negeri China untuk membazirkan duit rakyat dan sebagainya

bagi saya, saya sokong. Sokong kerana kerajaan menghantar dua orang menteri ke negara jiran kita menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia ini telus dan tidak ada pilih kasih dalam mengendalikan sesuatu kes sama ada beliau itu Cina, Melayu, India ataupun sebagainya.

Penghantaran dua menteri ke negara jiran adalah semata-mata untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya negara kita, kedudukan sebenarnya undang-undang kita dan untuk menyatakan kepada kerajaan negeri China itu bahawa perkara ini telah pun diserahkan kepada Jawatankuasa Suruhanjaya Bebas untuk menjalankan siasatan supaya tidaklah ada pilih kasih dan sebagainya. Di sini dengan cara begini juga kerajaan kita telah dapat mengamalkan satu sikap silaturahim yang telah terjalin sekian lama antara negeri China dan Malaysia yang mana banyak pelancong-pelancong yang datang ke negara kita hari ini dan begitu juga kerajaan telah menghantar menteri untuk semata-mata untuk menerangkan kedudukan, menerangkan bagaimana kerajaan Malaysia ini sentiasa mengambil berat tentang masalah pelancong luar ataupun orang-orang luar yang datang ke Malaysia ini dari segi menjaga keselamatan dan juga segala kemudahan di negara kita ini.

Di sini juga menandakan bahawa Perdana Menteri kita benar-benar menghargai pelancong-pelancong luar yang datang ke negara kita ini dan sentiasa melayan dengan baik dan menjaga maruah dan negara Malaysia untuk jangka masa yang panjang. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan juga terima kasih kepada anggota polis. Walaupun anggota polis telah mendapat kecaman begitu hebat daripada masyarakat, saya tidak lupa dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih kepada polis kerana polislah yang telah meletakkan negara kita selama ini dalam keadaan damai, dalam keadaan tenteram walaupun negara kita ini berbilang kaum, bangsa dan agama tetapi polis telah memainkan peranan yang begitu baik. Janganlah kerana seekor kerbau yang bawa lumpur semuanya terpalit. Kemelut yang berlaku sedikit sebanyak telah menjadi satu tamparan kepada anggota polis.

Walau bagaimanapun banyak masa lagi ada bagi polis untuk mengembalikan balik imej polis yang pertamanya polis perlu mempertingkatkan kualiti kerja, dan yang keduanya hapuskan rasuah. Di sini juga saya hendak menyentuh sedikit tentang rasuah ini Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan lencana yang dipakai oleh anggota polis, saya rasa-rasa macam tidak setujulah kalau anggota polis itu dengan pakaiannya yang segar, dengan orangnya yang berketerampilan tetapi alih-alih di sini ada "Saya Anti Rasuah" Saya rasa macam tidak kena seolah-olah kita menekankan, kita

mempamerkan bahawa polis ini rasuah kerana polis sahaja pakai Saya Anti Rasuah sedangkan rasuah ini berleluasa bukan pada anggota polis sahaja. Kakitangan kerajaan, Imigresen, Kastam berbagai-bagai ada, kenapa polis sahaja yang hendak dipakaikan Saya Anti Rasuah?

Saya ingat seolah-olah macam polis ini terlampau banyak sangat rasuah sehingga hendak buat dia ada pakai lencana di dadanya Saya Anti Rasuah. Kalau silap-silap, kalau orang yang nakal itu Tuan Yang di-Pertua, Saya Nanti Rasuah tambah N sahaja, Saya Nanti Rasuah, Saya Anti Rasuah. Jadi mainan kepada mereka yang di luar, di luar itu ketawa-ketawakan “Alah, anti ke nanti? Saya antukah saya nanti?” Ini yang jadi satu pertanyaan, saya berharap kepada pihak anggota polis supaya dapat cari satu jalan yang sebaik mungkin, tidak perlu hendak memaparkan di dada saya anti rasuah ataupun pada pegawai-pegawai kerajaan. Perlu kita tanamkan satu semangat, ataupun satu keimanan yang kukuh, yang kuat yang tidak payah dipamer-pamerkan hendak pakai lencana sebesar-besar tidak, akhir kata untuk hendak menghapuskan rasuah ini.

Begitulah saya berharap kepada pihak kerajaan, pihak yang berkenaan ini dapat memikirkan sebaik mungkin tentang pemakaian lencana kepada anggota polis supaya dapat menghindarkan perasaan masyarakat, bila dia pakai itu sahaja orang akan tengok, orang akan baca rasuah, nampak polis, nampak rasuah, nampak polis nampak rasuah. Saya memang tidak bersetuju secara yang begini. Kepada anggota polis walaupun saya hendak cakap juga ini saya pun bukan kata saya hendak mengujinya kerana ada sesuatu tidak ya tetapi saya lihatlah anggota polis kita bekerja begitu lebih dedikasi. Jangan kita nampak sedikit sahaja kerana rasuah sedikit kerana itu kita sudah nampak semuanya buruk kepada anggota polis, anggota polis telah memainkan peranan yang begitu ketara kepada negara kita hari ini. Berpanas, berhujan mereka, kalau di jalan raya dipertahankan jaga jalan raya bagi kita cepat jalan, kalau dia apa-apa rusuhan beliau yang ke depan dan sebagainya.

Maka inilah kita sama-samalah kembalikan balik imej polis negeri kita ini supaya tidak dikatakan polis itu rasuah, asal sedikit sahaja polis rasuah, polis kejam dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah tidak Yang Berhormat bercadang untuk memberi peluang kepada dua orang lagi rakan seperjuangan Yang Berhormat untuk membahaskan.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Ya, sekejap lagi saya sudah hendak habis sudah sampai penghujung sudah ini. Keduanya saya ingin hendak sentuh sedikit jadi dapat berkenaan dengan Imigresen ini. Imigresen ini pun kalau boleh perbaiki sistem hendak buat pasport ini, saya dapat maklumat dari luar.

Hendak ambil nombor pun beratur sepanjang-panjang hendak ambil nombor untuk dapat nombor untuk buat pasport. Pasport ini orang buat pasport dia bayar duit kita hendak duit tetapi beratur-atur. Kaunter yang lain ada 7, 8 kaunter senyap sahaja, apa salahnya tolong-menolong nombor ini bahagikan 3, 4 kaunter bagi nombor orang. Kalau hendak minum airkah, hendak buang air senang ini hendak duduk berjam-jam kerana hendak dapatkan nombor sahaja. Ini satu komen saya kepada pihak imigresen supaya dapat mempertimbangkan kerana ini rungutan orang awam, sampai dekat berpusing-pusing hendak menunggu dapat nombor sahaja belum hendak buat proses lain, jadi kaunter-kaunter yang lain itu duduk termenung tidak ada apa hendak kerja tunggu orang ambil nombor. Saya harap benda ini dapat diperbaiki lagi di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya dalam bajet pada hari ini, saya berharap Bajet 2006 ini dapat memacu ekonomi negara terus berada di landasan yang kukuh, saya yakin Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang benar-benar maju di samping kaya dengan nilai-nilai murni menjelang 2020. Sekiranya seluruh rakyat dapat beriltizam sudah pasti hasrat mencapai negara maju menjelang tahun 2020 itu akan menjadi kenyataan dengan sebenarnya. Sekian sahaja, saya sudahi dengan *wabillah hitaufik wahidayah Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sekian dengan ini saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang. Yang Berhormat ada 10 minit dan baki 10 minit lagi harap diberikan kepada Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah untuk berbahas sebagai ahli yang terakhir, boleh?

12.41 tgh hari.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan lafazkan *Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saudara-saudara daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan takziah, ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di atas pemergian Allahyarham Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hendon yang kita kasihi. Rakyat Sarawak saya lihat rata-rata dibelenggu oleh kesedihan apabila menerima berita pemergian Allahyarhamah walaupun tidak selalu Allahyarhamah datang ke tanah bumi Kenyalang tetapi senyumannya selalu kita ingati kerana dapat melintasi Lautan China Selatan. Bagi kita di Sarawak senyumannya membawa erti sangat bermakna iaitu senyuman yang membawa kebahagiaan di antara rakyat Sarawak dan rakyat negeri-negeri lain seluruh Malaysia. Takziah yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Keduanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional peringkat negara dan khususnya pada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Petinggi Datuk Taib Mahmood dan semua rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak yang telah memilih saya sebagai seorang ahli Dewan Negara dan di sinilah saya datang atas undian mereka di peringkat negeri, Alhamdulillah. Keduanya, kita juga berterima kasih pada kerajaan negeri Sarawak kerana telah membantu memberi banyak teguran pada saya. Seajar dengan tegurannya dapat saya membawa masalah-masalah dari Sarawak ke Dewan ini bersama-sama kita kongsi pendapat dan sebagainya. Saya tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional kerana menang di Pangkalan Pasir di pilihan raya kecil yang lalu, saya turut berada di sana untuk memerhati keadaan perjalanan pilihan raya di sana.

Tentunya kemenangan ini amat dialu-alukan oleh rakyat negeri Kelantan seluruhnya kerana ia membawa angin perubahan, sangat positif. Rakyat Sarawak saya rasa mengalu-alukan juga kemenangan Barisan Nasional ini kerana tidak lama lagi Barisan Nasional negeri Sarawak akan menempuh pilihan raya negeri.

Jadi, kemenangan ini adalah satu suntikan semangat kepada Barisan Nasional Negeri Sarawak. Mudah-mudahan dengan bertambahnya kerusi daripada 62 kerusi Dewan Undangan Negeri kepada 71 kerusi apabila wujudnya undang-undang yang akan di bentangkan tidak berapa lama lagi di Dewan yang mulia ini juga. Saya rasa Barisan Nasional akan membawa semangat untuk bekerja dengan gigih dan kuat demi kepentingan rakyat menyapu bersih 71 kerusi, Insya-Allah. Yang penting, saya rasa untuk rakyat Kelantan dan juga rakyat di negeri-negeri lain termasuk negeri Sarawak

ialah apa yang baik untuk rakyat dan agenda rakyat sebenarnya, bukan agenda sesuatu parti.

Tapi, parti yang membawa agenda rakyat dan melaksanakannya dengan kejayaan itu jadi cara kita mengukur sama ada sebuah parti itu benar-benar membawa agenda rakyat. Saya sebagai yang datang daripada Sarawak yang sebenarnya kita ada 61 kerusi Dewan Undangan Negeri di bawah Barisan Nasional dan mempunyai empat komponen parti politik, saya rasa tidak ada lain parti yang lebih berwibawa dan tulus dan benar-benar berhati rakyat melainkan Barisan Nasional.

Rakyat Sarawak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Pusat kerana bajet yang diberi kepada Sarawak sebanyak dua bilion itu, walau pun dengan izin, *appetite* negeri Sarawak itu sangat besar daripada itu, tapi dua bilion untuk 2006 itu adalah satu pemangkin ataupun pemacu kepada kita melangkah tahun pertama di Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Seperti mana yang kita tahu, Sarawak apabila ditubuhkan Malaysia bersama-sama negeri-negeri Tanah Persekutuan, Tanah Melayu dan Sabah kita mencatat kadar kemiskinan begitu tinggi, saya kira 90 peratus. Ia dapat dikurangi sedikit demi sedikit, tapi pengurangan yang ketara adalah apabila kita mencecah tahun 1980, apabila politik pembangunan yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, dapat menjayakan rancangan rakyat untuk bersatu padu bersama-sama memahami kehendak negeri Sarawak.

Dengan adanya kerjasama, kesefahaman dan talian begitu erat di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat, maka peratusan kemiskinan telah menurun dari tahun ke tahun dan saya boleh sebutkan, menzahirkan angkanya iaitu:

TAHUN	PERATUSAN KEMISKINAN
1985	31.9
1990	21.0
1995	10.0
1997	75.0
1999	6.7
2002	5.8

Saya rasa bagi tahun 2005 ini dalam lingkungan di bawah paras 4 peratus.

Kita tidak dapat membasmi kemiskinan dengan cepat oleh kerana Sarawak mempunyai banyak rintangan dan cabaran semula jadi. Kita tahu ia mempunyai keluasan 124,000 kilometer, dekat-dekat nak sebesar tanah semenanjung ini, kecuali kalau kita pisahkan satu daripada negeri yang mempunyai 7,000 kilometer persegi, kira-kira sebesar Negeri Sembilan ataupun semacam itulah. Jadi, Sarawak sebesar itulah dan mempunyai beribu-ribu sungai, gunung-ganang dan sebagainya; dan rakyatnya terpisah di tempat-tempat terpencil, berselarak, bertabur di bumi Kenyalang itu. Jadi, itulah sangat besar cabarannya bagi pemimpin-pemimpin kita di Sarawak.

Walau bagaimanapun dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri Pusat kita dapat mencapai tahap kemajuan, tahap pencapaian begitu sangat tidak diimpikan. Kalaulah kita tidak memilih Barisan Nasional sebagai kerajaan yang memimpin rakyat, mungkin kita tidak dapat mencapai kejayaan yang telah saya sebutkan tadi.

Namun begitu politik pembangunan saya dapat tahu sedang mencapai akhir fasa satunya, kita mempunyai fasa dua yang mungkin dipacukan dalam setahun atau dua ini, Jadi, Sarawak mempunyai banyak dengan izin, *appetite* untuk melangkah ke lebih jauh persada negara atau dunia dan memerlukan sokongan daripada kerajaan pusat yang berterusan dan yang lebih pantas lagi. Jadi, saya ingin mengucapkan syabas kepada pemimpin-pemimpin kita baik di peringkat negeri, peringkat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri beliau sangat prihatin pada Sarawak.

Saya rasa dengan Sarawak menjadi sebuah negeri dalam Malaysia yang dapat menyumbang kepada kadar pertumbuhan negara yang lebih positif, ia dengan secara agregat membawa negara ke peringkat yang lebih tinggi juga. Sekiranya Sarawak jatuh miskin, susah, perlu pertolongan dan ianya mempunyai sempadan yang begitu panjang memisahkan kita dengan Indonesia, Kalimantan kira-kira 1,900 kilometer panjangnya dan ia mempunyai persisiran pantai lebih kurang 1,400 kilometer, kita terdedah kepada banyak ancaman, dan sebagai negeri yang kalaulah...*nauzubillahi minzaliq*, jatuh miskin, jatuh susah, jatuh tertekan kepada ancaman berbagai rupa, agaknya satu beban kepada Malaysia. Saya harap itu tidak akan menjadi. Sebaliknya Sarawak menjadi penyumbang kepada pertumbuhan positif negara, itu yang kita hendak dan anak-anak Sarawak berjuang ke arah itu untuk kestabilan, untuk kesejahteraan anak Malaysia. Jadi, persahabatan antara semua warga Malaysia dengan anak-anak negeri Sarawak sangat-sangatlah perlu dipereratkan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini iaitu ucapan yang sulung sebenarnya sebagai... walaupun umur saya 51 tahun sebagai adiklah yang termuda di Dewan ini,

saya rasa, saya ingin hendak menyentuh sedikit tentang hal keperluan pihak polis . Sebab saya pun bekas orang polis juga. Sebenarnya tanpa keamanan, tanpa kesejahteraan tidak ada pelaburan, tidak ada kemajuan di dapati baik, tidak siapa pun yang hendak datang melabur ke negeri kita. Kita sendiri pun tidak dapat hendak keluar cari makan. Kita telah mengalami itu semua semasa zaman komunis, zaman konfrontasi dan sebagainya. Pihak polislah dengan tentera yang bertumpah darah menjaga kita semua.

Jadi, saya rasa apa juga segi sokongan, baik dari segi fizikal, dari segi kewangan kepada pihak polis dan tentera kita tidak boleh mengambil enteng. Kita harus ambil serius kerana ialah satu-satunya jaminan supaya kita dapat terus hidup sedia kala. Di dalam suasana *security* dengan izin, *global* yang tidak menentu, tapi Malaysia alhamdulillah, mempunyai kestabilan keselamatan yang baik dan juga kestabilan politik, maka kita harus pertahankan pihak polis perlu diberi perhatian yang khusus di dalam kebajikan mereka, kebajikan anak-anak dan isteri mereka.

Saya pernah duduk di dalam rumah yang hanya ada satu bilik untuk orang tua dan satu untuk anak perempuan. Saya, anak-anak lelaki, macam saya 12 orang adik-beradik terpaksa tidur dekat luar beranda, pernah. Dua beranda rumah dekat berek semasa zaman konfrontasi, itu zaman *British*. Tapi, dalam Malaysia saya tidak akan izinkan itu berlaku. Saya pernah dengan abang dan adik lelaki saya tidur satu kelambu di luar rumah. Ha, itu satu perkara yang menyedihkan! Tidak patut berlaku di negeri yang berdaulat seperti kita..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Dato' Haji Idris bin Buang: Alhamdulillah.

Timbalan Yang di-Pertua: Amaran yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, cukup jelas. Adakah tidak Yang Berhormat tidak bercadang untuk memberi masa tiga minit ...

Dato' Haji Idris bin Buang: Saya akan menggolongkan. Lagi juga, fasal ada juga saya nak tegurkan sedikit tentang bajet ini, ada yang contoh tentang ibu tunggal dan sebagainya. Kalau boleh saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan untuk bersama cadangkan nama yang baik untuk ibu tunggal, ada di istilah macam-macam rupa. Kalau dapat diberilah nama sebagai Ibu Budiman, Ibu Sabariah, nama-nama yang baik supaya masuk dalam rekod kita nama-nama yang baik. Kadang-kadang kita terambil istilah itu daripada luar negara, *single parent* dan sebagai dengan izin. Tapi

saya lihat dengan adanya ciri-ciri keprihatinan kita bukan sahaja di tentang ibu tunggal tetapi tentang apa-apa juga masalah-masalah masyarakat.

Kita akan lama menunjukkan ketamadunan kita, *how civilized are we*, dengan izin. Anak-anak kita yang terjerumus dalam dadah, hisap gam dan sebagainya itu, saya rasa perlu kita banteraskan masalah ini habis-habisan. Jadi, kita tidak boleh biarkan ini berterusan dengan kita mengambil langkah yang tidak holistik. Tunjukkanlah ketamadunan kita berilah kepada anak-anak kita pendidikan sebaik-baiknya.

Jadi, sekian sajalah rasanya saya ingin lafazkan di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebab masa ini terlalu sangat menekankan. Tapi walau bagaimanapun saya rasa saya akan diberi peluang berucap lain kali lagi dan saya akan cuba sedaya upaya menyumbang apa yang dapat...

Timbalan Yang di-Pertua: Mengapa Yang Berhormat diam, Yang Berhormat boleh teruskan sampai pukul satu.

Dato' Haji Idris bin Buang: Hah? Oh satu, baik. *[Ketawa]* Satu minit sahaja, satu minit sahaja, satu minit sahaja. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa pun sudah cukup. *[Ketawa]*. Yang Berhormat akan diberi peluang untuk berbahas

Dato' Haji Idris bin Buang: Baik, terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, banyak. Saya akhiri dengan ucapan *Wabillah-hitaufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong bajet 2006. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat hendak beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atau Yang Berhormat telah sedia sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:
Sedia.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab serta menggulung. Kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah, saya akan memberi keutamaan kalau bangun di bawah mana-mana rang undang-undang. Selepas ini kita ada Rang Undang-undang Keluarga Islam yang agak menarik minat, Yang Berhormat boleh kita bagi keutamaan. Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2006, khususnya menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan Bajet 2006 ini, ada beberapa isu berkaitan agama yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah ditimbulkan. Antaranya ialah isu pertama iaitu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Beliau meminta penjelasan bagaimana jemaah haji yang telah diberi pasport untuk menunaikan haji tetapi tiba-tiba jemaah haji tersebut mendapat surat bahawa beliau tidak dapat menunaikan haji.

Terlebih dahulu saya ingin membuat sedikit pembetulan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang menyebut mengenai bakal jemaah haji telah diberi pasport untuk menunaikan haji. Sebenarnya bakal jemaah haji pada masa itu belum diberi pasport. Mereka hanya dijemput ke pejabat-pejabat Tabung Haji untuk memproses persiapan awal, mengeluarkan pasport sahaja. Berdasarkan pengalaman tahun lepas, surat tawaran bakal jemaah haji dikeluarkan kepada sebilangan bakal jemaah haji bagi tujuan supaya mereka boleh membuat persiapan dari segi mental dan fizikal seperti menghadiri kursus-kursus haji anjuran Tabung Haji. Proses yang sama juga telah dibuat pada tahun ini. Walau bagaimanapun permohonan untuk menambah bilangan jemaah haji tidak diperolehi sebagaimana yang dikehendaki sepenuhnya.

Oleh yang demikian, Tabung Haji terpaksa menunda pemergian sebilangan bakal haji di musim 1426 Hijrah iaitu pada tahun ini dan mereka akan diberi keutamaan untuk berangkat menunaikan fardu haji di musim 1427 Hijrah akan datang yang akan

bermula pada bulan November, 2006 iaitu pada tahun 2006, ada pada awal tahun dan ada pada akhir tahun.

Isu yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga, iaitu Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir iaitu beliau meminta penjelasan hukum berkenaan dengan pengapungan TH Plantation di Bursa Malaysia jika sesuatu saham tersebut dibeli oleh orang yang terlibat dengan aktiviti haram. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal....

Dato' Haji Abd. Rahman bin Sulaiman: Minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Sulaiman: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah menyambung yang lain, saya hendak tanya tentang jemaah haji tadi. Saya ingin tahu adakah sebarang kuota ataupun *ratio* diberikan kepada mereka yang ingin menunaikan haji ini yang menggunakan pakej Tabung Haji dan mereka yang menunaikan haji secara biasa.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan persoalan tersebut. Sebenarnya dalam amalan Tabung Haji dari segi mengambil bakal jemaah haji, kita ada bahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama bakal jemaah haji yang diletakkan, diistilahkan muassasah. Muassasah itu ialah pergi mengikut Tabung Haji umum yang telah disediakan ialah sebahagian besar telah diperuntukkan kepada mereka, iaitu bayaran sebagaimana kita ketahui tidak lebih daripada RM10,000.00, maknanya itu muassasah umum.

Yang keduanya ialah pakej, melalui pakej yang diberi kepada dua bahagian iaitu pertama swasta iaitu dibahagikan kepada swasta, syarikat-syarikat untuk sebagaimana hasrat kerajaan memberi peluang kepada bumiputera Islam untuk berniaga dalam bidang ini, diberi peruntukan tertentu.

Kemudian satu lagi kerana adanya pihak-pihak yang tertentu, terutamanya orang daripada golongan-golongan yang kita katakan golongan bangsawan, raja dan keluarga mereka dan sebagainya, Tabung Haji menjalankan pakej juga, tidak daripada muassasah tadi, menyediakan pakej Tabung Haji di bawah TH Travel. Jadi ada disediakan sebab nanti takut beri kepada pakej swasta biasa, takut nanti mereka adalah berniaga. Jadi untuk menjaga kepentingan itu, kita juga dalam angka yang sangat terhad, tetapi kita besarkan untuk swasta iaitu kepada syarikat-syarikat swasta bumiputera.

Angka yang sebenar yang kita gunakan ialah angka rasmi yang diperuntukkan kepada kita iaitu 0.1 daripada OIC. Ini telah dikenakan kepada semua negara Islam, 0.1. Jadi, kita alhamdulillah pada tahun ini telah diberi kerana angka penduduk Malaysia ini telah 26 juta lebih, kita minta supaya ditambahkan daripada 25,000 kepada 26,000. Alhamdulillah kita dapat yang angka rasmi. Yang hak tidak rasmi itu ihsan sahaja. Ya, itu saya suka menjelaskan ihsan sahaja.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Sulaiman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, kalau saya benarkan dia nanti jadi pak turut. Yang Berhormat cukup, sila teruskan Yang Berhormat kepada isu yang lain.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Sulaiman: Jawapan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat maksudkan jawapan lain, silakan Yang Berhormat ketengahkan. Yang Berhormat diminta menjelaskannya Yang Berhormat.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan kuota yang pergi dengan pakej dan yang muassasah tadi adakan kuotanya sama dan berapa peratus yang pergi dengan pakej, berapa peratus pula yang pergi cara biasa Tabung Haji. Maksudnya jumlah perbezaannya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang banyaknya ialah muassasah, umum. Yang pakej tadi adalah terhad yang kita berikan daripada kuota yang kita perolehi. Jadi kita agihkan kepada mereka, saya rasa di sekitar 10 syarikat swasta yang telah disenaraikan oleh Tabung Haji, kita beri peluang kepada mereka dengan angka-angka yang tertentu. Tetapi daripada jumlah tadilah iaitu kuota rasmi kita, sebahagian besar digunakan untuk 'muassasah' dah sebahagian kecil sahaja digunakan untuk pakej tadi sama ada TH *Travel* ataupun swasta-swasta. Saya rasa cukup jawapan itu. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi Jawatankuasa FATWA, Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam yang bersidang pada 27 Ogos 2003, telah membuat keputusan berkaitan cadangan penyenaian *TH Plantations* di bursa saham seperti mana berikut. Saya bacakan keputusan. Pembelian saham terbitan awam Tabung Haji oleh individu bukan Islam serta syarikat-syarikat yang bercampur harta halal dengan haram adalah dibolehkan. Memandangkan kepada suasana zaman sekarang, yang sukar untuk mengelak daripada berurusan dengan orang bukan Islam serta menentukan sumber

harta yang mereka perolehi dan gunakan. Saya rasa itu cukup jelas daripada Jawatankuasa FATWA memberi laluan untuk berurusan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh beri saya keizinan sikit, buat sedikit penerangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Dewan Negara setelah persoalan ditimbulkan oleh sesuatu isu, kemudian kita tunggu jawapan dan penggulungannya, pihak yang menjawab dan menggulung, mempunyai pilihan. Yang pertama tidak jawab sama sekali dan kedua, jawab betul-betul macam ditanya kerana mereka memilih untuk jawab betul-betul macam ditanya dan ketiganya, pihak yang menjawab diberi peluang untuk jawab sipi-sipi, seolah-olah lari daripada isu. Itu pun diberi pilihan.

Jadi kalau pihak yang rasanya tidak jawab dengan tepatnya, bukan dia tidak mahu jawab dengan tepat. Kadang-kadang dia sengaja tidak mahu jawab dengan tepat kerana sensitiviti-sensitiviti tertentu. Maka ini Dewan Negara, bukan peperiksaan PMR. Silakan Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Isu yang ketiga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat iaitu beliau telah menyarankan agar JAKIM berperanan lebih proaktif dan terbuka dalam usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai halal *hub* di rantau ini. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah bertindak proaktif dalam usaha menjadikan Malaysia *hub* pengeluaran produk halal dengan melaksanakan aktiviti berikut:

- (i) mengeluarkan standard halal Malaysia MS1500 2004 iaitu makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan garis panduan umum, semakan pertama;
- (ii) menerbitkan manual prosedur Persijilan Halal Malaysia iaitu cara memohon untuk mendapatkan sijil halal;
- (iii) menerbitkan direktori halal Malaysia iaitu maklumat-maklumat syarikat yang mendapat sijil halal;
- (iv) membangunkan portal halal JAKIM;
- (v) membangunkan sistem e-halal iaitu permohonan dan pemprosesan secara *online*;
- (vi) menerbitkan risalah-risalah penerangan.

Isu yang keempat yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat iaitu beliau telah menimbulkan JAKIM selalu menjelaskan pihaknya

hanya mempunyai enam orang kakitangan, bagi membuat pemantauan penyembelihan oleh kilang-kilang yang dimiliki oleh orang bukan Islam. Sebelum 1 November 2005, JAKIM memang mempunyai enam orang pegawai yang bertanggungjawab dalam pemantauan bagi memantau kilang-kilang, premis makanan dan rumah sembelihan. Tetapi bermula pada 1 November 2005, JAKIM telah mendapat kelulusan tambahan perjawatan baru untuk tujuan pemantauan sebanyak 77 jawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diluluskan 137 jawatan kesemuanya yang ada kaitan dengan halal *hub* ini.

Jadi untuk 77 jawatan ini, ialah khusus kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk pemantauan. Isu yang kelima yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat iaitu beliau juga mempersoalkan kepakaran yang dimiliki oleh JAKIM dalam merealisasikan Malaysia sebagai halal *hub*. Usaha merealisasikan Malaysia sebagai halal *hub* bukan semata-mata tugas JAKIM tetapi ianya melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta pihak swasta.

JAKIM bertanggungjawab dalam aspek pengesahan persijilan dan pemantauan produk halal. Dari segi persijilan halal, JAKIM mempunyai kepakaran bukan sahaja dalam bidang syariah tetapi juga dalam bidang teknikal iaitu seperti sains dan teknologi makanan. Kepakaran JAKIM telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pengesahan halal JAKIM diterima oleh negara-negara Islam dan bukan Islam. JAKIM diiktiraf sebagai peneraju dalam persijilan halal. JAKIM menjadi tempat rujukan badan-badan Islam di luar negara yang terlibat dalam persijilan halal. Banyak negara-negara luar yang berhasrat untuk menubuhkan badan persijilan halal di negaranya seperti Filipina, Thailand, Iraq dan Bosnia telah menunjukkan minat untuk mempelajari kepakaran Malaysia.

Di samping itu, JAKIM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Halal yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, tenaga pakar daripada IPTA dan sebagainya bagi membantu JAKIM dalam melaksanakan tugas ke arah merealisasikan Malaysia sebagai halal *hub*. JAKIM juga sedang memperkemaskan organisasinya dari segi jumlah kakitangan dan peralatan supaya dapat beroperasi dengan lebih mantap dan berwibawa. Isu yang keenam yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk

Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad iaitu beliau membangkitkan isu pengeluaran makanan halal termasuk di luar bandar.

Beliau ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran produk halal tanpa mengira kaum, sebagai langkah ke arah menjadi pengeluar makanan halal dunia. Oleh itu, beliau mencadangkan JAKIM membuat *road show* bagi menegenahkan isu ini ke seluruh negara. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan melalui JAKIM dan juga agensi-agensi yang lain iaitu meningkatkan pengeluaran produk halal adalah seperti berikut:

- (i) pengeluaran sijil halal JAKIM adalah terbuka kepada semua kaum asalkan proses pengeluaran produk menepati piawai halal yang telah ditetapkan oleh kerajaan;
- (ii) JAKIM juga memanfaatkan media penyiaran dengan menerbitkan rancangan baru "Sentiasa Halal" melalui TV1;
- (iii) siri pertemuan dan dialog dengan industri telah menjadi agenda tetap JAKIM dan
- (iv) melalui media cetak, JAKIM juga menerbitkan buletin halal yang dikeluarkan dua kali setahun dan juga direktori halal JAKIM 2004 / 2006. Terima kasih.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya kagum sijil halal kita diiktiraf di sana sini. Tetapi dalam hati kecil saya, saya tertanya-tanya jugalah. Dalam proses pegawai JAKIM mengenal pasti produk itu halalkah tidak halal sekiranya, produk itu dikeluarkan oleh syarikat Melayu, oleh syarikat kerajaan di kampungkah, di mana tidak apa. Tetapi bagaimana kalau produk itu dikeluarkan oleh syarikat bukan Melayu? Dari segi kemampuan pegawai JAKIM untuk melihat proses dan menentukan. Setakat hendak ikut piawai, saya ingat tidak ada masalah, kita dia boleh ikut. Setakat hendak bawa keluar sijil, saya ingat ijazah pun kita boleh beri sijil, tidak pergi sekolah pun. Jadi kerana keraguan masyarakat ialah kemampuan pegawai JAKIM menentukan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Keraguan masyarakat bagaimana ditentukan. Itu penjelasan yang diminta.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulu sebelum menjaga JAKIM, hampir dua tahun saya menjaga JAKIM, di antara agensi yang telah diletak di bawah saya, saya juga macam Yang Berhormat juga,

meragui macam mana ustaz ini hendak jaga tentang yang ada kaitannya dengan produk-produk halal dan sebagainya.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kita ada pegawai syariah. Tidak apalah tentang sembelihan. Tetapi, selain daripada itu, pegawai kita tentang teknikal juga ada. Iaitu pegawai-pegawai tentang teknologi makanan. Juga kita juga mendapat kerjasama yang baik, terutama di waktu-waktu akhir ini.

Dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, Perdana Menteri minta gembungkan kementerian-kementerian yang ada kaitannya dengan produk halal ini. Seperti kita menentukan standard. Itu sudah tentu, Jabatan Standard Malaysia. Kemudian dia bantu kita membangunkan standard Malaysia 2004 tadi. Kemudian untuk mempromosikan, maknanya ada dapat kerjasama daripada MITI untuk peringkat antarabangsa.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bantu kita banyak. Kuasa tidak ada pada JAKIM. Ada pada perihal dagangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perihal dagangan, itu kuasa dia. Dia memberi kerjasama yang erat. Kemudian selain daripada itu, dari segi makmal Jabatan Kimia daripada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Memberi kerjasama. Sekarang ini boleh dikatakan apabila dalam Rancangan Malaysia yang ke Sembilan nanti, kita akan bangunkan makmal sendiri. Makmal halal kita. Kita dah beli tanah. Dalam proses belilah. Di dekat dengan F1. Maknanya sana, dekat dengan KLIA.

Ada tanah milik Tabung Haji, dia ada beli tanah kerajaan. Kemudian kita dah beli di sekitar 50 hektar, untuk membangunkan makmal kita sendiri. Sekarang ini walaupun kita tak ada makmal, mendapat kerjasama erat daripada USM, UPM, MARDI dan lain-lain. Jabatan Kimia sendiri pun, dalam kes sosej dulu. Dia yang usaha kita. Riuhan dulu, seluruh Malaysia. Dikatakan daripada khinzir. Padahal tak khinzir pun. Maknanya, jadi itu masalah-masalah sedang diatasi dengan baik kerana hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Halal *Hub* begitu serius sekali. Kemampuan itu memang ada dengan kerjasama secara kolektif. Saya rasa...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan harap rakyat yakinlah terhadap kemampuan kerajaan. Silakan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, memandangkan usaha kerajaan begitu serius menjadikan Malaysia ini sebagai satu Halal *Hub*, adakah pihak kerajaan atau pun pihak JAKIM sendiri berhasrat untuk meletakkan tanda halal kepada premis

makanan itu sendiri. Contohnya setengah-setengah restoran, seperti *The Ship*. *Steak* nya halal, tapi premis juga turut menjual minuman arak dan sebagainya yang sememangnya tidak halal. Jadi, bagaimana keadaan ini untuk benar-benar menjadikan Malaysia Halal *Hub*, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kerajaan berpandangan bahawa untuk menentukan sesuatu tempat itu halal dan sebagainya adalah opsyenal. Maknanya pilihan, tidak ada paksaan. Tidak adalah paksaan, kita katakan, kamu mesti ambil, jika tidak kamu akan dikenakan tindakan di bawah Rang Undang-undang, Akta dan sebagainya, tidak ada. Maknanya, Perdana Menteri telah menyebut, ini adalah opsyenal. Orang-orang berniaga, dia sudah tentu berebut akan ambil. Sekarang ini berebut nak ambilnya, supaya perniagaan mereka lebih laris lagi.

Tidak usah kenakan suatu akta, rang undang-undang dan sebagainya. Dia akan ambil. Tetapi, dasar kita misalnya, kepada hotel sebagai contoh, hotel. Kita beri halalnya kepada dapurnya. Dapur yang ada di hotel itu. Tak beri kepada semua operasi hotel itu keseluruhan. Hotel kita kata, nama sekian-sekian hotel, terus mendapat logo halal, itu tidak perlu. Kita makanan sahaja. Makanan. Itupun, tidak ada paksaan. Tidak ada paksaan, kalau hendak boleh, dan kalau tidak hendak pun itu adalah merupakan pilihan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri laluan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, cepat sikitlah.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya hendak tanya, adakah pihak kerajaan ingin memikirkan sesuatu kaedah untuk memudahkan pihak-pihak syarikat yang hendak mendapatkan sijil halal atau menjalankan perniagaan produk halal ini dengan cara mengikut *corporate governance* dengan izin. Yang ada pada kita sekarang ini dalam masyarakat perniagaan kita, yang mana kita menekankan *self disclosure*, dengan izin. Boleh tidak, kalau kita ambil cara di mana *audit committee* ditubuhkan tiap-tiap syarikat yang disenarai dalam bursa. Mereka dengan izin mandatori, dikenakan secara mandatori dapat menubuh *audit committee* dan sebagainya dan apa juga *by-laws*, dengan izin, hendaklah mereka ketengahkan, secara *self disclosure*, dengan izin.

Kalau boleh, syarikat-syarikat yang kita katakan ini, yang membuat halal produk ini, hendaklah mengadakan atau menubuhkan halal *committee economy*. Mereka boleh, dalam halal *committee*, untuk syarikat itu boleh mengambil siapa yang

mempunyai sijil pengajian tentang halal haram ataupun kursus yang dibenarkan oleh pihak JAKIM ataupun sebagainya. *Committee* ini akan membuat laporan secara *self disclosure*. Ini mempermudah pihak kerajaan untuk memantau. Kalau kita tekankan sahaja kepada pihak kerajaan untuk memantau, 77 orang campur dengan 6 orang yang ada sebelum ini, takkan kita tak boleh buat lagi. Untuk menambahkan keyakinan masyarakat, khusus masyarakat Islam, kalau boleh ambil contoh-contoh yang baik daripada *corporate governance* yang ada sekarang. Serapkan masuk dalam suasana halal haram yang kita hendak atas ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini satu kaedah pengawasan dan pemantauan secara sukarela oleh pengeluar-pengeluar produk halal. Bagaimana pandangan kerajaan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa, itu di antara cadangan yang baik untuk lebih menjamin lagi, kita alu-alukan. Tetapi dalam proses biasa JAKIM, iaitu tentang makanan halal ini, ada syarat-syarat. Misalnya, kita tidaklah pergi periksa hari ini, dan kemudian terus keluarkan sijil halal, kemudian sijil halal boleh pameran logo halal, bukan semudah itu. Ada syarat-syaratnya. Iaitu di antara syaratnya juga, pekerja mestilah ada di kalangan orang Islam yang bekerja di kilang yang bukan Islam itu. Kemudian, syarat-syarat lain, kalau sekiranya ada pengaduan, ada pengaduan.

Kita sudah tentulah, yang pemantau ini, bukan semua hendak jaga pantau semua. Pemantau itu pergilah, maknanya sekiranya ada aduan. Atau kalau sekiranya pemantauan pemeriksaan secara berkala. Kita ada, sama ada dengan pengaduan, sebagaimana kes-kes yang berlaku tempoh hari, ada pengaduan. Dia adu kepada JAIN. Iaitu JAIS, Selangor. Kemudian, dipantau, dilihat dan sebagainya. Pemantauan itu saya rasa daripada pihak JAKIM terhadap produk halal itu sendiri. Tetapi kalau lain daripada makanan halal, kita tidak pergi lagi halal kepada, kita tidak bangun lagi. Sekarang ini halal *meat*, halal *food*.

Kemudian, halal *product*, belum lagi. Tidak bangun lagi. Kemudian pentadbiran halal, belum lagi. Sebagaimana kita katakan syarikat-syarikat yang tidak beroperasi dari segi makanan, beroperasi dari segi perniagaan-perniagaan lain, saham dan sebagainya, kita dapati ada setengah-setengah mereka tak adakan panel syariah. Kita dapati misalnya Amanah Saham Mara. Saya pernah dulu, sebelum masuk politik dulu pernah jadi ahli Panel Syariah di ASM. Amanah Saham Mara.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Sedikit tambahan. *Clarification*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Satu sahaja Yang Berhormat. Jadi saya sedang jaga supaya jangan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Maaf Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Mesti, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon ya. Dalam persidangan Dewan, kita jangan mengharapakan satu jawapan mutlak. Dia boleh diberi jawapan politik. Dia boleh tidak jawab. Inilah hikmah dan kebijaksanaan mereka yang kita warisi pemerintahan ini. Cara-cara sesebuah Dewan bernama Dewan Negara memainkan peranan. Terhadap sama ada jawapan betul atau benar atau tidak adalah terpulang kepada penilaian kemudian. Kalau seseorang wakil kerajaan jawab sambil lewa sahaja, akhirnya kredibiliti wakil kerajaan tersebut akan terjejas. Ini proses kredibiliti. Jadi bukan, jadi saya memang tak akan benarkan dah minta penjelasan, lagi sekali berdiri, kemudian lagi sekali, lagi sekali maka beralihlah perbahasan jadi pertengkaran. Silakan Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya ucapkan banyak terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini saya selalulah akan datang ke Dewan Negara.

[Dewan riuh dengan gelak ketawa]

Yang kelima, JAKIM bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Lembaga Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SEMIDEC), SIRIM Bhd., Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan lain-lain telah pun menjalankan *road show* melalui kempen, seminar, kursus dan taklimat ke merata tempat di seluruh negara. Oleh itu saranan Yang Berhormat agar diadakan *road show* itu sebenarnya telah pun dilaksanakan sebahagiannya dan mungkin boleh dipertingkatkan pada masa akan datang.

Terhadap isu selanjutnya, isu yang ketujuh yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Iaitu beliau menyarankan agar masjid-masjid terutamanya masjid-masjid di bandar dapat menyediakan *kiosk* di luar pagar masjid untuk menarik orang bersembahyang jemaah. Beliau memberi model masjid Kampung Baru yang menyediakan *kiosk* di luar pagar masjid. Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mengenai *kiosk* di masjid ialah ruang-ruang perniagaan maka kerajaan menyambut baik cadangan tersebut. Ia selaras dengan prinsip pembinaan masjid dan fungsinya sebagai pusat kegiatan masyarakat seperti mana yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan selepasnya bahkan tradisi tersebut dapat kita lihat masih wujud di sekitar Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah sehingga ke hari ini.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada kesesuaian tempat dan lokasi masjid agar benar-benar praktikal dan selamat kepada pengguna. Selain

daripada itu, jika *kiosk* yang dimaksudkan merupakan kemudahan multimedia yang memberi maklumat maka pada masa ini Masjid Putra di Putrajaya adalah antara masjid yang telah menyediakan *kiosk* untuk kemudahan para jemaah dan orang ramai. Kerajaan akan memperluaskan kemudahan ini dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dengan kerjasama PERKIM pusat telah pun bersetuju mewujudkan *kiosk* sebegini di masjid-masjid secara berperingkat-peringkat.

Seterusnya kepada isu yang lain yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff iaitu beliau ingin penjelasan berkenaan dengan Petronas yang tidak pernah mengeluarkan zakat. Beliau menyatakan bahawa zakat dapat menangani masalah kemiskinan dan perlu memastikan zakat dibayar kerana ia adalah amanah. Setakat ini Petronas tidak membuat bayaran zakat kepada mana-mana badan agama negeri-negeri, atau pihak-pihak yang tertentu sebaliknya Petronas telah membuat pembayaran cukai syarikat dan juga cukai pendapatan petroleum kepada kerajaan.

Petronas telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan dan membayar cukai keuntungannya seperti syarikat-syarikat lain sejak ia mula beroperasi sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005 sejumlah RM110.8 bilion telah disumbangkan oleh Petronas dalam bentuk cukai berkenaan. Ia merupakan lebih kurang 45% daripada sumbangan Petronas kepada kerajaan. Sumbangan-sumbangan yang lain adalah dalam bentuk dividen 30%, royalti 20%, dan 5% daripada duti eksport. Persoalan sama ada syarikat kerajaan wajib membayar zakat ataupun tidak hanya dibincangkan oleh ahli Akademik Islam sejak kebelakangan ini sahaja.

Buat masa ini syarikat-syarikat kerajaan seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Bank Islam dan Tabung Haji ada mengeluarkan zakat pada pusat zakat di tempat masing-masing. Bagi Petronas perkara ini akan diperhalusi. Sehubungan itu fatwa sedia ada mengenai Petronas yang telah diputuskan sebelum ini dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali yang keenam yang memutuskan Petronas tidak wajib membayar zakat. Diminta supaya dikaji semula dengan tujuan penyelarasan. Keputusannya mesyuarat panel kajian syariah JAKIM kali yang ke-32 pada 17 November 2000, kemudiannya telah memutuskan Petronas wajib membayar zakat. Keputusan ini kemudiannya dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa untuk penelitian lanjut. Sehingga kini keputusan mengenai hukum zakat ke atas

Petronas masih ditangguhkan sehingga mendapat penjelasan daripada Petronas sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang telah dinyatakan tadi, terdapat lagi beberapa cadangan-cadangan lain yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Cadangan-cadangan ini akan diberi perhatian sewajarnya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nak beri laluan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: [*Menganggukkan kepala*]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, saya tidak dapat penjelasan kenapa pembentangan akaun Petronas tidak pernah dibawa ke Parlimen. Jadi daripada penjelasan tadi, menyatakan bahawa Petronas adalah 100% hak milik kerajaan. Sekiranya ia milik kerajaan, kenapa tidak dibentangkan di dalam Dewan sebab untuk diteliti sedangkan semua agensi lain ada akaun dibentangkan di dalam Parlimen. Minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sikit kelainan ini. Menteri yang menjawab adalah Menteri bertanggungjawab hal ehwal agama. Bila isunya menyentuh Petronas dan zakat, memang Menteri berhak jawab dan isu asal yang ditimbulkan pun ialah isu Petronas dan zakat. Penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat ialah mengenai mengapa tidak ada *statute* iaitu tidak ada undang-undang memaksa Petronas supaya akaunnya dibentangkan, itu kena tanya Parlimen sendiri mengapa tidak buat undang-undang? Jadi silakan Yang Berhormat kalau benar.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya mengambil isu ini untuk menjawab dari sudut agamanya, betul sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sebut tadi, sepatutnya Menteri yang lain di Jabatan Perdana Menteri menjawab hal sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Saya kerana masalah fatwa, dia *pass* kepada saya, dia beri kepada saya, jadi saya tahu sangatlah, mulanya kita katakan soal kalau tak jelas tentang fatwa ini saya boleh terangkan sikit lagi iaitu hukumnya tidak wajib, itu yang pertama.

Kemudian intelek Islam, cendekiawan Islam ini telah timbulkan kajian-kajian mereka dalam seminar-seminar tentang zakat, dia kata makna seolah-olahnya supaya mewajibkan. Jadi kita ada sebelum dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa peringkat kebangsaan, itu satu penyelarasan Jawatankuasa di peringkat nasional. Kita ada lagi panel dulu, iaitu dari segi penyelidikan untuk memperhalusi dan meneliti

pandangan-pandangan tadi. Jadi apabila dikaji, dilihat kepada hujah-hujah daripada para ilmuwan Islam didapati macam hampir berat kepada dikenakan. Tapi apabila dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa, kita perlu lagi mendapat penjelasan daripada Petronas sendiri, macam mana operasinya, macam mana syarikat sepenuhnya, jadi nak fatwa pun kena tahu dulu macam mana operasinya, kalau Tabung Haji sudah tentu ada pendeposit, pendeposit orang yang letak untuk memberi peluang kepada Tabung Haji untuk menjana keuntungan, untuk berniaga, *investment* kemudian untuk dapat untung dan kita beri pulangan, dividen dan bonus.

Jadi yang ini, syarikat kerajaan 100%, itu persoalannya yang perlu kepada penjelasan secara *detail* jadi mufti-mufti kita, Ahli Jawatankuasa Fatwa kita nak dengar apa penjelasan yang sebenar. Tak mahu penjelasan daripada *secondary source*, tak mahu, maknanya kita nak dengar daripada pihak itu sendiri terangkan kepada kita. Biasa kalau dalam Jawatankuasa Fatwa masa saya duduk dulu, kita kalau satu isu yang baru, kita tak mengharapkan hanya tengok begitu sahaja, mesti mendapat penjelasan daripada pihak yang mempunyai keahlian dalam bidang itu. Jadi dalam kes ini belum lagi. Jadi saya rasa itulah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menjawab lapan isu. Yang Berhormat tidak jawab lapan soal atau soalan atau pertanyaan. Yang Berhormat menjawab lapan isu. Bila jawab isu, dia lain daripada jawab soalan. Terdiri daripada haji, halal, *kiosk* di masjid dan soal Petronas dan zakat, dan Yang Berhormat telah bahagikan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat kepada dua iaitu isu yang perlu dijawab dan jawapan-jawapannya diberi, apakah pendirian kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dan bakinya ialah cadangan-cadangan Yang Berhormat katakan beri jaminan cadangan-cadangan tersebut akan dipertimbangkan dan diambil kira. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya ingin menjemput Datuk M. Kayveas menyambung, menjawab dan menggulung bagi Jabatan Perdana Menteri.

3.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat dasar Bajet 2006 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana

Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng meminta supaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengeluarkan laporan terperinci berkaitan dengan mengatasi masalah yang sering dibangkitkan. Adalah dimaklumkan bahawa isu-isu yang dibangkitkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang melibatkan urusan pentadbiran seperti pemilih yang telah meninggal dunia tetapi namanya masih berada dalam daftar pemilih, petugas-petugas pilihan raya yang tidak cekap menjalankan tugas, nama-nama pemilih dipindahkan tanpa disedari dan lain-lain lagi telah diambil tindakan. Oleh yang demikian, SPR merasakan tidak perlu satu laporan khusus disediakan.

Walau bagaimanapun, bagi isu-isu yang melibatkan pindaan perundangan, ia tidak dapat dilaksanakan dengan segera kerana proses pindaan undang-undang memakan masa yang panjang. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini SPR sedang membuat semakan ke atas semua undang-undang pilihan raya untuk pilihan raya untuk dipinda.

Cadangan supaya pramugari-pramugara dibenarkan mengundi secara pos telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan yang berkuat kuasa sekarang pramugari dan pramugara mengundi mengikut cara biasa. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka bercadang mengundi secara pos permohonan secara rasmi hendaklah dibuat kepada SPR. Jika diluluskan barulah mereka dibenarkan mengundi secara pos setelah SPRewartakan mereka sebagai pengundi pos mengikut peraturan 3(1)(F) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya Pengundian Pos Tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn juga menyarankan supaya Institut Integriti Malaysia (IIM) berusaha mengubah pandangan orang ramai terhadap kedudukan transparansi di negara ini. Dimaklumkan bahawa Indeks Persepsi Tahap Rasuah dengan izin *Corruption Perception Index* (CPI) dikeluarkan oleh *Transparency International* sebuah pertubuhan bukan kerajaan di Berlin Jerman. Kajian yang dibuat adalah berdasarkan pengumpulan kajian oleh pelbagai pihak terutamanya berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas ahli-ahli perniagaan luar negara. CPI hanya mengkhusus kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara. Pihak *Transparency International* mengakui bahawa terdapat unsur *bias* dalam kajian yang dilakukan. Berdasarkan kedudukan atau *ranking* CPI tahun

2004 berbanding dengan tahun 2005 dan skor yang diperolehi kedudukan Malaysia sebenarnya tidak merosot. Pada tahun...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat, skor atau indeks berkenaan menyukat persepsi bukan menyukat tahap rasuah secara mutlak. Menyukat persepsi, adakah itu benar?

Datuk M. Kayveas: Benar Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2004 kedudukan Malaysia ialah di tangga 39 daripada 146 negara dengan skor 5.0. Manakala pada tahun 2005 kedudukan Malaysia ialah di tangga 39 dengan skor yang lebih baik iaitu 5.1. Manakala bilangan negara yang dikaji adalah lebih banyak iaitu 159 negara.

Bagi memperbaiki persepsi orang ramai terhadap rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa kerajaan melalui Institut Integriti Malaysia sedang merangka Indeks Integriti Nasional (IIN) yang mengikut acuan negara kita sendiri. Indeks Integriti Nasional merupakan satu indeks komposit yang merangkumi enam indeks iaitu:-

- i) penggubalan indeks tahap rasuah;
- ii) penggubalan indeks tadbir urus korporat;
- iii) penggubalan indeks kemantapan institusi keluarga dan komuniti;
- iv) penggubalan indeks penyampaian khidmat awam;
- v) penggubalan indeks kualiti hidup; dan
- vi) penggubalan indeks budi bahasa

Indeks-indeks yang bakal dibangunkan oleh IIM khususnya dan kerajaan amnya adalah berasaskan persepsi masyarakat yang mewakili pelbagai sektor. Tiga set instrumen telah siap dibangunkan untuk mendapatkan maklumat daripada tiga golongan masyarakat iaitu:

- i) isi rumah dengan izin, *household*;
- ii) pertubuhan perniagaan dengan izin, *establishment and enterprises; dan*
- iii) penjawat awam

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah melakukan pelbagai strategi pendekatan dan usaha mempertingkatkan dan memperkukuhkan integriti dan memperbaiki persepsi awam terhadap kerajaan. Pelbagai strategi, program dan pendekatan dilaksanakan seperti modul pengurusan integriti, ceramah, bengkel, seminar dan program penghayatan nilai-nilai murni.

Strategi dan pendekatan lain adalah seperti gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui penubuhan Jawatankuasa

keutuhan pengurusan di semua kementerian, jabatan dan agensi persekutuan dan Kerajaan Negeri dan penubuhan pasukan petugas khas menangani kerenah birokrasi dan sebagainya yang bertujuan memantapkan integriti dan pengurusan penyampaian perkhidmatan awam dan sekali gus memperlihatkan ketelusan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi tempoh lima tahun pertama iaitu tahun 2004 hingga 2008, Pelan Integriti Nasional (PIN) menetapkan lima sasaran keutamaan untuk dicapai. Sasaran ini dikenali sebagai Tekad 2008 iaitu:

- i) mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa secara berkesan;
- ii) meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- iv) memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan
- v) meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional oleh semua sektor masyarakat terutamanya oleh semua kementerian, jabatan, agensi persekutuan dan kerajaan negeri yakni usaha mengukuhkan dan memantapkan integriti akan dapat dipertingkatkan sebaik mungkin dan mengubah persepsi masyarakat umum terhadap kesungguhan kerajaan menangani dan membanteras jenayah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat memberi pandangan mengenai perkhidmatan awam. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad memohon mengenai strategi yang diambil bagi mengubah budaya kerja sektor awam. Dimaklumkan strategi-strategi yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengubah budaya kerja sektor awam adalah dengan menanam kesedaran di kalangan anggota dan melancarkan gerakan budaya kerja cemerlang dengan meningkatkan:

- i) latihan, kursus, seminar, forum dan khidmat perundangan;
- ii) kempen seperti kempen budi bahasa, integriti dan nilai-nilai murni;
- iii) pemberian Anugerah Khidmat Cemerlang di peringkat individu yang menunjukkan kecemerlangan dalam pekerjaan di peringkat kumpulan kerja seperti Anugerah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja. Manakala di peringkat agensi seperti Anugerah Kualiti Perdana Menteri yang diadakan pada setiap tahun;

- iv) mengeluarkan pekeliling dan panduan melalui Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) yang dikeluarkan meliputi tiga kategori iaitu:
- a) layanan kepada pelanggan seperti panduan meningkatkan kualiti berurusan melalui telefon, perkhidmatan kaunter, piagam pelanggan dan sebagainya;
 - b) proses kerja iaitu panduan manual, prosedur kerja, fail meja, manual kualiti MSISO9000; dan
 - c) sistem pengurusan seperti strategi meningkatkan kualiti, peningkatan produktiviti, peningkatan *benchmarking* dan sebagainya.

Sistem pemantauan bagi program-program ini dilaksanakan melalui;

- (i) satu pewujudan agensi-agensi kawal selai dan penguatkuasaan;
- (ii) sistem aduan awam; dan
- (iii) meneliti aduan-aduan awam melalui pelaksanaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak pula ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan karenah birokrasi. Pelbagai mekanisme telah disediakan oleh kerajaan untuk memantau usaha-usaha dan kemajuan dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Misalnya di peringkat persekutuan, kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas bagi mengurangkan karenah birokrasi di setiap agensi kerajaan untuk mengkaji dan memantau empat aspek utama sistem penyampaian perkhidmatan awam iaitu:

- (i) sistem prosedur;
- (ii) undang-undang dan peraturan;
- (iii) Piagam Pelanggan; dan
- (iv) peralatan yang boleh digunakan untuk meningkatkan sistem penyampaian.

Pasukan petugas tersebut dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri dan dikehendaki menyediakan laporan berkala setiap suku tahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat panel, memajukan perkhidmatan awam dan Mesyuarat Jemaah Menteri. Di samping itu kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

ataupun JKP di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah sebagai satu mekanisme, mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, telus serta mempunyai integriti yang tinggi. JKP memberi penekanan kepada tiga aspek utama iaitu;

- (i) mengkaji dan mengemas kini undang-undang, peraturan serta sistem dan prosedur kerja;
- (ii) menerap nilai-nilai murni, penghayatan kod etika dan pengiktirafan; dan
- (iii) meningkatkan usaha-usaha kawalan dalaman yang merangkumi tindakan pengesanan dan punitif serta tindakan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon izin guna kesempatan kerana Yang Berhormat sedang berucap mengenai isu-isu berkaitan perkhidmatan awam. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menjawab dan menggulung mengenai isu-isu ditimbulkan di bawah beberapa perkara SPR, misalnya dikatakan SPR merasakan tidak perlu satu laporan khas diadakan. Jadi kalau saya benarkan tambahan, mengapa tidak perlu, menteri akan jawab begini, kemudian bangun lagi minta penjelasan, jadi kita akan menyimpang daripada perbincangan kita.

Contoh yang kedua yang menyentuh perkhidmatan awam, ada satu perkara yang tentu saya rasa Datuk Yaakob bin Haji Mohammad rasakan kerajaan berdiam diri, tidak mahu kata apa-apa. Jadi dia pun tahu, saya pun tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu. Jadi itulah sebagai tambahan kepada penjelasan saya terhadap mengapa kita tidak boleh menjuruskan penjelasan ini seolah-olah tanya antara cikgu dengan anak murid. Ini ialah ahli dengan pemerintah. Jadi, cara-caranya adalah sedikit berlainan. Jadi, silakan Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, banyak kemajuan telah dicapai oleh pasukan petugas dan jawatankuasa ini. Antaranya ialah menambah baik sistem dan prosedur kerja melalui pemendekan tempoh untuk memberikan sesuatu perkhidmatan. Misalnya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah memendekkan tempoh pengeluaran dan pembaharuan lesen kontraktor yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dari 25 hari kepada 7 hari bekerja.

Selain itu, pasukan petugas juga telah berjaya memperbaiki proses kerja melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Misalnya Projek E-Khidmat menyediakan perkhidmatan saluran elektronik

seperti *kiosk* dan *internet* yang boleh dicapai atas talian 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi pembayaran saman Jabatan Pengangkutan Jalan, penjadualan dan pengambilan ujian teori berkomputer untuk lesen memandu serta pembayaran bil telefon dan bil elektronik.

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad menyarankan agar kerajaan mengkaji semula pelanjutan kontrak pegawai-pegawai yang telah bersara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan menyambung perkhidmatan pegawai awam secara kontrak setelah mencapai umur persaraan apabila terdapat keperluan di atas kepentingan perkhidmatan awam dan negara. Kriteria penyambungan perkhidmatan tersebut adalah berdasarkan kepada kesinambungan tugas dan kepimpinan yang amat diperlukan oleh perkhidmatan di samping untuk menyelesaikan urusan-urusan yang ditetapkan dalam sesuatu tempoh yang diperlukan.

Yang Berhormat juga menyarankan supaya kerajaan mengkaji semula sistem kenaikan pangkat pegawai-pegawai awam. Sesungguhnya pertimbangan untuk seseorang pegawai mengisi jawatan naik pangkat adalah berasaskan kepada dasar prinsip dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sebagaimana ditetapkan di dalam Perintah Am, Pekeliling Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat. Urusan ini dilakukan secara telus dengan mengambil kira keperluan jawatan dan organisasi selain memastikan kesesuaian, pengalaman, kemahiran dan kecekapan seseorang pegawai mengisi jawatan-jawatan berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga minta berkenaan dengan kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam. Jumlah kekosongan jawatan sehingga 30 Jun 2005, terdapat 1,337,413 jawatan dalam sektor awam. Jawatan yang diisi adalah sebanyak 1,090,737 dan terdapat kekosongan sebanyak 246,676.

Yang Berhormat Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn juga minta berkaitan dengan kajian semula emolumen pegawai-pegawai kerajaan. beliau mencadangkan agar emolumen pegawai kerajaan dikaji semula agar ia bersesuaian dengan keperluan semasa bagi menghindarkan pegawai-pegawai kerajaan terjebak dalam amalan rasuah. Semakan gaji sentiasa diadakan dari semasa ke semasa...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya agak keliru sedikit tentang fakta yang dibentangkan tadi tentang jumlah kekosongan sebagaimana yang disebutkan sejuta lebih kekosongan dan jumlah jawatan yang diisi sejuta. Apakah maklumat tersebut tepat ataupun salah taip. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, betulkan. Kemudian dia kata jumlah keseluruhan jawatan atau jumlah kekosongan sejuta lebih.

Datuk M. Kayveas: Ok, saya akan ulang sekali lagi. Sehingga 30 Jun 2005, terdapat sebanyak 1,337, 413 jawatan dalam sektor awam. Jawatan yang diisi adalah sebagai 1,090,737 dan terdapat kekosongan sebanyak 246,676. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad pun saya tidak akan benarkan bangun sekali lagi. Yang Berhormat boleh teruskan.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya terus menjawab Puan Nor Hayati tadi, saya ulang sedikit lagi. Semakan gaji sentiasa diasakan dari semasa ke semasa untuk memastikan tangga gaji serta elaun dan kemudahan yang disediakan untuk mereka dapat diperbaiki mengikut kemampuan kerajaan melaksanakannya.

Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini semakan sebanyak tiga kali serta pelarasan gaji telah diadakan iaitu peningkatan sebanyak 10% pada tahun 2000, pelarasan 10% pada tahun 2002 dan peningkatan gaji secara kuantum semasa pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia pada tahun 2002. Di samping itu kadar imbuhan tetap perumahan dan imbuhan tahunan diperbaiki khususnya untuk kumpulan sokongan bagi membantu mereka menangani kos sara hidup yang meningkat. Kerajaan juga menyediakan pelbagai jenis kemudahan seperti rawatan perubatan dan kemudahan cuti sakit untuk pegawai kerajaan dan ahli keluarga mereka demi menjaga kebajikan mereka.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad sekali lagi adalah pembayaran kontrak pegawai-pegawai tinggi dan Ketua Setiausaha. Beliau menyatakan bahawa pegawai PTD tidak senang hati dengan penyambungan kontrak KSU. Beliau ingin tahu apakah ciri-ciri yang diambil kira untuk menyambung penyambungan kontrak pegawai tinggi dan Ketua Setiausaha itu. Seterusnya beliau menyatakan bahawa penyambungan kontrak ini telah melemahkan semangat pegawai kanan yang lain. Kerajaan menyambung perkhidmatan pegawai awam khususnya PTD dan pegawai-pegawai tinggi terdiri daripada pakar-pakar perubatan secara kontrak setelah mencapai umur persaraan apabila terdapat keperluan dari segi kepentingan perkhidmatan dan negara. Kriteria penyambungan perkhidmatan tersebut adalah berdasarkan kepada kesinambungan tugas dan kepimpinan yang amat

diperlukan oleh perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan dan di samping untuk menyelesaikan urusan-urusan yang ditetapkan dalam sesuatu tempoh yang diperlukan atau mengikut bidang kepakaran pegawai-pegawai berkenaan masih diperlukan untuk membimbing pegawai-pegawai muda.

Dan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi minta berkaitan dengan peranan pegawai kerajaan juga. Beliau mempersoalkan peranan pegawai kerajaan sama ada untuk membantu atau menghalang sesuatu keputusan. Ini kerana suatu pihak perlu melalui beberapa peringkat dan jabatan untuk mendapat kelulusan sesuatu projek, oleh itu beliau mencadangkan agar sesuatu sistem yang lebih licin dan berkesan dapat dikuatkuasakan. Kerajaan sentiasa memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dipertingkatkan dari semasa ke semasa khususnya dari segi sistem prosedur dan peraturan serta pembuatan keputusan dalam mengurangkan kerenah atau kelewatan. Pusat Pembuatan Keputusan di kementerian atau agensi diwujudkan. Di samping itu pegawai-pegawai juga sentiasa diingatkan supaya mengamalkan tahap profesionalisme yang tinggi di samping telus di dalam membuat suatu keputusan dan seterusnya melaksanakan keputusan tersebut.

Pegawai awam khususnya di kaunter-kaunter diberi kursus berkenaan bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Dan juga Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi beliau mencadangkan agar COLA diberikan kepada kakitangan awam yang berkhidmat di kawasan pedalaman terutamanya guru yang mengajar di kawasan Orang Asli juga diberi elaun kesengsaraan. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kesejahteraan pegawai perkhidmatan awam. Bagi kakitangan awam yang bertugas di pedalaman mereka diberi bayaran insentif pedalaman. Di samping itu kerajaan juga memperuntukkan bantuan sara hidup bagi membantu pegawai perkhidmatan awam menampung peningkatan kos sara hidup. Bantuan ini diberikan kepada kakitangan awam mengikut syarat dan kadar yang telah ditetapkan.

Soalan juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim berkenaan dengan penubuhan Pelan Pencen Negara. Beliau membangkitkan tentang bilangan anak yang ramai dikatakan dapat begitu orang tua yang telah bersara walaupun bayaran pencen bulanan yang rendah. Beliau mencadangkan agar ditubuhkan Pelan Pencen Negara untuk mengkaji pemberian pencen kepada para pesara - inilah cadangan. Dan setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Pelan Pencen Negara, walau bagaimanapun kerajaan sentiasa memperbaiki

faedah-faedah yang diterima oleh pesara dari semasa ke semasa. Dan mungkin cadangan ini juga boleh diambil kiralah, satu cadangan dari Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga ingin tahu jumlah kementerian atau agensi kerajaan yang telah mempunyai Unit Audit Dalam. Dimaklumkan 41 buah kementerian dan jabatan persekutuan telah mempunyai Unit Audit Dalam.

Berhubung dengan jumlah hutang Kerajaan Negeri dan Perbadanan Negeri dengan Kerajaan Pusat ia adalah seperti berikut:-

- a) Hutang Kerajaan Negeri. Jumlah hutang 13 Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 1 Disember 2004 setelah diaudit adalah sebanyak RM12.8 bilion. Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah merupakan pinjaman yang perlu dibayar balik mengikut perjanjian yang telah ditetapkan. Kegagalan Kerajaan Negeri membayar balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan menyebabkan berlakunya tunggakan bayaran balik. Dan sehingga 31 Disember 2004 tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM2.6 bilion. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah tunggakan bayaran balik pinjaman Kementerian Kewangan sedang mengambil tindakan menjadualkan semula pinjaman, menghapus kira tunggakan, offset tunggakan dengan premium tanah tukarkan pinjaman menjadi geran atau ekuiti atau mengurangkan tunggakan melalui potongan daripada geran tahunan.

Puan Siti Zailah bte Mohd Yusof: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tentang tunggakan pinjaman kerajaan Negeri, bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan negeri yang manakah yang paling banyak tunggakan pinjaman terhadap Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua: Di sini Yang Berhormat boleh pilih kalau kerajaan Negeri Kerajaan Negeri Barisan Nasional dia tidak mahu jawab, mungkin, tetapi saya serah kepada Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Saya ada maklumat tetapi tidak dengan secara rasmi oleh sebab itu saya tidak ingin sebut di sini kerana tidak secara rasmi. Tetapi apa yang saya

tahu setakat ini masalah kewangan daripada negeri yang paling teruk adalah daripada Kelantan.

- b) Hutang Perbadanan Negeri - kita haraplah dalam masa hadapan kita akan selesaikan masalah ini andai kita tunggu satu kerusi sahaja untuk rampaskan Kerajaan Negeri. Hutang Perbadanan Negeri, hutang perbadanan agensi negeri hanya dengan kerajaan negeri sahaja. Perbadanan Negeri tidak menerima pinjaman terus daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua isu-isu berkaitan dengan pembangunan sosioekonomi juga telah menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad mencadangkan agar kerajaan mewujudkan mekanisme '*fuel save*' bagi memastikan tahap imbalan ekonomi dan tindakan diambil berikutan kenaikan harga minyak mentah dunia yang berterusan. Sukacita dijelaskan bahawa subsidi adalah wang yang dibayar oleh kerajaan kepada pengeluar atau penjual produk petroleum supaya harga runcit produk tersebut rendah berbanding dengan kos sebenar atau di bawah harga pasaran. Dan kenaikan harga minyak telah memberi kesan yang besar ke atas perbelanjaan untuk subsidi yang terus meningkat daripada RM3,343 juta pada tahun 2004 kepada RM9,293 juta pada tahun 2005 imbasan yang senang RM3.3 bilion pada tahun 2004 dan RM9.2 bilion pada tahun 2005.

Mekanisme *fuel save* ini sebenarnya wujud sejak tahun 1983 di mana kerajaan telah melaksanakan mekanisme harga automatik atau *automatic pricing* mekanisme bagi barangan petroleum iaitu bertujuan untuk memastikan harga dan penawaran dan produk petroleum stabil, kadar inflasi terkawal dan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan mekanisme ini dijamin tidak berlaku, perubahan harga produk petroleum meskipun harga minyak mentah berubah-ubah namun jika harga minyak mentah meningkat dengan tinggi, harga runcit minyak terpaksa juga dinaikkan kerana kemampuan kerajaan untuk menampung subsidi adalah terhad tambahan pula ia melibatkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi kah jawapan Yang Berhormat? Adakah panjang lagi?

Datuk M. Kayveas : Panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua : Mungkin rakan-rakan Yang Berhormat sedang tunggu untuk giliran masing-masing sila Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas : Nampak masa yang saya ambil tadi juga saya perlu masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua : Terima kasih.

Datuk M. Kayveas : Tuan Yang di-Pertua tambahan pula ia melibatkan 'kos melepas' iaitu menggunakan peruntukan untuk membina dan menyediakan kemudahan sosioekonomi seperti sekolah dan infrastruktur bagi faedah layak dalam tempoh jangka panjang adalah menjadi dasar kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan ke atas subsidi termasuk produk petroleum. Berdasarkan keadaan semasa adalah dijangkakan trend harga minyak mentah tidak akan mencecah USD100 setong. Harga tertinggi yang dicatatkan pada bulan Ogos 2005 ialah USD64.26 satu tong dan menurun kepada USD59.05 satu tong pada 14 Disember 2005.

Agensi-agensi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, *World Energy Council* dan *Energy Information Administration* meramalkan harga minyak mentah dunia dijangka berada paras antara USD50 hingga USD 60 satu tong bagi jangka sederhana.

Sekiranya harga minyak mencecah USD100 satu tong, kerajaan akan meminta rakyat menanggung sebahagian daripada beban dan sebahagian lagi akan ditanggung oleh kerajaan. Sebanyak mana yang akan ditanggung oleh kerajaan bergantung pula kepada kedudukan dan kemampuan kewangan kerajaan pada masa tersebut namun begitu kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dalam tempoh jangka panjang supaya kita tidak hanya bergantung pada sumber minyak. Tindakan-tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut :

- (i) menggalakkan orang ramai menggunakan sumber tenaga alternatif seperti menggunakan natural gas *vehicle* ataupun NGV dengan izin, menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui melalui *small renewable energy program* serta memperkenalkan penggunaan biodiesel atau *green field* dengan menggunakan minyak sawit di campur dengan diesel untuk kenderaan di negara ini;
- (ii) menetapkan harga NGV pada paras 50 peratus lebih rendah daripada harga petrol;
- (iii) menggalakkan penggunaan gas asli, arang batu dan hidro bagi penjanaan elektrik;

- (iv) menggalakkan setiap individu berjimat-cermat dalam menggunakan sumber tenaga dan mengelakkan pembaziran; dan
- (v) meningkatkan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan berkaitan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua saya hanya ingin tambah sedikit di sini menggalakkan penggunaan gas asli, arang batu dan hidro bagi menjana elektrik saya ingin perlu tambah di sini solar *energy* juga di sini yang nampaknya pada sekarang ini dengan izin '*whitely*' diguna pakai di Eropah dan lain-lain tempat.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng pula mencadangkan agar kerajaan menggalakkan penggunaan gas asli serta penambah kemudahan infrastruktur NGV dimaklumkan pada masa ini terdapat 39 buah stesen gas bagi kenderaan NGV di sekitar Lembah Klang, Johor Bharu, Melaka dan Pulau Pinang. Sebanyak 12 buah stesen lagi sedang dibina dan dijangka beroperasi menjelang suku pertama tahun 2006.

Menjelang tahun 2010 dianggarkan sebanyak 94 buah stesen NGV akan beroperasi di seluruh negara. Bagi menggalakkan program NGV ini kerajaan telah memberi insentif seperti berikut :

- (i) pengurangan cukai jalan sebanyak 25 peratus bagi kenderaan biofuel, kenderaan NGV gasolik dan kenderaan *due fuel*, kenderaan NGV diesel;
- (ii) pengurangan cukai jalan sebanyak 50 peratus untuk kenderaan monogas;
- (iii) pelepasan cukai jualan dan duti import ke atas alat pengubahsuaian dengan izin *convention kids*; dan;
- (iv) mempercepatkan elaun model *accelerated capital allowance* s dengan izin untuk pembelian bas monogas dan pembinaan stesen NGV.

Untuk mempercepatkan lebih banyak pembangunan stesen NGV kerajaan akan membantu syarikat Petroleum Nasional Berhad Petronas mengenal pasti dan mendapatkan tanah di lokasi-lokasi strategik di Kuala Lumpur bagi tujuan pembangunan stesen NGV dan stesen-stesen NGV juga akan di bina di depot-depot bas pengangkutan awam yang berdekatan dengan sistem saluran paip gas asli.

Tuan Yang di-Pertua isu gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di Sabah telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Kalakau bin Untol. Dimaklumkan Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah membuat kajian mengenai

kedudukan permintaan dan bekalan elektrik di Sabah dalam jangka panjang bagi memastikan bekalan elektrik yang terjamin, berdaya harap dengan izin *reliable* dan kos efektif.

Sehubungan ini kerajaan telah bersetuju mengenai i rancangan kapasiti, penjana elektrik di Sabah antara lain seperti berikut :

- (i) pelaksanaan loji jana kuasa baru secara *fast track* berkapasiti 190 Megawatt menggunakan gas pada tahun 2008 oleh *Runhill Power Benchers* Berhad di Kota Kinabalu Sabah;
- (ii) pelaksanaan loji jana kuasa arang batu dengan jumlah kapasiti 300 Megawatt pada tahun 2009 dan 2010 di Lahad Datu Sabah; dan
- (iii) pelaksanaan projek-projek hidroelektrik termasuk loji jana kuasa hidro mini dalam jangka panjang.

Rancangan penambahan kapasiti penjana tersebut akan dapat membekalkan elektrik yang berdaya harap dengan simpanan elektrik pada paras yang selesa serta liputan elektrik yang lebih menyeluruh di negeri Sabah.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan kajian semula garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing dengan izin FIC khususnya mengenai penjualan aset kepada syarikat asing. Dimaklumkan garis panduan FIC yang berkuat kuasa 21 Mei tahun 2003 adalah berdasarkan kepada kajian semula daripada pakej rancangan ekonomi pada 2003 di mana terdapat dua garis panduan berasingan untuk syer dan hartanah iaitu:

- (i) garis panduan mengenai perolehan kepentingan, percantuman dan pengambilan oleh kepentingan tempatan dan asing; dan
- (ii) garis panduan mengenai perolehan hartanah oleh kepentingan tempatan dan asing.

Dalam menentukan dasar ekonomi baru atau DEB terus kekal dilaksanakan dan dipertahankan terutamanya untuk meningkatkan pemilikan ikuti bumiputera dalam bidang korporat. FIC melaksanakan objektif DEB melalui pengenaan syarat supaya syarikat-syarikat milik kepentingan tempatan dan asing yang belum mempunyai ekuiti bumiputera mengadakan atau meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus. Syarikat ini dikenakan semasa syarikat-syarikat mengemukakan cadangan perolehan ekuiti, percantuman, pengambilalihan, usaha sama dan harta.

Kelonggaran syarat FIC di bawah pakej rangsangan ekonomi tahun 2003 telah membenarkan kepentingan asing memiliki ekuiti dalam syarikat tempatan sehingga 70% kecuali bagi sektor yang telah diberi pengecualian oleh kerajaan. Bagi syarikat yang terlibat dengan aktiviti yang mempunyai kepentingan negara seperti bekalan air dan tenaga, penyiaran, pertahanan dan keselamatan penglibatan asing dihadkan kepada tidak melebihi 30%. Dalam keadaan tertentu kerajaan juga berhak mengenakan syarat lain seperti menerbitkan syer khas dengan izin, *golden share*. Bagi syarikat yang telah mencapai pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 30% atau lebih tetapi kurang daripada 51% akan dikenakan syarat supaya mengekalkan sekurang-kurangnya 30% ekuiti bumiputera pada setiap masa.

Manakala syarikat yang telah mencapai pegangan ekuiti bumiputera 51% atau lebih akan dikenakan syarat supaya mengekalkan sekurang-kurangnya 51% ekuiti pada setiap masa. Untuk makluman, garis panduan FIC tersebut merupakan garis panduan yang menggantikan garis panduan FIC 1974 iaitu garis panduan mengenai perolehan hartanah, percantuman dan pengambilalihan. Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu menyeru agar kerajaan prihatin dalam merancang strategi bagi memastikan penglibatan kaum India dalam pembangunan ekonomi negara. Ditegaskan adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tidak membantu kaum India menambahkan ekuitinya.

Dokumen perancangan lima tahun kerajaan jelas menunjukkan bahawa ekuiti kaum India sebenarnya telah meningkat. Pada tahun 1970 pegangan kaum India hanya RM58.3 juta atau 1.1% daripada jumlah ekuiti sektor korporat. Pegangan ini telah meningkat kepada RM1.1 bilion pada tahun 1990 dan RM6 bilion atau 1.5% daripada jumlah ekuiti korporat pada tahun 2002. Sejak kebelakangan ini kadar peningkatan ekuiti kaum India amatlah pesat, dalam tempoh 1995 hingga 2002 ekuiti kaum India telah meningkat kepada kadar 11.8% setahun berbanding 10.2% bagi kaum bumiputera. Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa strategi dan program di bawah DPN dan juga Dasar Wawasan Negara (DWN) adalah berkesan dalam membantu kaum India meningkatkan pemilikan ekuiti mereka dalam sektor korporat.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa tiada mekanisme seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk membantu kaum India juga adalah tidak benar. Sebenarnya 6 daripada 10 unit Saham Amanah di bawah PNB adalah terbuka kepada semua kaum termasuk kaum India. Skim-skim ini ialah:

- (i) Amanah Saham Malaysia;
- (ii) Amanah Saham Wawasan;
- (iii) Amanah Saham Nasional;
- (iv) Amanah Saham Gemilang - Pendidikan;
- (v) Amanah Saham Gemilang - Kesihatan; dan
- (vi) Amanah Saham Gemilang - Persaraan.

MARA menerusi Pusat Giat MARA juga membuka program latihan kemahirannya kepada kaum India bermula pada tahun 2004. Sehingga akhir tahun 2005 seramai 1,093 remaja India telah menyertai pelbagai kursus kemahiran di Pusat Giat MARA di seluruh negara.

Di samping itu agensi-agensi seperti Bank Pembangunan Malaysia, SME Bank, Bank Pertanian Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dengan izin, juga membuka latihan keusahawanan dan latihan kemahiran serta kemudahan pembiayaan kepada usahawan dan bakal-bakal usahawan dari kalangan kaum India yang berminat dan mempunyai kesungguhan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi membantu meningkatkan prestasi kaum India, kerajaan juga menggalakkan penubuhan syarikat usaha sama di antara kaum India dengan kaum bumiputera dan kaum Cina melalui Program Usaha Sama Tulen. Program ini dilaksanakan melalui Majlis Galakan Usaha Sama Tulen yang dianggotai oleh ketiga-tiga Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera, Cina dan India serta wakil konsortium bank dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Di samping itu, kaum India perlu menjalinkan rangkaian kerjasama dengan bergabung tenaga, kepakaran dan sumber untuk membangunkan syarikat yang lebih besar supaya lebih kompetitif, berdaya tahan dan berdaya maju. Badan-badan yang mewakili kaum India seperti dewan perniagaan dan perindustrian, persatuan-persatuan perdagangan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyebarkan maklumat serta mengeratkan usaha, membangunkan sumber ekonomi kaum India di negara ini. Usaha-usaha di atas jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan kaum India turut menikmati faedah pembangunan ekonomi negara. Pencapaian dan kemajuan pemilikan ekuiti kaum India juga bergantung kepada inisiatif dan kemampuan kaum India untuk mengambil bahagian secara aktif.

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah, Yang Berhormat?

Datuk M. Kayveas: Merebut...panjang sedikit, panjang.

Tuan Pengerusi: Ya, sebab saya ada dalam senarai ini 26 kementerian yang akan menjawab. Jadi kita ada ini sehingga esok.

Datuk M. Kayveas: Ya, ...

Tuan Pengerusi: Kalau boleh Yang Berhormat sepintas lalu sebut isu-isu dan....

Datuk M. Kayveas: Boleh saya cuba.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Taraf Dewan Negara sekarang ini sudah naik dan kita perlu *maintain* standard sekarang, Tuan Yang di-Pertua ada sekarang. Standard ini lainlah daripada Dewan Rakyat. Dewan Rakyat sekarang sudah turun sedikit. Tepuklah ini...

Beberapa Ahli: [*Menepuk meja*]

Tuan Pengerusi: Biarkan Yang Berhormat, sila teruskan.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, terima kasih. Hanya saya haraplah kaum India akan merebut peluang yang disediakan dan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka yang sedia ada. Mungkin pihak-pihak *not aware of it*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung saranan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad supaya ditimbang penganugerahan darjat kebesaran persekutuan kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah berbanding hakim-hakim Mahkamah Sivil, sukacita dimaklumkan bahawa pertimbangan ke atas calon-calon bagi penganugerahan darjat kebesaran persekutuan adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip yang berikut:

- Dianugerahkan kepada mereka yang benar-benar layak untuk dipertimbangkan bagi penerimaan mana-mana anugerah;
- Individu yang telah menunjukkan kejayaan cemerlang dan membawa kepada kejayaan negara;
- Seseorang yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa;
- Seseorang yang telah berbakti kepada masyarakat melalui pertubuhan atau persatuan;
- Pegawai kerajaan yang menjalankan tugas melebihi daripada tugas biasa.

Di samping asas-asas di atas, kriteria-kriteria berikut juga diambil kira:

- Berumur melebihi 40 tahun bagi lelaki dan 35 tahun bagi wanita;

- Pegawai-pegawai kerajaan yang lebih lama berkhidmat iaitu melebihi 18 tahun;
- Calon-calon yang belum pernah menerima apa-apa penganugerahan;
- Kepimpinan yang boleh diteladani dan berkhidmat di tempat-tempat yang terpencil;

Oleh itu tidak wujud perbezaan dalam memberi pertimbangan kepada kategori-kategori tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah membangkitkan beberapa perkara mengenai hal ehwal Parlimen, beliau mencadangkan supaya Pegawai Penyelidik ditambah kepada 40 orang. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan 10 jawatan Pegawai Penyelidik gred 48 di Parlimen Malaysia pada 12 Mac tahun ini dan 8 calon telah melaporkan diri pada bulan Oktober tahun ini dan jawatan ini akan diisi sepenuhnya selewat-lewat pada awal tahun hadapan. Cadangan Yang Berhormat agar ditambah bilangan Pegawai Penyelidik kepada 40 orang bagi membantu Ahli-ahli Parlimen akan diberi perhatian sewajarnya dengan mematuhi prosedur pengisian jawatan yang ditetapkan.

Mengenai cadangan diadakan petugas kebersihan yang tetap, dengan izin, *permanent cleaner* untuk menjaga kebersihan tandas dimaklumkan bahawa pada masa ini syarikat pembekal perkhidmatan menugaskan pencucian secara berkala dengan kekerapan cucian atau setengah jam sekali. Petugas dikehendaki juga mencuci beberapa tandas yang lain di sektor blok utama bangunan ini. Saranan Yang Berhormat agar ditugaskan seorang pencuci tetap akan dilaksanakan dan cucian akan dilakukan setiap setengah jam sekali.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad supaya bilangan hari bersidang bagi Dewan Negara ditambah, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan mengambil makluman peningkatan mutu perbahasaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa ini memerlukan peruntukan lebih masa untuk perbahasan, oleh itu kerajaan akan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua bagi menimbangkan permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Isu pertelingkahan antara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Sesungguhnya peranan menjaga keharmonian dan integriti di Dewan adalah merupakan

tanggungjawab bersama. Oleh itu adalah terserah kepada Ahli-ahli Dewan untuk sama-sama mendukung prinsip sedia ada dan peraturan yang telah jelas termaktub berkenaan dengan adab-adab berbahas di dalam Dewan atau seumpamanya. Perkara ini tidak seharusnya diletakkan di bawah tanggungjawab Tuan Yang di-Petua Dewan semata-mata, sebaliknya ia haruslah dilihat sebagai satu kewajipan setiap Ahli untuk sama-sama mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat selaras dengan sumpah yang dilafazkan semasa memulakan tugas sebagai Ahli Dewan.

[Timbalan Yang di-Petua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Petua.

Berhubung penayangan klip video ketuk ketampi oleh tahanan wanita oleh Polis Diraja Malaysia oleh Ahli Parlimen bagi Seputeh di lobi Parlimen, kerajaan berpendapat tayangan itu tidak diistilahkan sebagai bahan lucu, sebaliknya ia lebih merupakan satu rakaman yang berkaitan dengan aduan. Walau bagaimanapun, sekiranya tayangan tersebut diistilahkan sebagai edaran bahan lucu, maka tindakan boleh diambil ke atas Yang Berhormat tersebut dengan merujuknya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Mengenai saranan supaya peruntukan Ahli Dewan Negara di tambah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat, dimaklumkan peruntukan Ahli Dewan Negara diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu sebarang pertambahan kepada peruntukan yang diluluskan perlu dirujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chih Tiang Chai ingin penjelasan apa yang boleh dilakukan untuk memberi latihan tambahan kepada peguam muda yang tidak berpengalaman. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, amalan guaman seseorang peguam bela dan peguam cara adalah tertakluk kepada Akta Profesion Undang-undang 1976, dengan izin, *Legal Profession Act*. Di bawah akta itu ditubuhkan suatu badan berkanun yang dikenali dengan nama Bar Malaysia atau pun dengan izin, *Bar Council, Malaysian Bar* yang berperanan untuk memudahkan pengamal undang-undang memperolehi pengetahuan undang-undang itu. Kerajaan tidak mempunyai obligasi untuk menyediakan apa-apa bentuk latihan kepada pengamal undang-undang itu dan terpulanglah kepada kebijaksanaan Majlis Peguam yang

menguruskan hal ehwalnya untuk mencari jalan memelihara dan mempertingkatkan prestasi kepeguaman anggotanya.

Berhubung dengan penubuhan Akademi Undang-undang Malaysia, dimaklumkan Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia telah dua kali dibentangkan di Dewan Rakyat iaitu pada 25 Mac 2002 dan 29 Oktober 2003 tetapi telah ditarik balik bagi membolehkan kerajaan meneliti semula, memperkemas dan menambah baik peruntukan rang undang-undang itu.

Mengenai tunggakan kes-kes di mahkamah adalah dimaklumkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kes-kes tertunggak di mahkamah dan permohonan oleh peguam adalah salah satu dari faktor tersebut. Telah wujud satu sistem yang menghadkan peguam mengambil kes-kes seperti yang diperuntukkan oleh Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Profesional dan Undang-undang (Amalan Kesopanan) 1978 yang memperuntukkan bahawa dengan izin, "*an advocate and solicitor shall not accept any brief unless he is reasonably certain of being able to appear and represent the client on the required day*".

Selanjutnya Arahan Ketua Hakim Negara Bil. 1/2004 menyatakan bahawa apabila permohonan untuk penangguhan dibuat atas alasan peguam terlibat di mahkamah lain atau mahkamah yang lebih tinggi, pertimbangan hendaklah diberi kepada garis panduan berikut:

- (i) kes jenayah yang lebih awal didaftarkan hendaklah diutamakan;
dan
- (ii) kes sivil yang lebih awal didaftarkan hendaklah diberi keutamaan.
Pengurusan kes dengan izin, *case management* juga dikendalikan supaya apabila kes-kes ditetapkan untuk bicara, peguam bela tidak boleh mengelak dari perbicaraan kecuali dalam keadaan tertentu seperti sakit.

Tuan Yang di-Petua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

4.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di mana terdapat sebelas isu polis dan satu isu penerbitan.

Bagi isu-isu yang dibangkitkan itu, saya cuba memberi penjelasan yang sewajarnya. Berkaitan dengan isu yang pertama, adalah berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang mana ingin mengetahui apakah punca kegagalan dan tindakan kementerian berkaitan dengan 12 buah projek perumahan polis melibatkan RM500 juta yang terbengkalai.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek yang terbengkalai ini adalah disebabkan ketidakupayaan pihak pemaju atau kontraktor yang menyiapkan projek tersebut disebabkan mereka menghadapi masalah kewangan dan juga berkaitan dengan pengurusan yang tidak cekap. Kebanyakan projek-projek ini adalah projek-projek yang menggunakan konsep perjanjian jual beli secara reka dan bentuk. Kementerian telah mengambil tindakan bagi menyiapkan projek-projek yang terbengkalai ini dan sebilangannya sudah pun memulakan pembinaan semula, manakala terdapat juga di antaranya dalam peringkat akhir untuk dilaksanakan.

Oleh kerana masalah yang timbul ini, kementerian tidak bercadang menggunakan konsep perjanjian jual beli bagi perolehan projek di kementerian ini. Di samping itu pihak kementerian juga telah mengambil tindakan untuk kontraktor yang terlibat dengan menyenaraihitamkan syarikat-syarikat berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad juga ingin mengetahui mengenai status projek Ibu Pejabat Polis Daerah Perak Tengah yang terbengkalai. Projek ini merupakan projek pembelian rumah PDRM di Bandar Baru Seri Iskandar, Perak yang terdiri daripada sebuah IPD dan 138 unit rumah untuk anggota. Status projek semasa ini ialah kemajuan kerja adalah 83% berbanding jadual siap 100% di mana kelewatan adalah 17%.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak telah mengeluarkan notis penamatan kontrak perjanjian jual beli kepada pemaju pada 6 Ogos 2003. Lanjutan daripada itu, Kementerian Kewangan telah mengarahkan projek ini dipelawa untuk di tender terhad kepada enam syarikat yang telah dinamakan oleh Kementerian Kewangan dari negeri Perak dan projek ini dijangka akan di tender pada Januari 2006.

Tuan Yang di-Petua, isu seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan beberapa Ahli Dewan yang mulia ini yang lain, semasa membuat pencelahan yang telah menyentuh mengenai imej polis yang tercemar akibat daripada tangkapan beberapa wanita negara China yang berkaitan dengan penyebaran video klip yang memaparkan tahanan wanita yang dibogelkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu ini, walaupun terdapat insiden negatif terhadap polis, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah memuji usaha-usaha polis yang cemerlang, terutamanya dalam menangani keganasan dan mewujudkan situasi aman dan tenteram dalam negara kita. Pihak kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pengiktirafan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pihak pasukan Polis Diraja Malaysia.

Walau bagaimanapun, berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan, yang dikatakan telah mencemar nama baik pasukan polis seperti yang telah dinyatakan. Pihak kementerian tidak ingin menyentuh perkara itu oleh kerana pada masa ini satu badan bebas iaitu Suruhanjaya Inkuiri Awam yang dipengerusikan oleh Tun Mohd. Dzaidin Abdullah, bekas Ketua Hakim Negara telah pun menjalankan siasatan dan akan memberi keputusannya pada 15 Januari 2006.

Kementerian ini menyarankan agar kita menunggu keputusan suruhanjaya ini. Walau bagaimanapun, kementerian ini merasa kesal sungguhpun kerajaan telah mengumumkan satu suruhanjaya bagi menyiasat perkara ini, masih.....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sila.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, semua peringkat memang pihak kementerian tidak hendak mengulas soal isu itu kerana suruhanjaya penyiasat sedang membuat siasatan. Tetapi tidakkah boleh dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat menjelaskan peringkat awal itu, bagaimana isu ini boleh keluar kerana pihak *public* tertanya-tanya dalam soal seseorang itu dalam tahanan, disiasat oleh polis, tiba-tiba pihak yang diamanahkan oleh pihak berkuasa untuk menjalankan soal-soal keselamatan ini, boleh buat ambil rakaman, membawa perkara itu keluar. Jadi kalau benda itu tersekat di situ, mereka tidak heboh sampai sekarang ini. Jadi hendak tahu yang itu sahaja. Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat daripada senario apa yang telah berlaku, mulai daripada penangkapan empat atau pun lima orang warga China, yang telah memaparkan di mana mereka telah didakwa bahawa mereka telah ditangkap dan juga didakwa telah diminta membogelkan diri mereka untuk disiasat oleh pihak polis. Kemudiannya, terkeluar gambar video klip yang memaparkan seorang wanita yang dalam melakukan keadaan *squat*. Kalau menggunakan perkataan ketuk-ketampi, ia melambangkan seolah-olah merupakan satu penderaan. Tetapi saya ingin menggunakan perkataan keadaan *squatting* dalam polis mengambil tindakan terhadap wanita yang terpapar di dalam video klip itu.

Berkaitan dengan isu Yang Berhormat menyentuh, bagaimana perkara ini boleh terkeluar dan bagaimana perkara ini telah dapat dirakamkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya percaya dalam Inkuiri yang kita sama-sama melihat ataupun membaca dalam akhbar baru-baru ini bahawa seorang anggota polis yang disoal siasat, walaupun tidak diakui oleh beliau tetapi daripada kenyataan-kenyataan, mungkin dianggap bahawa anggota ini melakukan berkaitan dengan rakaman ini.

Malahan, semasa mereka melakukan perkara ini bahawa tiada siapa yang mengetahui sehingga kalau kita membaca daripada akhbar berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang diberi, bahawa pihak yang berkenaan, yang membuat rakaman, hanya memaklumkan kepada anggota yang lain. Jadi itu sahaja yang setakat ini yang kita mengetahui. Jadi saya percaya lebih baik kita menunggu maklumat yang lebih lanjut dan maklumat yang lebih sahih supaya kita dapat merenungkan bersama apa sepatutnya tindakan yang perlu diambil, yang akan diputuskan oleh pihak Suruhanjaya Inkuiri.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju sekali dengan pandangan Yang Berhormat tadi tentang biarlah perkara ini disiasat oleh satu suruhanjaya bebas sebagai mana langkah yang begitu pantas telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan mewujudkan suruhanjaya tersebut. Saya kira ini satu langkah yang bijak, yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada kita membuat beberapa andaian.

Jadi walau bagaimanapun, mungkin Yang Berhormat, pada pandangan saya tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan mungkin perkara ini masih dalam siasatan Suruhanjaya Bebas. Saya kira biarlah jawapan tersebut mungkin tidak perlu

diberi kerana ianya akan memberi gambaran-gambaran yang kurang tepat kepada Suruhanjaya Penyiasat. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang saya nyatakan tadi bahawa seelok-eloknya kita menunggu jawapan atau pun keputusan yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Bebas pada 15 Januari 2006 ini. Tetapi apa yang kementerian ingin menyatakan di sini.....

Tuan Lee Sing Chooi: Penjelasan. Terima kasih. Yang ini dia ambil masa agak panjang untuk hendak tahu itu yang perempuan itu, rakyat kita atau tidak? Adakah ini berkenaan dengan rekod di balai polis itu tidak dikemas kini dan susah diperiksa? Kalau rekod dia bagus, kalau ada rekod yang agak senang diperiksa, maka satu hari sudah boleh *check* dah daripada ambil masa panjang hendak *check* itu. Adakah maklumat di balai polis itu tidak lengkap atau rekod-rekod yang disimpan itu tidak dikemas kini atau itu yang jadi masalah, adalah salah satu masalah? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya masih tidak memahami apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Apakah rekod yang dimaksudkan itu?

Tuan Lee Sing Chooi: Video klip sudah ada. Tetapi hendak tahu di mana ia berlaku. Sudah tahu dah di PJ. PJ itu kalau tahu di balai polis PJ, bolehkah tidak *check* rekod-rekod di balai polis PJ? Tidak ada berlaku, siapa dia, perempuan apa nama dia. Ini kalau rekod itu disiapkan, senang diperiksa, maka senang tahu. Bukan ambil masa yang panjang hendak tahu siapa dia, nama dia, rakyat Malaysia atau tidak. Itu satu kelemahan rekod polis. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau kita melihat daripada *because* ini kebanyakan apa yang kita mengetahui hanya daripada spekulasi. Tetapi apa yang kita lihat bahawa siasatan dimulakan apabila masalah video klip ini digembar-gemburkan dan polis memulakan siasatan dalam perkara ini sehinggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengumumkan supaya satu suruhanjaya membuat penyiasatan bebas dalam perkara ini. Jadi kalau Yang Berhormat mengatakan kita mempunyai rekod sebelum itu, mungkin terlalu spekulasi dalam perkara ini. Boleh saya teruskan?

Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya nyatakan tadi, kementerian rasa kesal sungguhpun kerajaan telah mengumumkan satu suruhanjaya bagi menyiasat perkara ini, masih ada pihak yang tertentu terus menggembar-gemburkan isu ini sehingga memaparkan gambar video klip itu secara meluas dalam media cetak dan elektronik. Inilah, antaranya yang menyebabkan persepsi kurang baik terhadap imej

polis dan negara apabila mangsa pula didakwa adalah dari warga negara China. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji balik prosedur undang-undang yang membogelkan tahanan dan kita tahu kes sebelum ini bukan satu kes. Banyak kes termasuk juga tahanan ISA yang dibogelkan. Jadi apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji balik sebab ini menjatuhkan maruah seorang manusia itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. ini membogelkan mangsa ataupun *suspect* yang ditangkap ada hubung kaitnya dengan prosedur yang berkaitan dengan *arrest, search procedure* kerana dalam *term of reference* dengan izin, yang telah diamanahkan kepada suruhanjaya, yang mana telah menjalankan inkuirinya dan saya percaya ini akan disentuh oleh pihak Inkuiri Awam.

Kita tunggulah sama ada yang dikatakan *standard procedure* pada hari ini betul, ataupun ianya *contrivance human right*, ataupun sama ada perlu satu prosedur yang lebih baik akan dibuat. Kita tunggu sama-sama melihat dan membaca apa yang akan digariskan oleh Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae pula telah mencadangkan supaya satu tindakan diambil terhadap pihak yang tidak bertanggung jawab dalam menyebabkan isu video klip tahanan wanita yang dibogelkan tanpa usul periksa sehingga menjejaskan nama baik negara.

Seperti yang dinyatakan, Suruhanjaya bebas telahpun ditubuhkan untuk menjalankan *inquiry* awam berhubungan dengan isu ini. Sewajarnya kita menunggu hasil siasatan yang akan dikemukakan oleh Suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, telah pula mencadangkan supaya bilangan pegawai polis yang menjadi *under cover* dengan izin ditambah untuk menjejaki penjenayah memandangkan kadar penjenayah semakin sukar dikawal.

Berkaitan dengan isu ini, Jabatan Siasatan Jenayah ataupun JSJ telah mengemukakan satu cadangan untuk penambahan keanggotaan khususnya dalam kekuatan untuk tugas-tugas penyiasatan dan pencegahan jenayah. Jumlah keperluan yang telah dipohon adalah sebanyak 11,864 perjawatan. Secara amnya, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperakukan jumlah permohonan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee juga minta pihak polis mengambil tindakan segera bagi mengawal pihak tertentu menyebarkan risalah jemputan ke sebuah *private party* yang dikenali sebagai *Friday December 31st* di Langkawi, yang dipercayai akan diadakan untuk tahun yang ketiga. Tuan Yang di-Pertua, sebaran yang dibuat adalah melalui *flyer* seperti ini yang mana memaparkan gambar wanita yang memakai coli dan bikini. *[Mengangkat risalah yang dimaksudkan]*

Ada butir-butir yang menyebutkan penganjurnya ialah Malibat Best Resort Langkawi, dan telefon nombor untuk dihubungi ialah NADIA -0166356598. Kalau ada siapa-siapa nak ambil, walau bagaimanapun, siasatan awal telah dimulakan oleh pihak polis Langkawi. Di mana didapati bahawa penganjur yang dikatakan dalam *flyer* ini ada nama Malibat Best Resort Langkawi. Tapi ia adalah merupakan resort yang mana mereka tidak mengetahui sama sekali berkaitan dengan parti yang bakal diadakan pada hujung tahun ini. Begitu juga dengan nombor telefon. Adalah merupakan *prepaid* yang mana tidak dapat dikesan.

Bagaimanapun pihak polis sedang meneruskan siasatan dan pada akhir tahun ini telah menyambut tahun baru bahawa pasukan *marine* akan mengadakan rondaan untuk memastikan sama ada isu-isu seperti ini ataupun parti seperti ini akan tidak diadakan di mana tindakan undang-undang akan diambil.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan bagaimana Yang Berhormat memberitahu bahawa pihak polis tidak boleh mengenal pasti nombor 0 berapa tadi, 1, 6 berapa yang disebut tadi. Sedangkan sudah tentu nombor ini daftar dengan pihak yang berkenaan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak polis telah pun memanggil nombor ini tetapi tidak dapat dikesan. Kalau Yang Berhormat nak cuba boleh juga.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya serahkan perkara ini kepada Yang Berhormatlah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya ingin menyarankan sebagai satu tindakan yang proaktif dari pihak kerajaan ialah membuat satu paparan ataupun satu

advertisement yang mengatakan bahawa sekiranya terdapat mereka yang hadir di dalam majlis ini akan diambil tindakan. Maka ini adalah satu tindakan yang akan menghalang mereka daripada mencuba ataupun yang akan membunuh *curiosity* sekalipun, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini suatu syor yang baik, yang mana? Boleh terangkan? Tetapi satu berita berkaitan dengan perkara ini telahpun dikeluarkan di dalam beberapa media cetak kita baru-baru ini.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya difahamkan bahawa ini program ini telah dilaksanakan kali yang ketiga. Iklan ini adalah kali yang ketiga. Adakah sebelum ini tidak ada pemantauan yang dibuat terutama terhadap program-program sambutan Tahun Baru yang kita dapat tahu banyak program-program yang berunsur maksiat ini dilaksanakan oleh golongan remaja ini, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini adalah satu perkara yang kalau berlaku, ia merupakan satu majlis *private*. Sekiranya, kalau kita tidak dapat maklumat, tak mungkin kita dapat menjalankan tindakan. Apa yang perlu, kita memohon kerjasama daripada masyarakat negara kita untuk bersama-sama mengatasi masalah ini dan laporkan kepada pihak polis ataupun pihak-pihak yang berkuasa yang boleh mengambil tindakan. Perkara-perkara yang boleh menjejaskan sama ada perkara-perkara dari segi moral kita ataupun menyalahi daripada segi undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik telah mencadangkan supaya kemudahan-kemudahan asas balai-balai polis diperbaiki bagi memberi keselesaan kepada pegawai dan anggota untuk menjalankan tugas. Isu ini telahpun dicadangkan dan telah diambil perhatian di dalam laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan PDRM. Usaha-usaha ke arah pembaikan ini sentiasa dijalankan oleh PDRM untuk memperbaiki bangunan dan kemudahan-kemudahan asas balai-balai polis bagi keselesaan bukan sahaja kepada pegawai dan juga anggota-anggota polis, tetapi juga kepada orang awam yang berurusan dengan PDRM.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Kalakau Untol turut mencadangkan supaya satu kolej PDRM seperti Maktab Tentera Diraja, diwujudkan untuk memberi ruang kepada pelajar sekolah menengah bagi membentuk sahsiah diri dan juga minat terhadap pasukan polis. Buat masa ini pihak PDRM tidak mempunyai perancangan

untuk mewujudkan Kolej PDRM seperti Maktab Tentera Diraja. Namun demikian, pihak PDRM telah lama memberi pendedahan kepada pelajar sekolah menengah dalam membentuk sahsiah dan jati diri serta minat ke arah penyertaan dalam PDRM. Lantaran itu, organisasi seper kor-kadet polis di sekolah-sekolah menengah dan kor sukarelawan siswa siswi ataupun SUKSIS di institut pengajian tinggi awam telah diwujudkan.

Kor SUKSIS ini dilatih sama seperti anggota simpanan sukarelawan iaitu PDRM yang lain dalam latihan tahunan yang telah diprogramkan. Ini bagi menambahkan minat mereka agar terus menyertai PDRM setelah tamat pengajian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah Mohd. Sultan mencadangkan supaya pihak polis memperbaiki prosedur pemeriksaan tubuh badan supaya kejadian yang menjadi isu utama ini tidak lagi berulang.

Seperti yang dinyatakan Suruhanjaya Bebas telahpun ditubuhkan untuk menjalankan *inquiry* awam berhubung dengan isu ini termasuklah mengkaji semula prosedur pemeriksaan tubuh tahanan.

Jadi wajarlah kita menunggu hasil siasatan yang akan diumumkan oleh Suruhanjaya pada 15 Januari 2006 ini. Beliau juga turut mencadangkan supaya PDRM mencari alternatif lain selain daripada pemakaian lencana "Saya Anti Rasuah" yang menggambarkan seolah-olah terlalu ramai kakitangan PDRM yang terlibat dalam rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pemakaian lencana "Saya Anti Rasuah" ini adalah interpretasi subjektif pada pandangan Yang Berhormat. Namun demikian pihak polis amat memandang serius terhadap gejala rasuah dalam pasukan PDRM. Oleh itu pemakaian lencana ini adalah merupakan satu tindakan jangka pendek yang bertujuan untuk membangkitkan kesedaran dan pendidikan kepada ahli-ahli pasukan seluruh negara.

Berkaitan dengan isu penerbitan pula, isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim mengenai cadangan supaya isu-isu negatif seperti jenayah, rogol, culik, dadah dan sebagainya tidak dicetak di muka-muka hadapan akhbar memandangkan ianya boleh merosakkan pandangan negara luar terhadap Malaysia. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar liberal dan terbuka terhadap media massa, khususnya media cetak bagi menentukan hala tuju dan corak pemberitaan akhbar-akhbar sesuai dengan kebebasan bersuara di dalam negara kita ini. Namun begitu, semua penerbitan termasuk akhbar-akhbar harian arus perdana tempatan yang diluluskan permit adalah tertakluk kepada garis panduan penerbitan dan

syarat-syarat permit seperti yang diperuntukkan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Sekiranya pihak akhbar memuatkan bahan-bahan dan laporan pemberitaan yang boleh memudaratkan kemoralan, ketenteraman awam, berlawanan dengan undang-undang serta kepentingan awam dan negara, kementerian akan ambil tindakan mengeluarkan surat nasihat, teguran mahu pun amaran kepada penerbit-penerbit akhbar berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja penjelasan-penjelasan yang saya dapat sampaikan di atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika ada isu-isu yang tidak dapat disentuh, pihak kementerian bersedia menerima pertanyaan-pertanyaan yang mana boleh dijawab secara bertulis. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapannya. Seterusnya Kementerian Pertahanan.

4.33 petang.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, minta izin untuk menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Dua Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai, menyentuh Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Chiu Tiang Chai, dan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chiu Tiang Chai, modul PLKN perlu dikaji semula, kementerian telah membentuk modul PLKN untuk mencapai empat objektif utama program iaitu memupuk perpaduan, menanam semangat patriotisme dan sukarelawan serta membentuk perwatakan positif. PLKN melaksanakan empat modul ini, fizikal, modul kenegaraan, modul pembinaan karakter dan modul khidmat komuniti. Dua komponen iaitu komponen kebudayaan, kerohanian serta beberapa program sebagai strategi untuk mencapai objektif-objektif tersebut.

Walaupun modul kenegaraan adalah modul utama, tetapi ianya meliputi keseluruhan pada dasar yang mencakupi keperluan-keperluan lain. Hasil kajian keberkesanan daripada segi semangat patriotisme menunjukkan bahawa pelatih bersetuju PLKN telah menyedarkan mereka memberi peranan yang harus dimainkan sebagai rakyat Malaysia dan pelatih bersetuju bahawa PLKN menyatupadukan rakyat Malaysia. Pelatih juga bersetuju PLKN menimbulkan dalam diri mereka semangat cinta

yang kuat kepada negara dan bersetuju PLKN memainkan peranan untuk mempertahankan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya cadangan daripada Yang Berhormat Muhammad bin Haji Abdul Ghani mengenai peningkatan imej Angkatan Tentera Malaysia akan saya sebut ATM. Melalui pembinaan kem-kem baru bagi menggantikan kem-kem yang usang, kementerian ini sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan taraf hidup keluarga ATM melalui projek peningkatan atau membaik pulih kem-kem ATM yang telah usang. Di samping itu kerajaan turut membina kem-kem baru bagi menggantikan kem-kem yang telah usang ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kem-kem ATM yang baru dibina ialah Markas Dua Divisyen di Bukit Gedung, Pulau Pinang; Pusat Latihan Gabungan Pasukan Tempur di Gemas, Projek 51 Rejimen Artileri Diraja di Gemas, Projek Kompleks Gempur Gerak Khas di Mersing, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Teluk Sepanggar Sabah dan Pangkalan TLDM di Langkawi. Sementara itu dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula, Kementerian Pertahanan telah merancang membina Kem Oran di Perlis bagi menggantikan kem yang telah usang dan menghadapi masalah tanah jerlus. Di samping itu kementerian juga merancang untuk meningkatkan kesejahteraan hidup anggota tentera dengan memperbaiki dan meningkatkan sistem kumbahan dan bekalan air di kem-kem kita seperti di Kem Lok Kawi Kota Kinabalu dan Kem Sri Wangsa Semporna Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani mengenai penggantian peralatan ATM yang telah usang. Kementerian sememangnya telah mengambil perhatian terhadap proses penggantian perolehan pertahanan dan kebanyakannya telah melebihi 25 tahun. Proses penggantian yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ini melalui Program Pemodenan Angkatan Tentera Malaysia telah pun dimulakan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dimulakan pada tahun 2006 kelak.

Kementerian juga telah mengambil langkah menggantikan aset-aset penting ATM yang di antaranya adalah di tentera udara, pelaksanaan pembelian empat buah pesawat Air Bus CA 400 yang telah ditandatangani semasa LIMA tahun ini di Langkawi bernilai RM2.8 bilion yang dijangka akan diterima pada tahun 2013 dan 2014. Peralatan ini adalah bagi menggantikan pesawat C130. Bagi tentera darat, penggantian perolehan komunikasi bernilai RM500 juta ini adalah bagi pembelian radar amaran awal untuk

Pasukan Artileri Pertahanan Udara yang bernilai RM85 juta. Perolehan untuk Briged Infantri Standard, Briged Para dan Group Gerak Khas bernilai RM223 juta.

Kementerian Pertahanan juga akan membeli simulator, kereta perisai pengangkut anggota yang bernilai RM43 juta. Kesemua perolehan ini akan dilaksanakan melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam tentera laut, Kementerian Pertahanan dijangka akan menerima dua buah kapal selam yang dibeli daripada negara Perancis pada bulan Januari 2008 dan Oktober 2008.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kemajuan projek ini sehingga November 2005 adalah sebanyak 43.2%.

Nilai kos perolehan yang diluluskan adalah RM5.47 bilion. Selain daripada itu, tentera laut juga akan menerima dua buah kapal *patrol vessel* besar yang telah dibina oleh PSCND Sdn. Bhd. yang dijangka akan diterima pada bulan Mei 2006 dan bulan Julai 2006. Adalah jelas bahawa semua perolehan yang dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan ini adalah bagi memastikan Angkatan Tentera Malaysia sentiasa memperoleh peralatan pertahanan yang termoden dan yang terkini kalau tidak pun setanding dengan angkatan tentera lain di rantau ini. Ia juga adalah bagi mempertingkatkan motivasi dan menarik lebih ramai generasi muda Malaysia untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai elaun tanggungan kerja yang telah dibangkitkan, kerajaan telah pun meluluskan pembayaran elaun tanggungan kerja dan penguatkuasaan pembayaran telah pun bermula sejak 20 Oktober 2004. Elaun tanggungan kerja ini layak dibayar kepada mana-mana pegawai dan anggota-anggota lain-pain pangkat yang melaksanakan tugas-tugas sesuatu jawatan lain yang sama, lebih tinggi atau lebih arasnya di samping menjalankan tugas-tugas jawatannya sendiri.

Mengenai cadangan peningkatan kadar elaun sewa rumah mengikut kawasan bertugas ATM pula, kementerian sedang mengkaji kadar elaun sewa rumah Angkatan Tentera Malaysia mengikut kesesuaian tempat bertugas. Mengenai isu bekas-bekas tentera yang menerima pencen di bawah taraf kemiskinan, kementerian berpendapat bahawa pada masa sekarang tidak ada keperluan untuk mengkaji kadar pencen bagi bekas-bekas tentera yang melebihi RM400 sebulan. Ini adalah kerana selain daripada wang pencen bulanan, bekas-bekas tentera dan ahli-ahli keluarga mereka masih boleh mendapat pekerjaan lain bagi meningkatkan pendapatan keluarga. Pihak kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi peluang kepada bekas-bekas tentera yang berminat untuk menyertai program-program latihan bagi meningkatkan kemahiran yang sedia

ada. Jabatan Hal Ehwal Veteran sedang merangka program-program untuk meningkatkan taraf sosioekonomi bekas-bekas tentera.

Mengenai cadangan pemberian pencen seimbang di antara peserta tentera sebelum dinaikkan gaji 2004 dan yang selepas kenaikan tersebut, kementerian akan meneliti keperluan ini.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai elaun khidmat tentera telah pun memajukan permohonan kepada JPA.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:namun ia telah ditolak.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Di sini saya terpanggil untuk mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' di mana Yang Berhormat Dato' menyentuh tentang PLKN dan juga imej ATM.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Dato' tentang penglibatan rakyat Malaysia dalam ATM sendiri. Daripada peratus yang ada pada hari ini menunjukkan hampir 99.5% dianggotai oleh kaum bumiputera. Jadi tanggungjawab ketahanan negara, tanggungjawab keselamatan negara seharusnya dapat ditunjukkan melalui penglibatan rakyat Malaysia dan tanggungjawab ATM selama ini di dalam memartabatkan ketahanan negara sungguh cemerlang dan yang terbaik sekali dirantau ini.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Dato' tentang persoalan-persoalan kadang-kadang dibangkitkan penglibatan bumiputera dan bukan bumiputera dalam perniagaan agak jauh berbeza. Tetapi soal utama, soal ketatanegaraan, soal patriotisme kadang-kadang melibatkan golongan bumiputera mempertahankan negara yang dianggotai hampir 99.5% itu dan bagaimana cara supaya penglibatan ini lebih menjurus ke arah keadilan. Kalau rakyat peratusan majoritinya sekian, patut penglibatan mereka imbang juga dalam tanggungjawab bersama dalam mempertahankan negara. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, hujah ayat yang akhir itu saya setuju iaitu tanggungjawab bersama. Itulah yang diamalkan di negara kita ini. Tetapi dalam pembahagian ekonomi, walaupun kita memberi peluang bersama dan kita menetapkan beberapa peluang untuk kumpulan-kumpulan tertentu, kita juga tidak menyekat kumpulan lain cari nafkah, cari rezeki mendapat kemudahan. Sayangnya ada

di antara rakyat kita yang merasa tidak puas hati. Contohnya kalau bumiputera telah ditetapkan begini, 30% dan sebagainya. Dalam masa yang lain, bahagian dan peluang itu dirasai oleh semua.

Pada hari ini banyak yang telah ditetapkan kepada bumiputera, bahkan ada institusi yang dibina oleh bumiputera dan sepatutnya merancang, mengagih, memfaraidkan untuk bumiputera, akhirnya juga dengan rasa baik hati bumiputera dan dasar kerajaan, *flexibility*, dengan izin menjadikan di antara kaum yang lain mendapat nikmat ini contohnya MARA.

Bercakap mengenai pertahanan negara dan semangat patriotisme ini, suntikan ini, laungan ini dan semangat ini memang telah disarankan. Tetapi berapa peratus daripada rakyat kita yang boleh menerap nilai dalam semangat yang mendalam dan kalau kita hendak mengambil apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat bahawa bumiputera agak ramai menyertai dalam angkatan tentera, maka ternyata bahawa bumiputeralah yang ramai mempunyai sikap patriotisme ini.

Saya masih mengatakan bahawa sikap ini semua ada. Sebab itu kalau sama ada yang kaya ataupun yang miskin yang pernah saya jumpa di seberang laut sedikit-sebanyak bila mereka menyebut keadaan semasa di situ, akhirnya ayat mereka akan mengatakan di negara kita adalah lebih baik, di tempat kita adalah lebih baik, keselamatan di negara kita adalah lebih baik dan makan di tempat kita adalah lebih baik. Bunyinya perkataan makan, bunyinya perkataan indah tetapi itulah semangat patriotisme. Tetapi tahap patriotisme yang terdapat dalam kalangan rakyat kita ini susah hendak dikaji. Kalau hendak diambil kesimpulan daripada penyertaan dalam angkatan tentera, saya ingin menjelaskan Yang Berhormat bahawa kita, kementerian dan kerajaan membuka peluang kepada semua rakyat yang berminat untuk menyertai angkatan tentera.

Walaupun kita buka tetapi yang menyertai ramai ialah kalangan bumiputera. Kita ucapkan terima kasih. Tetapi yang bukan bumiputera pun kita melihat bahawa terdapat minat. Oleh sebab itu untuk menggalakkan, merangsangkan minat dan memudahkan mereka menyertai, kementerian dan angkatan tentera telah membuat satu dasar iaitu temu duga terbuka, tanpa memohon boleh datang untuk temu duga bagi menyertai. Di kalangan bukan bumiputera, mereka agak memilih, satunya untuk mendapat kedudukan dan pangkat yang lebih baik. Maka kita juga pilih yang hendak mendapat pangkat yang lebih baik mestilah masuk dengan *qualification* yang lebih baik.

Oleh itu, sehingga sampai hari ini kita telah tetapkan yang hendak masuk menjadi anggota tentera biasa mesti lulus SPM. Hendak masuk daripada lulusan *graduate* dan mereka mesti mengikuti kursus untuk menjadi seorang pegawai tentera, apabila mereka lulus kursus ini dengan kelulusan akademik yang sudah ada, mereka akan dapat pangkat kapten dengan gaji yang telah ada sekarang. Itu pendekatan yang kita rangsangkan, peluang yang kita berikan. Tetapi masih kurang dan saya percaya walaupun mereka kurang, mereka terlibat dalam perkara lain yang boleh membangunkan negara ini walaupun tidak bekerja sebagai anggota tentera tetapi membangunkan negara ini dalam bentuk yang lain. Itu semangat patriotisme yang ada. Kita harap tidak ramai yang meninggalkan negara kita untuk bekerja di tempat lain, menimba ilmu di negara kita, mempraktikkan profesionalisme di negara lain. Itu semangat patriotisme yang ada dan itulah yang saya harap terdapat dalam negara ini.

Ini adalah satu yang kita gabungkan di dalam angkatan tentera kita, pada hari ini kita mahu melihat kemajuan angkatan tentera kita seperti yang diharapkan oleh seluruh rakyat dalam negara ini, seperti yang mahu diperhatikan oleh negara-negara lain bukan kita sahaja mahu melihat bahawa kita dapat menyediakan peralatan yang canggih dan moden, kita juga mahu mempunyai anggota angkatan tentera yang *strong* dan *brilliant*. Proses ini sedang kita jalankan yang ada kekuatan dan ada ilmu. Di tambah dengan semangat patriotisme yang sepatutnya disuntik semula jadi oleh keturunan kita rakyat Malaysia masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menuruskan untuk menyatakan bahawa kementerian juga sedang berusaha untuk mendapatkan elaun-elaun nilai insentif-insentif lain berdasarkan beberapa tugas anggota ATM. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kenaikan elaun pada 2005 adakah seperti kenaikan elaun-elaun anggota pasukan khas, elaun Juruiring, elaun senggaraan pakaian seragam dan elaun insentif kapal selam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di antara yang lain yang saya tidak dapat menjelaskan, saya harap dalam sidang lain kita boleh bangkitkan lagi dan Insya-Allah soalan bertulis kita akan sampaikan kepada ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Seterusnya saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Rang Undang-undang yang menyentuh bidang tugas kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang pertama ialah berkenaan dengan isu landskap yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan pembangunan landskap negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan landskap Negara melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan untuk mempertingkatkan pembangunan landskap terutamanya bagi menyediakan persekitaran kehidupan yang berkualiti, selesa dan indah, membangunkan taman-taman awam dan kemudahan rekreasi dan seterusnya untuk program penyelidikan dan pemuliharaan landskap.

Mengenai keberkesanan kempen menanam pokok bunga raya, adalah didapati bahawa sambutan yang diberikan oleh beberapa pihak terhadap kempen tersebut amat memberangsangkan. Kementerian akan meneruskan usaha ini selaras dengan aktiviti perlandskap negara. Berhubungan dengan cadangan untuk membangunkan kawasan sungai di Batu Pahat adalah dimaklumkan bahawa kajian rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat telah mencadangkan supaya disediakan pelan pembangunan pesisir Sungai Batu Pahat sebagai kawasan rekreasi bagi penduduk bandar dan sebagai salah satu kawasan tumpuan pelancongan.

Kawasan rekreasi berasaskan sungai ini bukan sahaja dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai, malah kualiti landskap yang dihasilkan akan dapat menjadikannya lebih berperanan dalam meningkatkan imej bandar masing-masing. Pihak kementerian melalui Jabatan Landskap Negara akan menyemak dakwaan ahli Yang Berhormat bahawa cadangan untuk membangunkan kawasan sungai di Batu Pahat telah ditolak oleh kementerian. Ada kemungkinan penolakan dibuat pada tahun semasa oleh kerana ketiadaan peruntukan atau sebab-sebab teknikal yang lain.

Isu penjualan lelong rumah kos rendah, untuk makluman ahli Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian melalui Jabatan Perumahan telah dan akan melaksanakan pelbagai projek perumahan kos rendah bagi membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Program-program yang telah dilaksanakan setakat ini ialah Projek Perumahan Awam Kos Rendah, Projek

Perumahan Rakyat disewa dan dimiliki, Bantuan Pinjaman Kewangan Bagi Membina dan Membaiki Rumah.

Pada peringkat awal pelaksanaan projek PKPAR pembeli membayar terus kepada kerajaan sebagai bayaran ansuran pembelian rumah berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menghadapi masalah untuk membuat kutipan bayaran ansuran dan menyebabkan Kerajaan Negeri menanggung jumlah tunggakan bayaran ansuran yang besar.

Keadaan tersebut mendorong beberapa Kerajaan Negeri melaksanakan penjualan rumah-rumah kos rendah melalui pembiayaan oleh pihak bank. Kegagalan membayar balik pinjaman pada kadar dan tempoh tertentu akan menyebabkan pihak bank mengambil tindakan-tindakan seperti termaktub dalam perjanjian pinjaman termasuk tindakan lelong. Perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa kementerian ini.

Pihak kerajaan peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri dan tidak terbeban pembayaran dengan pinjaman bank yang tinggi. Salah satu langkah yang dilaksanakan ialah melalui program perumahan rakyat di mana rumah-rumah tersebut disewa pada kadar yang rendah iaitu RM124 sebulan. Kementerian juga sedang mengkaji untuk menjual rumah-rumah berkenaan selepas rumah tersebut disewa selama lima tahun dan semua bayaran sewa sebelum itu diambil kira sebagai sebahagian dari harga jualan rumah berkenaan.

Isu yang lain pembinaan semula terminal bas di Butterworth - - mengenai cadangan pembinaan semula terminal bas di Butterworth yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng, suka cita dimaklumkan bahawa perkara tersebut telah dimaklumkan kepada Majlis Perbandaran Seberang Prai memandangkan terminal bas tersebut terletak di dalam kawasan Majlis tersebut. Pihak Majlis perbandaran memaklumkan bahawa terminal bas Butterworth akan dibina semula oleh pihak Suruhanjaya Pulau Pinang.

Isu lesen penjaja, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, pemindahan golongan setinggian termasuk penjaja kecil oleh PBT ke tempat baru adalah bagi membolehkan projek pembangunan yang dirancang untuk kemudahan penduduk setempat dapat dilaksanakan. Pada kebiasaannya penjaja kecil yang terlibat akan diberi keutamaan oleh PBT untuk diberi lesen penjaja di kawasan baru tertakluk kepada kekosongan ruang niaga serta mereka mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil Penjaja yang diguna pakai oleh Pihak-

pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, ada kalanya PBT terpaksa menolak permohonan disebabkan tempat baru yang dipohon tidak sesuai untuk peniaga kecil.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya begitu tergamam dengan perkataan 'tertakluk kepada kekosongan'. Itu yang menjadi masalah kalau setiap kali kita menolak permohonan ataupun menjadi sesuatu permohonan itu sesuatu yang sukar bagi kita menerima, berasaskan tertakluk kepada kekosongan, maka masalah meningkatkan penempatan dan rezeki orang-orang yang perlu meningkatkan pendapatan, tidak dapat kita tangani, terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Di dalam dasar pemindahan dan penempatan semula golongan setinggan keutamaan diberi kepada rumah di mana tiap-tiap seorang penghuni satu rumah di kawasan setinggan diberi satu rumah di tempat baru yang dipindahkan. Semua gerai-gerai yang dibina di kawasan setinggan tidak dibina dengan kebenaran majlis atau dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan dan mereka tidak berlesen dan perniagaan mereka dibiarkan daripada segi keberimanasian.

Semasa pembangunan baru dibuat dan rumah-rumah disediakan kerajaan cuba seberapa daya upaya untuk memberi peluang untuk mereka meneruskan perniagaan mereka di tempat yang baru atau di tempat-tempat lain yang berdekatan. Itulah keadaannya pada masa sekarang dan terpulang kepada pemilik-pemilik gerai ini untuk memohon dan terus memohon untuk mendapat satu tempat yang baru.

Berkenaan dengan sistem pentadbiran PBT yang telah dibangkitkan oleh Tuan Chih Tiang Chai, beliau telah menyentuh beberapa perkara berkaitan sistem pengurusan dan pentadbiran PBT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pentadbiran dan pengurusan PBT telah dan sedang dikaji semula oleh pihak kementerian melalui kerjasama dengan agensi-agensi yang lain seperti INTAN, EPU dan sebagainya. Antara kajian yang telah dan sedang dijalankan bagi menilai semula sistem pentadbiran dan pengurusan PBT adalah seperti berikut:-

- (i) kajian penambahbaikan pengurusan PBT;
- (ii) kajian keberkesanan peranan dan fungsi PBT dalam pembangunan negara;
- (iii) kajian mengenal pasti punca-punca kelewatan dalam penyediaan dan penghantaran penyata tahunan PBT; dan

- (iv) kajian mewujudkan *one stop centre* bagi pengeluaran sijil kelayakan menduduki.

Kajian tersebut telah menghasilkan pelaksanaan 64 langkah penambahbaikan sistem penyampaian PBT yang perlu diambil bagi jangka masa pendek, sederhana dan jangka panjang. Selain daripada itu sistem *one stop centre* bagi pengeluaran sijil kelayakan menduduki telah dilaksanakan di beberapa PBT. Dari segi kajian semula undang-undang pihak kementerian sememangnya sedang meneliti dan mengkaji semula Akta 171 dengan melihat kesesuaian pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu mengikut keperluan semasa dengan memberi penekanan kepada aspek penambahbaikan sistem penyampaian PBT.

Di samping itu pihak kementerian dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara sedang meneliti cadangan untuk mengubah sistem perjawatan PBT daripada *close service* kepada satu sistem perkhidmatan yang lebih terbuka. Mengenai sistem pelantikan ahli-ahli majlis di PBT, buat masa ini pihak kementerian tidak bercadang untuk mengubah sistem pelantikan ahli-ahli majlis PBT seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta 171 memandangkan ahli-ahli majlis yang dilantik oleh kerajaan negeri-kerajaan negeri pada masa ini mematuhi syarat-syarat pelantikan yang ditetapkan di bawah akta tersebut. Pihak kementerian berpendapat perubahan sistem pelantikan ahli-ahli majlis PBT bukanlah merupakan jalan terbaik yang dapat menjamin keberkesanan sistem perkhidmatan dan penyampaian PBT. Hasil kajian yang telah dijalankan juga tidak menunjukkan bahawa sistem pelantikan ahli-ahli majlis yang diamalkan sekarang merupakan faktor yang penting yang menyebabkan kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran PBT.

Isu berkenaan harga jualan rumah kepada bumiputera - untuk makluman ahli Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, harga rumah bagi sesuatu skim perubahan swasta adalah ditetapkan oleh pemaju berdasarkan harga pasaran semasa mengikut jenis rumah dan lokasi. Walaupun harga rumah swasta ditentukan oleh pemaju tetapi penetapan harga dalam format iklan dan jualan perlu mendapat kelulusan daripada kementerian. Pemaju tidak boleh menaikkan atau menurunkan harga yang telah diluluskan dengan sewenang-wenangnya tanpa mendapat kelulusan pindaan harga daripada kementerian. Penentuan kuota dan potongan harga rumah kepada bumiputera pula diluluskan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing dan ia bukanlah satu gimik kerana potongan

harga tersebut adalah berdasarkan harga rumah yang diluluskan dalam permit iklan dan jualan oleh kementerian.

Satu isu yang telah dibangkitkan pada hari ini oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri berkenaan dengan pelan pembangunan di Majlis Perbandaran, Pihak kementerian tidak bercadang untuk menggunakan pelan standard bagi pembinaan rumah persendirian di kawasan Majlis Perbandaran. Walau bagaimanapun kementerian dengan kerjasama CIDB telah mengelaskan standard pembinaan untuk rumah-rumah kos rendah untuk diguna pakai oleh pihak kerajaan dan pihak swasta. Pelan tersebut yang dikenali sebagai standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah satu dan dua tingkat iaitu CIS 1, dan standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah CIS rumah pangsa iaitu CIS2. Kerajaan memandang serius berkenaan dengan masalah kelewatan kelulusan pelan-pelan pembangunan dan kelulusan berkaitan di pihak PBT beberapa langkah penambahbaikan telah dan sedang diambil bagi mempercepatkan proses kelulusan pelan seperti perwujudan *one stop centre* di semua PBT. Tuan Yang di-Pertua

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad Haji Ahmad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya hendak tanya pihak kementerian siapa bertanggungjawab mengeluarkan sijil kedudukan (*certificate of fitness*) sekarang PBT autoriti tempatan.

Dr. S. Subramaniam: Pada masa sekarang PBT yang masih memberi kuasa untuk memberi *certificate of fitness*, selain daripada rumah-rumah banglo di mana pihak arkitek boleh mengesahkan bahawa rumah itu sedia untuk dimasuki. Tetapi kita sedang mengkaji satu sistem di mana sistem ini diubah dengan satu sistem baru yang dipanggil '*system of completion and compliance*' di mana kuasa untuk mengesahkan bahawa semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri pengesahan dibuat oleh pihak profesional yang terlibat di dalam pembangunan projek itu termasuk arkitek, jurutera dan lain-lain profesional yang dilantik, tetapi perkara ini masih dalam proses perbincangan dan kita akan melicinkan beberapa masalah yang kita ingat ada berkenaan dengan cadangan ini sebelum ini boleh dilaksanakan oleh PBT. Terima kasih.

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kementerian semasa perbahasan bajet dan kalau ada soalan-soalan yang tidak dijawab mungkin ini boleh kita akan memberi jawapan kepada ahli-ahli Yang Berhormat secara bertulis, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

5.08 petang

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat dari Kementerian Kerja Raya menjawab.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dan menyentuh perkara-perkara yang berhubung kait tentang Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang atau *Penang Outer Ring Road*. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Disember 2005 telah bersetuju supaya perjanjian konsesi projek penswastaan Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang ditandatangani.

Dokumen perjanjian konsesi ini akan ditandatangani sedikit masa lagi. Projek *Penang Outer Ring Road* ini akan dilaksanakan secara bina kendali pindah, dengan izin

iaitu POT oleh *Peninsular Metroworks Sdn. Bhd.* Tempoh pembinaan keseluruhan akan mengambil masa selama empat tahun dan ianya dijangka siap pada 2009.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng turut membangkitkan mengenai pelebaran jambatan Pulau Pinang. Kerja-kerja pelebaran jambatan Pulau Pinang melibatkan pembinaan lorong ketiga. Pelebaran susur masuk dan keluar Jambatan Pulau Pinang dari Pulau Pinang ke Tanah Besar dan pembinaan lorong motosikal. Sehingga kini kerja-kerja tambahan lorong kereta dan motosikal di Plaza Tol telah dimulakan mengenai September 2005 dan telah mencapai tahap kemajuan sebanyak 4%. Keseluruhan kerja-kerja pelebaran Jambatan Pulau Pinang dijangka siap pada penghujung 2008. Setelah projek ini siap, Jambatan Pulau Pinang akan mempunyai tiga lorong setiap arah serta lorong motosikal. Ini dijangka dapat mengatasi masalah kesesakan yang dihadapi oleh Jambatan Pulau Pinang buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng turut membangkitkan mengenai keputusan mengemas kini kad-kad *Touch 'n' Go*. Berhubung dengan isu kad *Touch 'n' Go*. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng mempunyai kad yang tidak boleh digunakan walaupun masih mempunyai baki, ianya berkemungkinan berlaku salah faham di pihak kakitangan Rangkaian Segar yang bertugas. Rangkaian Segar Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa tempoh bagi mengemaskinikan kad *Touch 'n' Go* sudah dilanjutkan ke 15 Januari 2006 bagi penambahan ciri-ciri keselamatan.

Penambahan ciri-ciri keselamatan tersebut adalah bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan sistem bayaran tol dengan menggunakan kad *Touch 'n' Go* di samping mengelakkan wujudnya kad palsu. Sebelum tempoh 15 Januari 2006, pemilik-pemilik kad *Touch 'n' Go* masih boleh menggunakan kad mereka walaupun kad tersebut belum dikemaskinikan. Selepas tarikh 15 Januari 2006, kad-kad *Touch 'n' Go* perlu didaftar dan dikemas kini sebelum boleh digunakan semula. Ini bertujuan supaya pendaftaran tersebut tiada caj atau bayaran dikenakan bagi yang terdapat pada kad *Touch 'n' Go* yang diaktifkan semula masih menjadi milik pengguna kad tersebut. Kementerian Kerja Raya dan LLM iaitu Lembaga Lebuh Raya Malaysia sedang mengkaji kaedah kutipan tol yang lebih mesra pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad membangkitkan mengenai isu Ali Baba lesen kontraktor kelas F dan pemilihan kontraktor dari kalangan kontraktor yang mempunyai trek rekod yang baik.

Kementerian Kerja Raya melalui CIDB sedang menjalankan satu program pengelasan semula kontraktor termasuk kontraktor-kontraktor kelas F. Pengelasan ini berdasarkan kepada keaktifan kontraktor yang akan dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut iaitu:

- i. Kontraktor yang aktif;
- ii. Kontraktor yang tidak aktif; dan
- iii. Kontraktor yang domain.

Selanjutnya CIDB akan melaksanakan program akreditasi kontraktor mengikut kemahiran dan keupayaan sebenar mereka. Matlamat program ini adalah untuk memantapkan dan memperkasakan kontraktor-kontraktor berdasarkan kemahiran dan keupayaan sebenar. Selain dari program ini juga akan dapat mengatasi masalah projek terbengkalai dan kes makmal runtuh yang disebabkan oleh ketidakupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek-projek kerajaan. Proses yang...

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad : Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menolong bantu pihak kontraktor kelas F menubuhkan satu konsortium dengan menggabungkan beberapa orang kontraktor kelas F untuk mengambil sesuatu projek dan mentadbirkan secara bersistematik dan profesional? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed : Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dan pihak Kementerian Kerja Raya kerana salah satu kementerian yang bertanggungjawab tentang kontraktor ini adalah termasuk juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Operasi dan untuk usaha menggabungkan kontraktor kelas F ini secara praktikalnya kalau dapat dilakukan itu adalah satu jalan yang akan lebih menyusun kedayatahan dan juga keupayaan kontraktor kelas F ini untuk bersaing dalam industri pembinaan yang semakin mencabar pada masa ini kerana dewasa ini kita ada 40,000 kontraktor kelas F dan adalah satu perkara yang mustahil supaya semua 40,000 kontraktor kelas F ini akan dapat pengagihan kerja yang berterusan supaya mereka boleh berdaya maju dan berdaya saing.

Salah satu pendekatan yang diambil oleh pihak kementerian ialah supaya melakukan pengelasan semula ini. Ada orang yang berdaftar sebagai kelas F tetapi dia tidur sahaja, dia tidak pernah pun hendak ambil aktif ataupun masuk sebut harga ataupun apa-pa yang jadi. Dari segi pendaftarannya dia berdaftar tetapi dia tidak aktif. Ini yang kita maksudkan dengan kontraktor yang domain dan saya kira bahawa usaha

kerajaan untuk menentukan setiap projek yang telah pun dibangunkan supaya ada penglibatan daripada kontraktor kelas F ini, maka kerja-kerja yang besar itu kita kecil-kecilkan dan mana-mana kerja yang boleh dilakukan secara dengan mengambil kira penglibatan kontraktor kelas F ini diberi keutamaan dan saya kira bahawa pihak CIDB dan juga pihak agensi-agensi yang terlibat secara langsung untuk memastikan supaya kelas F ini boleh merebut peluang, maka satu proses pendekatan kalau saya gunakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the reengineering of this contractor* adalah satu proses yang harus dilakukan. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pandangan tersebut.

Proses yang dilakukan ini nanti akan menjadi asas dalam kajian seterusnya dalam menentukan tanda aras bilangan kontraktor yang optimum di negara kita dan seterusnya menghapuskan aktiviti Ali Baba. Ini yang dimaksudkan. Dalam urusan penganugerahan kontrak pihak kementerian sentiasa mengambil kira rekod kecemerlangan kontraktor dari segi pengalaman kerja, keupayaan teknikal dan keupayaan kewangan. Ini yang kita maksudkan setiap tawaran tender yang dibuat oleh pihak kementerian, ia ada dua proses. Pertama dia panggilnya, dengan izin, *technical evaluation*. Maksudnya kita hendak tahu sama ada kontraktor itu dia ada keupayaan dari segi teknikal, operasi serta pengurusan.

Yang kedua, dia punya tawaran itu sama ada tawaran itu munasabah ataupun tidak munasabah dan selalunya kerajaan tidak terikat kepada tawaran yang terendah kerana kadang-kadang tawaran yang terendah itu dia punya, dengan izin, *commercial evaluation*nya dari segi pengiraan, kita memang dia tidak boleh mampu untuk meneruskan projek itu dan kalau juga dia bagi, akhirnya projek itu akan tergendala dan untuk memulihkan projek itu, dia akan menambahkan kos yang lebih. Jadi itu adalah satu pendekatan yang diambil oleh kerajaan.

Kaedah atau mekanisme yang digunakan untuk mengesan kemampuan kontraktor dari segi kewangan adalah seperti berikut; mempunyai modal cair sekurang-kurangnya 3% daripada nilai-nilai projek, dia punya *liquidity* dengan izin dan mempunyai keupayaan pembiayaan bagi tender kerja yang melebihi RM10 juta yang melibatkan jumlah modal pusingan dan *networks* dengan izin dengan kemudahan kredit kontraktor berbanding dengan nilai beban kewangan bagi kerja sedia ada dan projek yang *ditenderkan*, ini proses dia punya komersial *evaluation* dia.

Kaedah yang digunakan untuk mengesan kemahiran atau kemampuan teknikal kontraktor pula adalah seperti berikut; kontraktor yang tidak mempunyai projek sakit iaitu

tidak ada dia punya rekod dia ada projek sakit dan dia pernah gagal, dia tinggalkan projek dia lari daripada tanggungjawab dia.

Kontraktor yang mempunyai kepakaran atau pengalaman kerja dalam projek-projek lepas yang serupa atau sebanding dengan projek-projek yang ditender. Kontraktor yang mempunyai prestasi kerja yang baik dan kontraktor yang memiliki personel teknikal yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan mengenai kerja-kerja pembaikan lebuhraya KL – Karak yang tidak berhenti-henti sepanjang tahun dan dilakukan sendiri oleh pihak konsesi tanpa melantik syarikat kecil yang lain. Lebuhraya KL – Karak ketika ini sedang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara keseluruhan, dengan izin *total reserve fixing* sepanjang 60 kilometer. Kerja-kerja pembaikpulihan ini telah bermula pada bulan Ogos 2004 dan dijangka siap pada Jun 2006.

Kerja-kerja penutupan lorong adalah berdasarkan kepada pelan pengurusan trafik yang diluluskan yang mana masa dan cara pelaksanaan perlu diikuti dengan betul, kerja-kerja penutupan lorong tidak boleh dilaksanakan melebihi 2 kilometer termasuk kawasan kerja kecuali di kawasan selekoh yang mana tambahan sepanjang 250 meter akan dilaksanakan di atas faktor keselamatan. Berdasarkan kepada kaedah pengurusan ini telah menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan mengambil masa yang agak panjang.

Kerja-kerja penyelenggaraan ini merupakan tanggungjawab serta obligasi syarikat konsesi yang perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa dan seluruh kosnya adalah ditanggung sendiri oleh syarikat tersebut. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik juga turut membangkitkan mengenai sindiket penipuan terhadap kontraktor-kontraktor dalam penagihan projek-projek kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan ataupun Kementerian sendiri tidak pernah mewakili sesiapa ataupun mana-mana badan untuk mengagih-agihkan projek di bawah kawal selia dan pihak Kementerian Kerja Raya kerana semua tawaran kerja di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ini mengikut arahan yang telah pun dikeluarkan oleh pihak perbendaharaan ianya dibuat secara tender terbuka. Mana-mana kerja yang dibuat secara runding terus ataupun tawaran terhad itu adalah di bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Kewangan. Jikalau ada pihak dia boleh mengaku dia sebagai mendapat mandat daripada kerajaan, mandat daripada Kementerian Kerja Raya itu adalah satu pembohongan dan muslihat.

Saya percaya Yang Berhormat Senator yang juga selaku Pengerusi Kontraktor-Kontraktor Melayu Malaysia ini amat peka dan prihatin masalah yang melibatkan perkara ini dan kerajaan terutama pihak kementerian memandang serius sangat kepada perkara-perkara ini kadang-kadang kita.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat minta laluan. Saya percaya bahawa kerja-kerja ini dilakukan berasaskan kepada peranan kerja oleh kontraktor-kontraktor dan ini merupakan satu beban kepada kontraktor untuk menghargakan kerja.

Memandangkan perkara ini berlaku walaupun pada pihak kerajaan mungkin melalui Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan polis untuk mengehadkan terhadap ejen-ejen yang tidak bertauliah ataupun memang tidak ada langsung dalam hakikat sebenarnya ejen-ejen seperti ini dilantik oleh mana-mana kerajaan. Perkara sebegini yang berlaku secara berleluasa. Kami memohon supaya tindakan yang segera dan tepat diambil oleh pihak kerajaan, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya suka meminjam kata-kata Yang Berhormat itu, ejen-ejen yang bertauliah, ejen-ejen bertauliahkah, ejen yang tidak bertauliah, sebenarnya tidak ada ejen pun yang dilantik oleh kerajaan dan jikalau ada orang dia boleh *claim* dengan izin dia dapat mewakili mandat daripada kerajaan.

Setahu saya mandat daripada kerajaan ini ahli Dewan Rakyat dan Dewan yang mulia ini merupakan mandat daripada rakyat Malaysia untuk kita membuat sesuatu keputusan dan sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawa jikalau projek di bawah kawal selia Kementerian Kerja Raya memang tidak ada dibuat secara runding terus ataupun *direct* ini pun. Mana-mana kerja dan juga tawaran kerja ini dibuat secara *transparent* dengan izin, secara terbuka dan saya suka menyatakan di sini bahawa usaha untuk melakukan penipuan ini adalah satu kerja yang zalim, yang mengambil peluang tentang keinginan kontraktor-kontraktor untuk mendapat kerja secara mudah dan ini adalah satu penipuan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa laporan polis telah pun dibuat oleh pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri dan ini adalah satu laporan yang telah dibuat dan kita harap pihak berkuasa dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya kira itu sahaja perkara yang telah pun dibangkitkan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam Bajet 2006 ini yang menyentuh dasar kepada Kementerian Kerja Raya, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Seterusnya saya minta Yang Berhormat daripada Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi untuk menjawab.

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Jins Shamsudin, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Datuk Kalakau@Kalakan bin Untol dan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006 di Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan iaitu mengenai isu bekalan elektrik di negeri Sabah, isu kandungan siaran televisyen swasta dan isu perkhidmatan nilai tambah, *value added services* dengan izin telefon mudah alih. Pertama saya ingin menjawab untuk pihak tadi dari segi aspek tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Kalakau@Kalakan bin Untol telah meminta penjelasan kerajaan mengenai langkah-langkah untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah. Kerajaan menyedari keadaan bekalan elektrik di negeri Sabah terutamanya di kawasan pantai timur pada masa ini adalah dalam peringkat yang kritikal. Ini adalah kesan pertambahan permintaan bekalan akibat pembangunan negeri Sabah yang agak pesat di samping pengurangan kecekapan set jana kuasa yang sedia ada.

Bekalan elektrik yang tidak stabil ini juga adalah disebabkan oleh ketiadaan sistem gred penghantaran Sabah bagi menyalurkan bekalan elektrik dengan lebih cekap ke seluruh negeri Sabah. Di samping itu sistem pembahagian elektrik yang telah lama juga perlu di naik taraf serta diperkukuhkan bagi menampung permintaan yang kian meningkat.

Beberapa langkah jangka pendek, telah diambil bagi mengurangkan masalah bekalan elektrik di Sabah seperti berikut:

- (i) bagi kawasan pantai timur, operasikan semula set-set jana kuasa diesel di Lahat Datu, Semporna dan Labok, Sandakan serta memindahkan stesen jana kuasa 'Vast' Mountain daripada Kota Kinabalu ke Sandakan;
- (ii) bagi kawasan utara, menangguhkan keputusan untuk menutup stesen-stesen jana kuasa diesel di Kudat, Kota Belud dan Kota Merudu;
- (iii) bagi kawasan pantai barat, menyambungkan stesen jana kuasa Sutera Harbor ke sistem grid pantai barat;
- (iv) penyewaan set-set jana kuasa secara sementara dan
- (v) membaik pulih serta menaik taraf sistem pembahagian dan penghantaran SESB di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Kudat dan Labuan.

Pihak Kerajaan Persekutuan dan SESB juga telah membuat perancangan untuk memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di Negeri Sabah untuk tempoh jangka panjang. Pada masa ini, projek-projek pembangunan sistem grid negeri Sabah yang dalam pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (i) grid pantai timur yang telah siap pada bulan April, 2004;
- (ii) grid utara siap pada bulan Februari, 2005;
- (iii) grid sambungtara timur barat yang menyambung grid pantai barat dan grid pantai timur sedang dalam pembinaan dan dijangka siap, insya-Allah pada bulan Jun tahun 2006.

Dari segi penjanaan pula, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek-projek jana kuasa seperti berikut:

- (i) stesen jana kuasa menggunakan bahan api gas, berkeupayaan 190 mega watt kepada IPP Runhill Power Berhad yang dijangka siap pada tahun 2008;
- (ii) stesen jana kuasa berkeupayaan 300 mega watt menggunakan bahan api arang batu pantai timur Sabah yang dijangka siap pada tahun 2009 atau pun 2010. Projek ini akan dilaksanakan oleh syarikat swasta secara tender terbuka;
- (iii) pelaksanaan projek-projek pencawang pembahagian utama, PPU di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Kudat dan Labuan bertujuan

untuk mengukuhkan sistem pembahagian SESB yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2006;

- (iv) pembinaan projek hidro elektrik Hulu Padas, berkapasiti 100 mega watt pada tahun 2009 melalui proses *open biding*.

Komunikasi - Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, telah membangkitkan beberapa isu, kandungan siaran stesen-stesen televisyen swasta dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kaedah tapisan sendiri, atau pun *self-censorship* yang diamalkan oleh sebuah stesen penyiaran tempatan iaitu *MESAT Broadcast Network System* Berhad atau pun ASTRO, mereka adalah dikehendaki untuk mematuhi garis panduan penapisan yang dikeluarkan khusus untuk ASTRO oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Garis panduan ini tidak berbeza dengan yang digunakan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF), untuk menapis bahan-bahan kandungan yang disiarkan melalui stesen-stesen TV swasta lain di negara ini.

Selain dari itu, ASTRO juga tertakluk kepada garis panduan pengelasan klasifikasi filem yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menghendaki stesen berkenaan memberi maklumat kepada penonton mengenai klasifikasi bahan-bahan yang disiarkan sama ada sesuai untuk tontonan umum atau sesuai untuk mereka yang berumur 18 tahun ke atas.

Bagi memenuhi kehendak garis panduan penapisan di atas, ASTRO telah melaksanakan mekanisme kawalan dalaman dengan mewujudkan bahagian kawalan kandungan yang dianggotai oleh 105 orang pegawai penapisan yang mendapat latihan dan pendedahan dari pihak LPF sendiri. Pihak ASTRO juga telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan jawatankuasa dalaman semakan kawalan kandungan di mana seorang pakar sejarah dan kebudayaan iaitu Yang Berbahagian Prof. Dr. Shahril Talib, Ketua Eksekutif Institut Asia Eropah, Universiti Malaya dilantik menjadi Pengerusi.

Sebagai langkah tambahan, Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan pemantauan kandungan penyiaran stesen TV dan radio awam dan swasta yang dianggotai oleh kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan terhadap penyiaran kandungan oleh stesen TV dan radio serta menyelaraskan pandangan terhadap kandungan yang disiarkan oleh stesen penyiaran awam dan swasta termasuk ASTRO.

Walau bagaimanapun, jika terdapat mana-mana stesen penyiaran tidak mematuhi kehendak kandungan, orang awam ataupun orang perseorangan atau agensi boleh mengemukakan aduan dengan memberi maklumat seperti tajuk program, stesen penyiaran, tarikh dan masa program tersebut disiarkan untuk disiasat oleh SKMM. SKMM sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas pematuhan lesen boleh mengambil tindakan ke atas stesen-stesen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bagi mengkaji peranan dan tanggungjawab media elektronik memajukan agenda rakyat, kerajaan dan negara telah memutuskan supaya satu garis panduan penyiaran Televisyen di Malaysia perlu disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Penerangan. Garis panduan tersebut, perlu memberi penekanan kepada aspek nilai-nilai ketimuran dan bangsa Malaysia yang perlu dipatuhi oleh badan penyiaran dalam kandungan siaran mereka. Garis panduan ini masih lagi dalam peringkat persediaan dengan *input* dari agensi-agensi terlibat, antaranya Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi, Lembaga Penapisan Filem iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Garis panduan ini mengambil masa untuk disediakan kerana perhatian dan penelitian yang mendalam dalam aspek nilai-nilai ketimuran dan bangsa Malaysia perlu dihuraikan dengan jelas dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin bahawa jumlah stesen TV yang ada kini adalah memadai. Sehubungan dengan itu, kerajaan pada waktu ini, tidak bercadang untuk mengeluarkan lesen TV swasta yang baru. Di samping dua stesen milik kerajaan iaitu TV1 dan TV2, jumlah pemegang lesen TV swasta pada hari ini hanya 7 sahaja. 4 daripadanya adalah jenis *terrestrial* bebas ke udara atau dengan izin *free to air* manakala 3 lagi adalah jenis berbayar.

Jumlah saluran yang ditawarkan adalah seperti berikut; TV bebas ke udara menawarkan 4 saluran, TV3, NTV7, Eight TV dan Channel 9 manakala TV berbayar yang telah beroperasi iaitu satu, ASTRO menawarkan 51 saluran, MITV menawarkan 41 saluran dan satu lagi stesen TV swasta yang belum beroperasi iaitu Fine TV yang akan menawarkan perkhidmatan *video on demand* yang tidak terhad kepada bilangan saluran tertentu dan dijangka beroperasi pada suku tahun pertama tahun 2006.

Stesen-stesen TV berbayar, tidak perlu memohon kelulusan kerajaan untuk menambah bilangan saluran yang ditawarkan. Oleh yang demikian, tidak timbul isu kerajaan akan meluluskan 40 saluran baru seperti dinyatakan. Walau pun bilangan saluran yang ditawarkan oleh stesen-stesen TV berbayar boleh meningkat dari masa ke semasa, ianya adalah satu yang sihat di mana orang ramai akan mendapat mutu perkhidmatan yang terbaik di atas harga perkhidmatan yang dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik pula telah membangkitkan isu perkhidmatan *miss call notification*, dikatakan telah dikenakan *charge* oleh syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan telefon mudah alih TELCOS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan *miss call notification* atau *miss call SMS alert* adalah satu perkhidmatan di mana pengguna dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas SMS, mengenai data pemanggil, tarikh dan masa sekiranya berlaku *miss call* terhadap panggilan kepada pengguna tersebut. Pemberitahuan *miss call* melalui SMS akan dihantar kepada pengguna berdasarkan beberapa situasi seperti terdapat panggilan sibuk - *busy line*, panggilan tiada jawapan - *no reply*, panggilan tidak dapat dihubungi - *not reachable* kerana pengguna berada di luar kawasan liputan atau panggilan yang ditolak - *rejected call*.

Kementerian dimaklumkan bahawa perkhidmatan SMS seperti *missed call notification* atau *missed call SMS alert* ini tidak dikenakan sebarang caj oleh pihak TELCOs dan perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk kemudahan pengguna sendiri. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mewakili.....

Tuan Lee Sing Chooi: Minta penjelasan sebentar. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hari itu di Dewan ini, berkenaan dengan multimedia kerana *computer games* di bawah kawalan kementerian ini. *Computer games* di mana sudah ada satu gejala sosial yang baru di mana *computer games* itu sudah jadi satu dadah yang baru, penagih *computer games* itu, iaitu berleluasa dan juga *addicting and wide spread*, itu yang merunsingkan. Apakah kementerian boleh buat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian ini hanya bertanggungjawab dari segi infrastruktur dalam bidang komunikasi multimedia ini. Manakala *content* ataupun kandungan yang diaplikasikan di dalam sistem komunikasi multimedia ini adalah di

bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Di bawah kementerian yang satu lagi. Ia yang bertanggungjawab dari segi *content*.

Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa menjalankan program-program dari segi nasihat kepada golongan remaja dan juga kempen-kempen untuk menggalakkan pengguna-pengguna teknologi komunikasi ini supaya tidak menyalahgunakan teknologi yang ada pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan orang ramai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi tinjauan saya, fenomena ini fenomena baru. Ianya memang benar berleluasa tetapi sama ada ianya *addictive* masih belum dipastikan dan dalam pengetahuan saya, bagi negara kita belum ada undang-undang untuk menangani perkara ini. Tidak hairanlah kalau di pihak kerajaan pun terumbang ambing siapa yang hendak menangani masalah yang dikatakan gejala ini. Namun ia memang berleluasa. Tetapi sama ada ianya *addictive*, maka kita tunggulah sama ada kerajaan akan bentang rang undang-undang tentang perkara ini jika difikirkan wajar. Terima kasih. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa perbincangan ke atas Bajet 2006 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mengenai lanjutan tempoh insentif yang diberikan kepada pelabur yang membuat pelaburan di kawasan yang digalakkan iaitu Sabah, Sarawak dan Koridor Timur di mana insentif diberikan gagal menarik pelaburan dan kawasan yang digalakkan. Beliau juga memohon maklumat jumlah pelaburan dan masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk menarik pelaburan di kawasan Koridor Timur adalah dengan menyediakan galakan taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% untuk tempoh lima tahun. Elaun cukai pelaburan sebanyak 100% untuk tempoh lima tahun dan elaun pelaburan semula sebanyak 60% selama 15 tahun di mana elaun ini boleh ditolak dari pendapatan berkanun setiap tahun dan pengecualian cukai kali kedua kepada syarikat pengilangan sedia ada yang menempatkan semula operasi di kawasan yang digalakkan. Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan digalakkan, kerajaan dalam Bajet 2006 telah melanjutkan tempoh permohonan bagi galakan bagi kawasan ini yang akan tamat pada akhir tahun 2005 telah melanjutkan selama lima tahun lagi sehingga 31 Disember 2010.

Bagi tempoh tahun 2000 hingga Oktober 2005, sebanyak 545 projek telah diluluskan di kawasan yang digalakkan dengan nilai pelaburan berjumlah RM45.5 bilion. Selain dari insentif, keputusan untuk melabur di sesuatu kawasan juga bergantung kepada kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti jalan raya dan kemudahan air serta telekomunikasi. Kerajaan berusaha untuk memajukan kualiti infrastruktur dan utiliti terutamanya di kawasan Koridor Timur. Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.6 bilion untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur dan utiliti di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi minta

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Berkenaan dengan isu yang saya membangkitkan tentang siapa yang akan terlibat kepada kawasan-kawasan maju dan juga kawasan-kawasan yang tidak maju yang lain seperti Pulau Pinang dan Selangor dan seperti Perlis kalau banyak daripada pelabur itu lari ke tempat yang diberi insentif ini. Maka, sukar bagi mereka beroperasi lagi. Ini satu yang mungkin tidak diambil pertimbangan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih. Di dalam kajian kita, galakan untuk kawasan Koridor Timur ini tidak menjejaskan perkembangan projek di kawasan yang lain. Sebagai contoh, misalnya pada tahun 2004, sebanyak 335 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM6 bilion masih diluluskan di negeri Selangor. Kerajaan sentiasa berusaha supaya pembangunan dan kawasan di negara ini dilaksanakan dengan seimbang dan kita hendak supaya semua negeri dapat manfaat dari pelaburan. Tadi Yang Berhormat ada sentuh seperti negeri Perlis.

Kita tidak boleh nafikan bahawa untuk mendapat kesan maksimum daripada pelaburan, setiap negeri ada *attractivenya* sendiri dan seperti Pulau Pinang telah mendapat banyak pelaburan dari IT. Oleh itu contohnya bagi negeri Perlis ia berpotensi menjadi satu kawasan *industrial feeder* bagi menyokong dan melengkapkan aktiviti perindustrian di Pulau Pinang. Projek IT di Kedah juga akan memberi manfaat kepada negeri-negeri lain seperti Perlis sebab sekarang kita ada *borderless* semua dan antara negeri, kita patut ada *borderless state*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, dia kasihan dekat saya sebab itu dia bangkitkan soal *borderless state* ini.

Dato' Mah Siew Keong: Ooh ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Senyum*]

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi minta penjelasan mengenai berdasarkan laporan kompetitif tahun 2004 di mana Malaysia berada di tangga yang ke-16. walau bagaimanapun, pada tahun 2005 kedudukan Malaysia telah menurun ke tangga yang ke-28. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan daya saing Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2005 iaitu di tempat yang ke-28.

Tetapi kedudukan ini masih mengatasi negara Korea Selatan, Peranchis, China, Scotland dan Sepanyol. Dari segi prestasi ekonomi, kedudukan Malaysia telah bertambah baik iaitu di tempat ke-8 dari 16 pada tahun 2004. Bagi kecekapan kerajaan, Malaysia berada di kedudukan ke-26. Di dalam laporan WCY 2005, daya saing Malaysia pada keseluruhannya telah menurun disebabkan oleh penurunan pada kedudukan data persepsi.

Dari jumlah 113 data persepsi di dalam laporan tersebut, 99 daripadanya telah menunjukkan penurunan. Persepsi *respondent* boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, yang berlaku di sekeliling mereka semasa kajian dijalankan termasuk kos mengendalikan perniagaan kemudahan-kemudahan dan ketidakpuasan hati terhadap sistem perkhidmatan kerajaan. Selain daripada itu, laporan-laporan akhbar yang negatif terhadap persekitaran ekonomi yang kurang memberangsangkan seperti penurunan permintaan di dalam sektor E&E, jangkaan kenaikan harga minyak, ketidakpastian mengenai tambatan nilai ringgit, bencana alam seperti tsunami dan kelembapan pertumbuhan sektor pembuatan akibat kebimbangan mengenai dasar baru kerajaan terhadap pekerja-pekerja asing.

Turut mempengaruhi persepsi *respondent* dan faktor-faktor tersebut telah mempengaruhi persepsi *respondent* dalam memberikan nilai skor pada soal selidik tersebut. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing negara melalui program-program seperti meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan daya saing, mengadakan dialog seminar dengan industri dan juga NGO, menyediakan pembelajaran latihan yang berterusan untuk meningkatkan keupayaan pekerja dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan daya saing melalui aktiviti-aktiviti publisiti dan penerbitan dan menjalinkan kerjasama di antara agensi ke arah penyebaran maklumat yang berkesan. Kita juga mempelajari strategi dari negara maju dan membangun yang telah dapat membaiki daya saing mereka melalui aktiviti-aktiviti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya ingat....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini selalu tunggu dekat orang hendak habis, baru hendak minta penjelasan.

Tuan Lee Sing Chooi: Sebab saya hendak tengok apa dia hendak jawab tentang *competitiveness* tadi itu. Dia sudah hendak habis cakap tetapi belum selesai lagi. Sebab itu saya hendak tanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh berhujah dengan Tuan Yang di-Pertua tau.
[Ketawa]

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, terima kasih. Ini *competitiveness* kalau dari tangga ke-16 jatuh ke-28, saya ingat kejatuhan itu adalah yang sangat-sangat besar. Dan *because of* persepsi, kalau persepsi itu yang menyebabkan kejatuhan ini, ini memang merisaukan, Tuan Yang di-Pertua kerana kalau persepsi pelabur-pelabur macam itu, dia tidak datang dah. Itu yang mustahak. Persepsi itu mustahak. Orang itu bertindak mengikut persepsi dia. Dia hendak melabur atau tidak? Itu mustahak yang kena dibetulkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang Yang Berhormat hendak *respond* kepada ini?

Dato' Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok secara meluas sebab banyak publisiti terhadap *World Competitive Year book* di mana publisiti bahawa Malaysia telah jatuh ke tangga 28. Tetapi dari konteks ini, saya juga hendak memberitahu bahawa Korea adalah di tangga ke-29 dan China adalah di ke-31. Tetapi

bagi saya sendiri, Korea adalah satu negara yang begitu kompetitif dan China telah dapat menarik pelaburan yang begitu banyak. So....

Tuan Lee Sing Chooi: Sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

Tuan Lee Sing Chooi: Thailand itu, saya hendak tanya Thailand.

Dato' Mah Siew Keong: Kita tengok dari konteks itu. Walau bagaimanapun yang saya tegaskan ini tidak bermakna kerajaan ada satu sindrom penafian. Kerajaan telah membuat *analysis indicator component* dan untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah mengarahkan supaya Unit Perancang Ekonomi mengkaji kriteria untuk meningkatkan daya saing negara kita. Kita ambil serius terhadap perkara ini dan apa-apa kelemahan kita akan cuba mengatasinya. Terima kasih.

Sekian sahaja penjelasan saya terhadap isu utama yang dibangkitkan. Saya berterima kasih kepada input-input Ahli Yang Berhormat dan isu serta cadangan daripada Ahli Yang Berhormat adalah diambil perhatian dan akan disusuli sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk penjelasan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak harus membenarkan mana-mana Ahli Yang Berhormat dengan izin, *pin down any member of the government to any specific answer*. Bermakna saya tidak boleh mengizinkan penjelasan demi penjelasan hanya untuk mencari satu-satu jawapan yang betul-betul memuaskan mana-mana Ahli ini. Ini tidak dibolehkan kerana ia membuatkan perbincangan beralih menjadi pertengkaran.

Berikut ialah giliran Kementerian Luar Negeri, tetapi kita dimaklumkan Kementerian Luar Negeri tidak ada apa-apa perkara yang hendak dijawab kerana tidak ada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Maka saya menjemput Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi.

5.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

[Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam dan Yang Berhormat Senator Datuk Kalakau yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi atau KPPK.

Tuan Yang di-Pertua, KPPK bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad supaya kerajaan menyediakan insentif untuk menggalakkan pengeluaran dan penggunaan biodiesel daripada minyak sawit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPPK kini dalam proses merangka dasar *biofuel* negara dan akta *biodiesel* negara yang mana meliputi satu pakej insentif yang menyeluruh bagi satu rangkaian nilai atau dengan izin *value chain*. *Biofuel* melibatkan syarikat perladangan, pelabur, pengeluar, pengedar, pengeksport dan pengguna. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli....

Datuk Dr. Hj. Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan insentif itu dalam sedikit masa ini ataupun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan? Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih. Saya belum sampai situ. Untuk maklumat Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Itulah Yang Berhormat tidak beri masa dia hendak *warm-up* pun dia sudah bangun minta penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Ya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pagi ini pun saya sudah jawab tentang soalan-soalan berkenaan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, KPPK sedang mengambil langkah-langkah bagi mengkomersialkan biodiesel. Dalam hal ini, KPPK telah memohon peruntukan sebanyak RM15 juta bagi membina loji demonstrasi pengeluaran diesel minyak sawit bertakat tuang rendah bagi iklim sejuk ataupun disebutkan *low pour point* bagi membolehkan biodiesel negara dieksport ke negara-negara beriklim sejuk seperti di Eropah. Selain itu, KPPK juga sedang mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi pusat, kementerian-kementerian berkaitan dan pihak industri untuk menyediakan satu pakej insentif yang komprehensif bagi pembangunan industri *biofuel* negara.

Cadangan insentif tersebut akan dibincangkan di mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai daya saing industri sawit yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri esok. Pengeluaran biodiesel negara berpotensi untuk dijadikan komoditi utama untuk pasaran Eropah kerana faktor kos pengeluaran yang kompetitif iaitu di sekitar RM1.50 seliter berbanding dengan kos pengeluaran di negara Jerman dan Belanda yang mencecah RM4.50 seliter.

Ini ditambah pula dengan permintaan pasaran Eropah yang dijangka meningkat daripada 3 juta metrik tan pada tahun 2005 ke 10 juta metrik tan pada tahun 2010.

Jangkaan kenaikan permintaan ini adalah ekoran penetapan peraturan oleh EU atau *European Union* yang mewajibkan 5.75% adunan biodiesel pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mengenai penanaman tembakau di Malaysia diberhentikan dan digantikan dengan tanaman alternatif lain di kawasan penanaman tembakau yang sedia ada, ingin saya menyatakan di sini bahawa kerajaan telah mengenal pasti kenaf sebagai salah satu tanaman alternatif yang berpotensi ditanam di kawasan penanaman tembakau. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kenaf boleh digunakan untuk pelbagai produk, antara lain seperti makanan binatang, pembuatan panel untuk bahan binaan, komponen perabot atau komponen dalaman kenderaan.

Pada masa ini, Kementerian saya sedang bekerjasama dengan MTEN dan MARDI untuk membangunkan tanaman ini. Agensi-agensi di bawah KPPK seperti MPOB, LGM, LTN dan MTIB telah memulakan kajian mengenai penanaman kenaf untuk tujuan mengenal pasti kesesuaian atau dengan izin *viability* tanamannya dan juga berusaha dengan industri lain dalam usaha pemrosesannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Datuk M. Ratnam supaya syarikat-syarikat perladangan di sektor komoditi juga turut terlibat dalam aktiviti makanan. Kita bersetuju dengan pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan. Untuk maklumat KPPK melalui agensinya seperti MPOB dan LGM telah menjalankan beberapa kajian mengenai kesesuaian untuk mengintegrasikan tanaman sawit atau getah dengan tanaman-tanaman lain seperti pisang berangan, tebu kuning dan nanas gandu atau ternakan seperti kambing biri-biri dan ayam. Kajian tersebut membuktikan usaha tersebut adalah berdaya maju. Walau bagaimanapun terpulanglah kepada syarikat-syarikat perladangan di negara ini untuk melabur di bidang pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saranan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Kalakau @ Kalakan Untol supaya biodiesel kelapa sawit digunakan sebagai tenaga menjana elektrik. Kementerian saya mengalu-alukan saranan Yang Berhormat ini. Walau bagaimanapun dasar tenaga adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian saya telah mengambil maklum terhadap segala pandangan, ulasan, dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai kementerian saya serta

agensi-agensi di bawah kementerian saya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan dan akan berusaha untuk mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan wajar dan sesuai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

6.05 petang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat seramai sembilan orang yang telah mengambil bahagian membahas di atas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Haji Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng, Yang Berhormat Wan Nordin Che Murat, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Haji Awang Chik, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, Yang Berhormat Datuk Kalakau bin Untol dan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

Kementerian ini menghargai semua pandangan, teguran, kritikan, cadangan dan nasihat yang membina agar perubahan-perubahan dapat dibuat secara berterusan dalam pembangunan sektor pertanian. Tuan Yang di-Pertua, mengenai ucapan perbincangan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dapatlah dirumuskan bahawa di antara perkara-perkara dasar yang ingin diketahui dan perlu diperjelaskan adalah seperti berikut:

- (i) hala tuju sektor pertanian negara;
- (ii) sektor pertanian dan fokusnya terhadap dasar pertanian negara;
- (iii) sektor perikanan;
- (iv) sektor ternakan;
- (v) sektor pemasaran dan promosi produk pertanian termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport;
- (vi) sektor penyelidikan dan pembangunan dan agro bioteknologi pertanian; dan
- (vii) suntikan modal oleh Bank Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyentuh hala tuju dan

pembangunan agro bioteknologi sektor pertanian. Ingin saya perelaskan di sini bahawa selaras dengan hasrat pucuk kepimpinan negara untuk menjadikan sektor pertanian sebagai penjana ketiga pertumbuhan ekonomi negara, kementerian ini telah mengambil usaha-usaha untuk memperkasakan segala sektor pertanian dan industri asas tani.

Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri adalah untuk memajukan sektor agri makanan melalui pembangunan agro bioteknologi dan industri asas tani selari dengan matlamat dan perancangan dasar pertanian negara ketiga. Agro bioteknologi merupakan satu teknologi baru yang sedang muncul dan kebanyakan negara-negara maju menjadikannya industri baru. Negara kita mempunyai dengan izin *comparative advantage* kerana Malaysia merupakan salah sebuah daripada 12 negara *mega diverse* di dunia.

Di samping itu kita mempunyai kepakaran, pengalaman institusi penyelidikan dan pembangunan, kemajuan kita dalam industri tanaman, ternakan, dan perikanan serta industri asas tani. Agro bioteknologi juga merupakan salah satu bidang yang akan dimajukan dalam Dasar Bioteknologi Negara. Pembangunan agro bioteknologi bertujuan:

- (i) menggunakan agro bioteknologi untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi dalam tanaman, ternakan dan perikanan selaras dengan matlamat dasar pertanian negara ketiga bagi meningkatkan *food security* dengan izin;
- (ii) menjanakan pembangunan industri-industri agro bioteknologi yang akan menghasilkan pengeluaran produk-produk pertanian yang mempunyai nilai tinggi, selamat dan berkualiti;
- (iii) membangunkan keluaran produk-produk agro bioteknologi dan perkhidmatan sepanjang rantai nilai daripada pengeluaran perkilangan kepada pasaran; dan
- (iv) menjadikan industri agro bioteknologi di Malaysia sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara.

Mengenai import barang makanan seperti beras, negara kita mengeluarkan 72% tahap sara diri (*self sufficiency level*). Tahap sara diri bagi pengeluaran beras dalam negara yang disasarkan dalam dasar pertanian negara ketiga ialah minimum 65%.

Tahap pengeluaran beras dalam negara pada masa ini telah mencapai kira-kira 73% iaitu melebihi daripada *self sufficiency level* minimum yang telah disasarkan.

Namun demikian, kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mempertingkatkan pengeluaran beras dalam negara sehingga mencapai 100%.

Pelbagai perancangan telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk meningkatkan lagi keperluan beras negara melalui pengurusan tanaman yang lebih moden serta pembangunan infrastruktur yang mencukupi. Di antara langkah-langkah yang akan diambil dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ialah:

- i) mempertingkatkan tahap kesempurnaan infrastruktur bagi penanaman padi di setiap kawasan jelapang padi,
- ii) menambah keluasan kawasan yang mengamalkan teknologi penghasilan tinggi seperti projek 10 tan matriks sehektar semusim,
- iii) menambah keluaran benih padi sah supaya mencukupi untuk digunakan oleh semua penanam padi menjelang tahun 2009,
- iv) meneruskan penyelidikan dan pembangunan bagi mengeluarkan *variety* hasil tinggi.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani supaya kerajaan membantu pesara-pesara tentera untuk menceburi dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Kementerian ini memang mengalu-alukan saranan tersebut dan satu perbincangan terperinci boleh diadakan dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Veteran Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri tanaman bunga-bunga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, adalah menjadi dasar kementerian dan kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan negara daripada tanaman bunga-bunga dan ini jelas termaktub dalam Dasar Pertanian Negara. Tanaman bunga-bunga ini merangkumi bunga-bunga *temperate* dengan izin di dataran tinggi, tanaman hiasan berdaun dan bunga orkid.

Pada tahun 2002 Malaysia mengeksport RM280 juta bunga-bunga ke pasaran Jepun, Singapura dan Taiwan. Nilai ini adalah jauh lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya dan dijangka terus meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus juga kalau Yang Berhormat cerita sedikit bunga jenis apa itu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang kita ceritakan sekarang ini ialah orkid, kekwa. Yang inilah orkid dan kekwa kebanyakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Sama ada penyelidikan tanaman bunga melor, ini mengenai bunga melor telah dijalankan - yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk M. Ratnam. Bunga-bunga merupakan tanaman yang diberikan penekanan dalam Dasar Pertanian Negara dan seperti yang saya katakan tadi walaupun bunga melor merupakan salah satu.....

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pohon minta laluan. Saya ingin juga kalau Yang Berhormat dapat menerangkan pegeksporan sayur-sayuran dan buah-buahan *tropical*. Itu sebenarnya soalan yang saya bentangkan dan bukan bunga-bunga. Tapi tidak apalah, bunga pun bagus jugalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini silap banyak. Beza di antara Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dengan Datuk M. Ratnam, lain sangat. Bunga itu dibangkitkan oleh Datuk M. Ratnam. Jadi.....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Mungkin keliru itulah. Tapi fasal bunga biarlah saya masuk ke bunga melor.

Tuan Yang di-Pertua: Kekeliruan di antara Datuk M. Ratnam dengan Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad itu ialah....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Memang jauh. *[Ketawa]* Mengenai bunga melor. Jadi bunga melor ini selain daripada orkid dengan kekwa tadi Tuan Yang di-Pertua termasuk juga bunga-bunga yang berdaun. Jadi mengenai bunga melor ianya mempunyai satu potensi yang memang boleh kita majukan. Selain daripada kegunaan keagamaan bunga melor ini sebenarnya MARDI telah membuat beberapa kajian untuk mengeluarkan ekstrak pati bunga. Jadi memang di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita hendak memperluaskan dan meningkatkan lagi penyelidikan menggunakan bunga melor. Sebab sekarang ini memang kita menggunakan bunga melor ini untuk kita ekstrak minyak pati atau *essential oil*.

MARDI telah membuat penyelidikan mengenai *variety* buah-buahan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan tanaman baru dari segi genetik *improvement*. Penyelidikan untuk meningkatkan keupayaan genetik tanaman buah-buahan adalah merupakan salah satu daripada bidang utama di MARDI. Untuk tiga dekad yang lepas, jenis buah-buahan yang diberi keutamaan adalah seperti mana yang telah dikenal pasti oleh kementerian iaitu nanas, mangga, durian, betik, belimbing, tembikai, limau dan pisang. Banyak jenis-jenis baru telah diwujudkan hasil daripada projek genetik *improvement* yang dilaksanakan di MARDI.

Jenis-jenis baru buah-buahan yang dihasilkan misalnya betik eksotik, nanas josephine, durian MDUR-88, mangga chokanan dan sebagainya. Jenis-jenis buah-buahan baru ini adalah lebih berkualiti dan tahan penyakit dan sedang ditanam secara meluas oleh petani-petani untuk tujuan pasaran tempatan dan eksport. Di samping itu penekanan juga diberi kepada jenis buah-buahan baru seperti buah mata naga dengan izin *dragon fruit*. Pelbagai jenis melon, pulasan, longan dan sebagainya yang berpotensi untuk dibangunkan di masa akan datang.

Menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam untuk memperbanyakkan tanaman *dragon fruit* atau mata naga atau pitaya. Kementerian ini memang menggalakkan tanaman ini yang didapati mudah diurus dan sesuai di kebanyakan jenis tanah. Namun demikian, ia memerlukan kos awal yang agak tinggi lebih kurang RM71,000 sehektar. Kos yang tinggi ini adalah untuk benih dan pembinaan tiang tara. Buat masa sekarang keluasan tanaman ini telah melebihi 300 hektar dan diusahakan oleh 25 pengusaha.

Berkenaan dengan tanaman bawang kementerian telah mengadakan kerjasama dengan Syarikat MP Agrofarm Produk Sdn. Bhd dalam pemerhatian (*observation*) tanaman bawang di Pusat Pertanian Titi Gantung, Perak mulai Jun tahun 2005. Terdapat hanya tiga *variety* bawang besar, bukan yang kecil yang diberi bawang besar. Yang kecil ini memang not *competitive* dengan izin. Bawang besar yang memberi pulangan yang memuaskan iaitu NRCOG-53, N2-41 dan ARLF. Saya pun tidak tahu apa benda ini, kod agaknya. Ketiga-tiga *variety* ini akan dijangka dibuat pemerhatian musim kedua untuk menentukan daya maju pengeluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendaratan ikan di Tok Bali. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad ada menyentuh tentangnya. Sebenarnya rancangan kementerian dalam membantu nelayan-nelayan di pantai timur dan sama ada penubuhan pusat pendaratan seperti di Tok Bali menjadi nadi penggerak yang efektif. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia melaksanakan program yang berterusan bagi membantu nelayan-nelayan seperti berikut:

- (i) pemberian bantuan geran pembelian peralatan menangkap ikan nelayan miskin di bawah program PPRT
- (ii) pembinaan pembesaran tapak unjam-unjam untuk meningkatkan sumber ikan

- (iii) pemberian kemudahan pinjaman tanpa faedah di bawah program dana nelayan bagi meningkatkan bot dan peralatan menangkap ikan
- (iv) menggalakkan nelayan menukar kaedah menangkap ikan tradisional kepada menggunakan teknologi moden
- (v) menggalakkan nelayan menceburi aktiviti hiliran seperti industri kecil dan sederhana sebagai aktiviti nilai tambah
- (vi) menggalakkan nelayan melaksanakan mempelbagaikan pendapatan
- (vii) menyediakan latihan kepada nelayan dan belia
- (viii) menjadikan kompleks pendaratan ikan sebagai nukleus pertumbuhan ekonomi nelayan, dan
- (ix) penempatan semula nelayan seperti yang dirancang di Tok Bali Kelantan.

Pembinaan kompleks pendaratan ikan di Tok Bali Kelantan bertujuan memberi kemudahan pendaratan kepada bot-bot tempatan di samping menggalakkan aktiviti pendaratan, pengendalian dan pemasaran ikan yang lebih sistematik dan cekap. Kompleks ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan industri perikanan terutamanya perikanan laut dalam di negeri Kelantan di samping menjadi nadi kepada pertumbuhan industri hiliran dan huluan berasaskan perikanan setempat. Pertumbuhan dan limpahan ekonomi di kawasan Tok Bali ini nanti dijangka akan menjadi kawasan Tok Bali sebagai bandar perikanan.

Menyentuh berkenaan Konsortium Perikanan Nasional Berhad, pihak kementerian mengambil maklum mengenai cadangan yang dikemukakan. Pada masa ini penubuhan konsortium ini masih di peringkat awal dan masih banyak perkara yang perlu diberi perhatian sebelum konsortium ini dapat berjalan dengan lancar. Memandangkan bidang penangkapan ikan laut dalam secara komersial memerlukan modal kewangan yang besar, mereka yang ingin melibatkan diri mesti mempunyai keupayaan dari segi kewangan selain daripada kepakaran. Pihak kementerian tidak ada halangan terhadap mana-mana pihak yang ingin menceburi bidang ini dan persatuan-persatuan nelayan juga amat digalakkan sekiranya bergabung dan menubuhkan syarikat untuk menceburi bidang perikanan laut dalam ini.

Berhubung dengan industri ikan hiasan, kementerian ini amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam supaya industri ini dikembangkan secara

besar-besaran. Kementerian telah menyasarkan pengeluaran ikan hiasan dan tumbuhan akuatik pada tahun 2010 sebanyak RM190 juta iaitu 80% untuk pasaran eksport, berbanding RM106 juta pada tahun 2004. Bagi mencapai matlamat di atas, pendekatan pembangunan secara *cluster* akan digunakan. *Cluster 1* -- negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, *Cluster 2* – Selangor dan Perak dan *Cluster 3* – Johor. Pembangunan secara *cluster* ini membolehkan pihak kerajaan memfokuskan khidmat sokongan dari segi penyediaan infrastruktur asas dan perkhidmatan sokongan bagi melancarkan pelaburan dan perniagaan syarikat. Perkhidmatan yang disediakan termasuklah perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan teknologi, latihan, pengawalan penyakit, perkhidmatan bank pertanian, pemasaran dan promosi perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor ternakan lembu pedaging yang telah dibangkitkan Datuk M. Ratnam telah menyumbang sebanyak 0.53% pada Keluaran Dalam Negara Kasar dengan nilai pengeluaran sebanyak RM6.56 bilion pada tahun 2003. Kebanyakan sumbangan ini walaupun datang dari sektor bukan ruminan iaitu ayam, telur dan khinzir di mana pengeluaran tempatan melebihi penggunaan domestik, sub sektor ruminan pula iaitu lembu, kambing dan biri-biri, walaupun telah menunjukkan pertumbuhan tahunan yang baik iaitu sebanyak 10.3% setahun bagi lembu pedaging, 6.9% tahun bagi lembu tenusu dan 10.4% bagi kambing dan biri-biri dalam Rancangan Malaysia Kelapan masih tidak mampu untuk menampung keperluan daging dan susu segar negara.

Usaha untuk membangunkan industri ternakan ruminan di negara ini dikekangi oleh kekurangan stok bibit yang bermutu, kos pengeluaran yang tinggi dan kawasan pengeluaran yang terhad. Selain dari mengimport lembu, stok pembiakan untuk menambahkan induk pembiak di ladang, penyelidikan pembiakbakaan bagi menghasilkan baka lembu dan kambing yang boleh hidup dan membiak dalam persekitaran tempatan juga diberi tumpuan. MARDI telah menjalankan penyelidikan pembiakbakaan lembu pedaging, lembu tenusu, kambing dan biri-biri bertujuan menghasilkan baka ternakan yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi terhadap persekitaran tropika serta berpotensi menghasilkan produk daging dan susu yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi menyentuh projek bio-teknologi ke atas tanaman kenaf, roselle dan lain-lain di mana telah dijalankan dan dapat dikomersialkan. Kementerian ingin menjelaskan situasi yang sebenar di mana penyelidikan bioteknologi ke atas tanaman kenaf dan roselle untuk mendapatkan *variety* lebih baik dan berkualiti belum lagi dijalankan di MARDI dan

kedua, penyelidikan bioteknologi kenaf untuk makanan ternakan telah dijalankan di bawah projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam di mana penyelidikan ini melibatkan pendekatan bioteknologi lama untuk menghasilkan *silage* dari kenaf untuk dijadikan makanan ternakan.

Manakala Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam menyentuh tentang penyelidikan bioteknologi pertanian di MARDI....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin membantu Yang Berhormat membuat keputusan sama ada hendak mengakhiri penggulungan petang ini atau hendak sambung lagi esok?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya hendak akhiri, sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terpaksa mengakhiri dalam masa lima minit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik pula menyentuh fungsi FAMA di mana FAMA telah membentuk hala tuju baru di mana FAMA telah ada empat strategi iaitu:

- i) meningkatkan kecekapan pengurusan rantai bekalan;
- ii) meningkatkan kecemerlangan risikan pasaran;
- iii) pengiktirafan jenama pasaran domestik dan antarabangsa; dan
- iv) pembangunan strategik sumber manusia.

Kementerian Pertanian melalui FAMA menumpukan strategi pemasaran yang berkesan iaitu dengan pembinaan kemudahan infrastruktur pemasaran di sepanjang rangkaian bekalan iaitu *supply chain* bermula dari kawasan pengeluaran dengan membina pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian di mana pusat-pusat ini berperanan sebagai pusat pengembangan pengeluaran dan pengendalian pemasaran hasil-hasil pertanian di peringkat ladang. Aktiviti pembersihan, penggredan, pembungkusan, penjenamaan akan dilakukan sebelum hasil-hasil pertanian tersebut dihantar ke pusat pengedaran (distribution center) yang kebiasaannya ditempatkan di bandar-bandar atau berhampiran dengan pusat pengeksportan.

Pendekatan mewujudkan kemudahan pengendalian di peringkat ladang melalui pusat pengumpulan dan mewujudkan pusat pengedaran adalah merupakan pendekatan yang akan terus dibangunkan oleh FAMA dalam projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian ini juga menggalakkan hasil-hasil

pertanian terutama sayur-sayuran dan buah-buahan dikeluarkan melalui amalan pertanian baik dengan amalan pengendalian lepas tuai yang digalakkan dan diperakukan mengikut peraturan dalam amalan pengendalian baik untuk membolehkan hasil-hasil pertanian menggunakan jenama yang diperkenalkan oleh FAMA iaitu *Malaysia's Best* di mana hasil-hasil pertanian dijamin berkualiti dan selamat untuk dimakan. Sehingga kini, lima jenis buah-buahan telah dijenamakan di bawah *Malaysia's Best* iaitu belimbing, betik, nanas, tembikai dan mangga. Usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap jenama ini dilaksanakan secara berterusan.

Mengenai suntikan modal Bank Pertanian yang dibangkitkan oleh Datuk M. Ratnam, Bank Pertanian diperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi industri pengeluaran makanan termasuk industri pemprosesan, pembungkusan, pemasaran industri yang kenal pasti berjaya. Peruntukkan ini di bawah Tabung 3F disalurkan melalui Bank Pertanian dan memang ianya digunakan kepada pengusaha-pengusaha industri yang dikenal pasti projeknya memang berdaya maju.

Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad menyentuh tentang *working market* iaitu suntikan modal Bank Pertanian kepada petani, penternak dan nelayan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sehingga Jun 2005, Bank Pertanian telah meluluskan pinjaman sejumlah RM1.973 bilion untuk membiayai projek-projek pertanian moden kepada 28,138 orang peminjam melalui skim berikut:

- i) Tabung Untuk Makanan;
- ii) Tabung Industri Kecil dan Sederhana;
- iii) Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Auto Pertanian;
- iv) Skim Usahawan Tani Komersial;
- v) Skim Pembiayaan *Low Intensity Tapping System*;
- vi) Skim Tanaman Semula Kelapa Sawit. Dan
- vii) pinjaman projek melalui dana Bank Pertanian Negara.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula, kementerian telah memperakukan peruntukan berjumlah RM600 seperti berikut;

- i) Skim Kredit Padi;
- ii) Skim Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera;
- iii) Skim Usahawan Tani Komersial dan Siswazah;
- iv) Industri Kecil dan Sederhana;
- v) Skim Mempelbagai Masyarakat Pertanian;
- vi) Skim Kredit Pengeluaran Makanan; dan

vii) Skim Pembiayaan Bot Perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dari segi beberapa perbahasan yang telah dibawakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas beberapa pandangan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dan Insya-Allah ini memberi suntikan semangat kepada kementerian ini untuk menjalankan tugas dengan lebih baik lagi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Penerangan.

6.29 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, esok boleh sambung? *[Ketawa]*

Puan Noriah binti Kasnon: Akur Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bukan hendak mempermain-mainkan Yang Berhormat, saya mohon maaf. Tetapi saya pun berbelah bahagi, ada beberapa saat, saya tidak boleh tangguhkan Mesyuarat begitu rupa. Saya benar-benar tidak berhasrat langsung hendak mempermain-mainkan atau memperolok-olokkan Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.